

DASAR LUAR ERA MAHATHIR

# DASAR LUAR ERA MAHATHIR

CHAMIL WARIYA



PETALING JAYA  
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.

Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.  
3, Jalan 13/3, 46200 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan  
© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1989  
Pertama kali diterbitkan 1989  
Cetakan kedua 1989  
ISBN 967 65 0912 4

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian  
dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,  
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,  
ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk  
atau dengan sebarang cara, baik dengan cara  
elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman  
dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu  
daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

327.015  
C 112  
522867

Dicetak di Malaysia oleh  
Vinlin Press Sdn. Bhd., Kuala Lumpur

18 MAR 1990  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## PENDAHULUAN

---

**M**ALAYSIA di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, memainkan peranan yang jauh lebih aktif dalam hal-ehwal antarabangsa berbanding dengan pemimpin-pemimpin negara sebelum ini. Falsafah, gaya, pegangan Dr. Mahathir dalam hubungannya dengan negara-negara luar berbeza dengan pemimpin yang terdahulu. Oleh kerana Malaysia sebuah negara kecil dan bukan sebuah kuasa tentera, pemimpin-pemimpin sebelum ini telah memainkan peranan yang sesuai dengan saiznya. Dr. Mahathir berbeza. Kekecilan Malaysia dari segi saiz tidak menghalang beliau untuk mengemukakan gagasan besar mengenai politik antarabangsa, atau menelanjangi kepura-puraan kuasa besar – Barat dan Timur serta mempertahankan kepentingan dunia ketiga dengan mendedahkan hipokrasi negara-negara maju. Beliau tidak takut untuk menyatakan pandangannya secara berterus terang, walaupun kenyataan yang dibuat itu adakalanya mencabar *status quo* atau mencemuh tindak-tanduk negara-negara yang lebih *superior*.

Kerana keberaniannya itu, di kalangan negara-negara sedang membangun, beliau diiktiraf sebagai jurucakap dan pemimpin mereka. Beliau mengisi kekosongan pimpinan dalam forum-forum antarabangsa selepas berundurinya tokoh-tokoh seperti Nyerere, Kaunda, Sukarno, Nehru, Tito, Nasser dan beberapa yang lain. Selepas pemimpin-pemimpin ini lesap dari skenario politik antarabangsa sebagai jurucakap negara-negara yang baru merdeka, sama ada kerana mereka gagal mempertahankan kuasa dalam politik dalam negeri masing-masing, atau kerana sudah meninggal dunia, wujud kekosongan dari segi mengartikulasi pandangan dunia ketiga tentang ketidakadilan dalam pentas antarabangsa. Satu waktu dulu, terutama di tahun-tahun 1960-an,



## PERANAN DASAR LUAR SEPINTAS LALU

---

**M**ALAYSIA mula mengambil alih tanggungjawab menjaga hal-ehwal luarnya sebaik sahaja ia merdeka dari jajahan Inggeris pada 31 Ogos 1957. Sebelum itu, urusan luar negeri adalah kewajipan London. Sebagai sebuah negara yang dijajah, Malaysia tidak diberi kebebasan dan hak untuk mengendalikan dasar luarnya sendiri. Ini bermakna dalam interaksi dengan negara-negara lain di dunia ini, jurucakap yang mewakili Malaysia bukan terdiri daripada pemimpin-pemimpin watannya, tetapi diplomat-diplomat Inggeris. Merekalah yang memelihara dan menjaga kepentingan kita di forum-forum antarabangsa.

Bagaimanapun keadaan itu berubah apabila kita muncul sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Tugas mengendalikan hal-ehwal luar dikembalikan kepada pemimpin yang memegang teraju pemerintahan. Perdana menteri biasanya memainkan peranan yang penting dan berpengaruh dalam menentukan halacara dasar luar yang diuruskan secara profesional oleh diplomat-diplomat terlatih di Kementerian Luar Negeri atau dikenali sebagai Wisma Putra. Kementerian ini, seperti halnya dengan kementerian-kementerian yang lain, diketuai oleh seorang menteri yang menganggotai kabinet. Menteri berkenaan dilantik oleh perdana menteri. Malah ada ketikanya perdana menteri sendiri menjadi menteri luar seperti halnya di zaman Tunku Abdul Rahman dulu.

Mengapa Malaysia perlu mempunyai dasar luar? Malah apa sebenarnya yang dimaksudkan sebagai dasar luar itu? Dan apa pula perbezaannya dengan dasar dalam negeri? Bagaimana dasar luar ditentukan dan diputuskan? Siapa yang bertanggungjawab menggubalnya? Apakah pula faktor-faktor yang

mempengaruhi pembentukan dasar luar sesebuah negara itu? Dan mengapa pula dasar luar hanya dimiliki oleh negara-negara yang bebas dan berdaulat?

### *Apa Itu Dasar Luar?*

Dasar luar ialah alat atau *instrument* yang diperlukan oleh sebuah negara untuk berinteraksi dengan sebuah negara lain, baik yang berjiran dengannya atau yang berada jauh darinya. Melalui dasar luar ini, kita menyatakan pendirian kita terhadap perkembangan dan pergolakan yang berlaku di luar sempadan negara kita dalam hubungan antarabangsa. Dasar luar boleh mencerminkan sikap kita yang berkecuali yang tidak mengikat kita pada mana-mana kuasa besar. Dasar luar juga boleh bercorak pemencilan atau pengasingan seperti yang diamalkan oleh Burma satu waktu dahulu yang mengambil pendirian menyisihkan negara itu daripada pergolakan yang berlaku di luar. Dasar luar juga boleh memperlihatkan sikap yang memihak kepada salah satu kuasa terbesar di dunia yang mempunyai ideologi politik dan sistem ekonomi yang berlawanan dan bertentangan. Dasar luar juga boleh memperlihatkan sikap sesebuah negara tentang peranannya dalam skenario politik antarabangsa sama ada ia ingin memainkan peranan yang pasif atau aktif dalam forum-forum dunia. Pendirian dasar luar juga boleh menjadi panduan bagi negara-negara lain yang ingin bersahabat atau bermusuhan dengan kita. Pendek kata, dasar luar akan menentukan sama ada sesebuah negara itu mempunyai banyak kawan atau lawan.

### *Matlamat Dasar Luar*

Dasar luar tidak wujud secara mendadak atau dalam kekosongan sosial. Ia diwujudkan untuk memenuhi matlamat tertentu, terutama dalam memanjangkan kepentingan sesebuah negara itu di luar sempadannya. Ini kerana setiap negara yang merdeka dan berdaulat mempunyai nilai-nilai asas yang ingin dipertahankan daripada dimusnahkan atau dicerobohi oleh pihak-pihak lain di luar terutama yang bermusuhan dengannya. Nilai

asas ini juga terangkum sebagai keselamatan nasional sesebuah negara.

Para pengkaji hubungan antarabangsa mengenal pasti bahawa dua nilai minimum asas yang ingin dipertahankan oleh sesebuah negara yang merdeka ialah keutuhan wilayahnya (territorial integrity) dan kebebasan politikanya (political independence). Inilah dua nilai asas yang ingin dipertahankan oleh mana-mana negara yang telah disenaraikan oleh seorang penulis hal-ehwal antarabangsa Arnold Wolfers. Penulis lain pula seperti Stephen Krasner dan Harold Brown menganggap bahawa selain dari nilai utama itu, satu lagi nilai yang ingin dilindungi oleh dasar luar sesebuah negara ialah kepentingan ekonomi.

Ada juga penulis melihat matlamat dan objektif dasar luar tidak berdasarkan tajuk-tajuk ekonomi, sosial atau politik. K.J. Holsti dalam bukunya, *International Politics: A Framework for Analysis* membahagikan objektif dasar luar kepada tiga kategori, iaitu matlamat jangka pendek, matlamat jangka pertengahan dan matlamat jangka panjang.

Antara matlamat jangka pendek yang beliau huraikan termasuklah mempertahankan nilai asas nasional sesebuah negara yang berkisar pada soal kebebasan dan kedaulatan tanahairnya. Ini bermakna dasar luar itu bertujuan melindungi sistem hidup yang ia miliki dari serangan mana-mana pihak yang cuba menghancurkannya atau mengubahnya. Matlamat jangka pertengahan pula meliputi beberapa perkara yang melampaui kepentingan asas yang ingin diperjuangkan oleh negara berkenaan. Ini termasuklah memenuhi matlamat ekonominya yang lebih luas untuk memelihara kebajikan dan sosial para penduduknya; melakukan usaha-usaha di peringkat antarabangsa yang boleh meninggikan imej dan prestij negara itu di kaca mata negara-negara lain yang tidak mempunyai pulangan kebendaan kepada negara itu. Apa yang diharapkan ialah cuma sanjungan dan pujian negara lain terhadapnya kerana usaha baik yang telah dilakukan itu. Ini termasuklah memainkan peranan sebagai perunding bagi dua negara yang berbalah atau mengambil bahagian dalam pasukan keamanan badan dunia Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyelia gencatan senjata antara dua negara yang telah berbalah dan bersetuju untuk berdamai.

Sesetengah negara juga menurut Holsti, terutamanya negara yang gagal dari segi tentera cuba menggunakan dasar luar jangka pertengahannya untuk meluaskan pengaruh ke atas negara-negara lain. Di zaman penjajahan dulu, perluasan pengaruh ini dilakukan dengan menguasai negara lain yang lebih lemah seperti yang dilakukan oleh kuasa-kuasa Eropah sebelum tahun 1945. Dalam konteks moden sekarang ini, meluaskan lingkungan pengaruh tidak lagi dibuat dalam bentuk itu. Sebaliknya ia dilakukan dengan mempengaruhi negara lain mencontohi sistem hidup yang diamalkannya supaya orang lain juga seragam dengannya. Malah matlamat mencari lingkungan pengaruh ini juga merupakan objektif jangka panjang dasar luar negara-negara terbesar di dunia. Di bawah program ini, negara-negara berkenaan melalui dasar luarnya, berusaha untuk menyusun semula sistem antarabangsa supaya ideologi yang ia anuti diterima secara menyeluruh. Ini pernah diusahakan oleh Adolf Hitler melalui rancangan 'Thousand year Reich'nya yang bertujuan untuk menukar dunia pada waktu itu kepada faham Nazi yang menjadi anutannya. Hitler cuba menyebarkan sistem hidup yang ia anjurkan itu dengan menakluki negara-negara Eropah.

Dalam konteks sekarang, Amerika Syarikat dan Rusia masing-masing sedang berusaha untuk menerapkan ideologinya kepada negara-negara lain melalui dasar luarnya, baik secara halus atau secara paksa. Ideologi Amerika (dan juga sekutu Baratnya) berkisar pada ekonomi pasaran bebas dan idea liberal demokratik. Sejak muncul sebagai kuasa terbesar dunia, ia cuba menerapkan ideologi itu ke atas negara-negara lain dengan memberi insentif atau hukuman. Negara-negara yang menganut dasarnya akan dianggap sebagai kawan dan diberi berbagai-bagai bentuk bantuan. Negara yang menolak dasarnya akan dianggap sebagai musuh dan usaha dibuat untuk menjatuhkan sistem yang tidak disenangi itu.

Begitu juga dengan Rusia. Ideologi politiknya ialah komunisme/sosialisme dengan ekonomi yang dikongkong oleh negara seratus-peratus sebelum adanya *glasnost* dan *perestroika*. Ini bermakna tidak ada tempat untuk sektor swasta, atau individu yang ingin mencari untung seperti yang terdapat dalam

sistem pasaran ekonomi bebas Amerika. Hanya baru sekarang beberapa pembaharuan yang memberi tempat kepada keuntungan disuntik ke dalam sistem ekonomi sosialis/komunis. Seperti juga Amerika, oleh kerana Rusia merupakan kuasa terbesar yang boleh mengimbangi Amerika, ia juga cuba mempengaruhi negara-negara lain di dunia supaya menganut ideologinya. Mana-mana negara yang sudah komunis dianggap sebagai sahabat. Di negara-negara yang terdapat peluang untuk menjatuhkan kerajaan atau pemerintahan yang tidak sehaluan dengannya, usaha menggulingkan kerajaan itu dibuat. Ini dilakukan dengan memberi sokongan kepada pergerakan komunis di dalam negeri negara-negara berkenaan. Satu kecenderungan selepas komunisme berjaya menegakkan sebuah negara berasaskan ideologi itu selepas Revolusi Bolshevik di Rusia pada tahun 1917 ialah munculnya negara-negara lain yang mengamalkan sistem pemerintahan yang dipelopori oleh Karl Marx itu. Pergerakan komunis juga tumbuh bagai cendawan di banyak negara lain yang demokratik termasuk di Eropah dan negara dunia ketiga yang lain.

Di Malaysia juga terdapat pergerakan komunis dalam bentuk Parti Komunis Malaya (PKM) yang dibentuk pada tahun 1931. Pada mulanya pergerakan ini mendapat sokongan Rusia melalui Comitern (Komunis Antarabangsa) dan selepas itu, PKM berada di bawah pengaruh Peking pula. Kuasa komunis seperti Rusia dan China melalui dasar luarnya, cuba mengkomunikasikan Malaysia seperti negara-negara lain yang berada dalam keadaan yang sama, sebagai matlamat jangka panjangnya. Di Malaysia, usaha itu jelas tidak berjaya. Tetapi di negara lain seperti di Afghanistan (contoh paling baru), di Yaman Selatan, di Vietnam dan di Korea Utara rejim komunis berjaya ditegakkan. Di bawah pemerintahan Sukarno, Indonesia juga hampir menjadi sebuah negara komunis.

Matlamat dasar luar juga boleh digolongkan dengan kategori yang berlainan, walaupun pada asasnya ia memenuhi cita-cita yang telah disebut oleh Holsti tadi. Misalnya Hans Morgenthau dalam bukunya *A New Foreign Policy For the US* juga mengkategorikan objektif dasar luar kepada tiga, tetapi bukan dari segi jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang.

Sebaliknya, beliau mengkategorikan matlamat dasar luar kepada objektif nasional, objektif subnasional dan objektif supranasional.

Objektif nasional Morgenthau adalah sama dengan matlamat jangka pendek Holsti, iaitu mempertahankan nilai asas kepentingan dan keselamatan nasional. Matlamat subnasional pula merujuk kepada usaha yang dibuat oleh sesebuah negara untuk memajukan satu kepentingan golongan yang berpengaruh dalam sesebuah negara di peringkat antarabangsa melalui dasar luarnya. Ini berlaku kerana dalam sesebuah negara itu, terdapat berbagai golongan. Setiap golongan ini mempunyai kepentingan yang tersendiri, adakalanya tidak setinggi kepentingan nasional. Misalnya di Malaysia, golongan subnasional yang penting ialah pekebun kecil getah, pekebun kelapa sawit, pelombong bijih timah dan pembalok. Golongan ini bergantung pada pasarnya di luar negeri. Ini bermakna negara terpaksa memberi perhatian khusus untuk menjaga kepentingan mereka untuk memperjuangkan kepentingan golongan ini di peringkat antarabangsa. Maka dasar luar juga digunakan untuk memenuhi cita-cita itu bagi mendapatkan pasaran yang lebih luas serta harga yang lebih baik bagi komoditi itu.

Matlamat supranasional pula merujuk kepada perjuangan untuk mewujudkan dunia yang lebih sejahtera melampaui kepentingan bangsa itu sendiri. Untuk mencapai matlamat ini, ada negara yang sanggup mengorbankan kepentingan nasional seperti yang telah dilakukan oleh 13 buah negara Eropah Barat yang telah menganggotai European Economic Community (EEC). EEC dianggotai oleh negara yang mempunyai kepentingan yang berbeza. Tetapi demi kepentingan jangka panjang, mereka sanggup menyetepikan kepentingan bangsa dengan mewujudkan sebuah pasaran tunggal sesama mereka yang akan membolehkan barangan, modal, perkhidmatan dan tenaga kerja memasuki antara satu negara dengan negara lain tanpa sebarang halangan. Ini bermakna terdapat pergerakan bebas dari segi ekonomi. Misalnya, pekerja di Britain boleh mencari kerja di Jerman Barat tanpa perlu mendapatkan permit kerja seperti sebelum ini. Matlamat mewujudkan sebuah pasaran tunggal Eropah Barat ini dijangka dicapai sepenuhnya pada tahun 1992. Ia hanya boleh dicapai kerana pelbagai bangsa Eropah seperti

Inggeris, Perancis, Belanda, Jerman, Sepanyol dan Portugis bersedia mengorbankan kepentingan bangsa untuk kerjasama yang dipanggil sebagai supranasional ini. Dari beberapa segi, 159 buah negara di dunia telah melakukan kerjasama yang sama walaupun tahapnya agak rendah, dengan kesediaan mereka menganggotai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Dengan menyertai PBB bermakna ada di antara mereka mengorbankan kepentingan nasional untuk kepentingan yang lebih besar bagi mewujudkan dunia yang lebih aman dan damai.

Andainya Holsti dan Morgenthau mentafsirkan bahawa matlamat dasar luar mempunyai tiga kategori, Arnold Wolfer dalam bukunya *Discord and Collaboration* pula membahagikannya kepada dua kategori. Pertama, matlamat pemilikan dan kedua, matlamat persekitaran. Tetapi dua matlamat itu juga memenuhi kesemua matlamat yang telah disebut oleh Holsti dan Morgenthau. Matlamat pemilikan ialah mengekalkan pemilikan sesuatu bangsa berasaskan nilai-nilai utama yang telah ia nikmati dalam berbagai-bagai bidang termasuk ekonomi. Matlamat persekitaran pula merujuk kepada usaha sesebuah negara untuk mempengaruhi pembentukan satu suasana antarabangsa yang akan memberi manfaat bukan sahaja kepada negara itu secara sendiri, tetapi juga kepada negara-negara lain. Yang turut diperjuangkan di bawah matlamat persekitaran ini termasuk mewujudkan dunia yang lebih aman dengan anggota-anggotanya menghormati undang-undang yang telah dipersejuti secara sepakat atau musyawarah.

Jelas bahawa tidak kira bagaimana matlamat dasar luar dikategorikan, dasar luar adalah alat penting bagi setiap negara untuk menjaga dan melindungi kepentingan dan keselamatan nasionalnya. Kepentingan yang asas ialah mempertahankan keseluruhan wilayah dari dicerobohi, kebebasan nasional, sistem hidup dan juga kepentingan ekonomi. Jelas bahawa apa yang ingin diperjuangkan oleh setiap negara melalui dasar luarnya, adalah selari dengan dasar dalam negerinya. Itu sebabnya kesimpulan boleh dibuat bahawa dasar luar pada dasarnya adalah lanjutan kepada dasar dalam negeri sesebuah negara. Ini memberi makna bahawa apa yang ingin diperjuangkan oleh sesebuah negara melalui dasar luar adalah kepentingan nasionalnya.

*Bagaimana Dasar Luar Digubal*

Tanggungjawab menggubal dasar luar di negara mana juga adalah prerogatif autoriti (kuasa yang sah) yang paling tinggi di negara berkenaan. Kuasa ini biasanya berada dalam genggaman cabang eksekutif (kerajaan) di negara itu yang diketuai oleh seorang perdana menteri atau presiden. Di negara demokrasi, cabang eksekutif ini dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya. Manakala di negara-negara yang tidak demokratik, kerajaan mungkin dimonopoli oleh satu kumpulan yang berpengaruh. Kemungkinan juga angkatan bersenjata di negara yang jeneral-jeneral berpakaian seragam memainkan peranan penting dalam pemerintahan. Ia juga boleh jadi parti komunis seperti halnya di negara-negara seperti Rusia, China, Vietnam, Cuba dan sebagainya. Di negara-negara seumpama ini, kelompok yang berpengaruh ialah parti-parti komunis yang memerintah atas nama rakyat yang disokong oleh tentera.

Baik di negara bebas atau authoritarian, penggubalan dasar luar dilakukan dengan mengambil beberapa faktor yang dikira penting bagi kepentingan dan keselamatan nasional negara berkenaan. Ia meliputi faktor dalaman dan faktor luaran atau persekitaran di mana negara itu berada. Senarainya cukup panjang sekali. Tetapi pengkaji-pengkaji hubungan antarabangsa mengenal pasti bahawa antara hal-hal penting termasuklah sejarah negara itu, kedudukannya dari segi geografi, sistem politik yang diamalkan, saiz negara, keadaan sosial, ekonomi (sama ada negara membangun atau sudah maju), faktor-faktor kepimpinan pembuat dasar atau apa yang dipanggil sebagai faktor idiosinkratik dan sebagainya.

Sejarah memainkan peranan penting kerana ia memberi petunjuk kepada negara berkenaan berkait dengan soal siapa ia ingin bersahabat atau mengetepikannya. Misalnya, sekiranya negara itu pernah dijajah dan pernah melalui pengalaman pahit dengan kuasa yang menjajahnya (seperti antara Indonesia dengan Belanda) maka hubungan mereka tidak akan mesra terutama di peringkat awal selepas merdeka. Begitu jugalah sebaliknya jika hubungan antara kuasa penjajah dengan negara yang pernah dijajah mesra. Hubungan antara keduanya akan



berjalan dengan baik seperti yang dialami oleh Malaysia dan United Kingdom. Vietnam misalnya, dari segi sejarah kerap menganggap China sebagai musuhnya. Maka dalam dasar luarnya ia mencurigai China dan terpaksa mencari sahabat yang bermusuhan dengan China untuk menjamin kepentingannya terselamat dari ancaman China. Inilah yang telah mendorong Vietnam untuk berkawan dengan Rusia kerana Rusia juga (sebelum berbaik-baik semula dengan China sejak beberapa tahun lalu) adalah musuh China. Dengan bersahabat dengan Rusia, Vietnam merasa mendapat perlindungan dari kuasa komunis itu.

Kedudukan geografi (termasuk geopolitik) juga penting dalam menentukan dasar luar sesebuah negara. Jika kedudukannya strategik, maka dengan mudah boleh menjadi tarikan kepada kuasa-kuasayang bersaing. Sekiranya negara berkenaan mengambil pendirian luar yang tidak seimbang, keselamatan nasionalnya mungkin boleh diancam oleh musuh-musuhnya. Dalam keadaan itu, negara berkenaan perlu mengambil pendirian luar yang seimbang dan tidak memihak kepada kuasa-kuasa bermusuhan yang berminat dengan kedudukannya yang strategik itu. Kedudukan geografi ini juga meliputi faktor-faktor lain seperti sama ada negara itu mempunyai sempadan laut yang luas atau tidak mempunyai sempadan laut, mempunyai kawasan yang bergunung-ganang serta memiliki bahan mentah yang mencukupi atau sebaliknya.

Saiz serta kekuatan sesebuah negara juga mempengaruhi pembentukan dasar luar. Negara yang dianggap sebagai kuasa kecil tentu tidak boleh mengambil pendirian mempengaruhi negara lain supaya tunduk kepadanya. Negara kuasa besar tentu berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk mempengaruhi orang lain supaya mengikut telunjuknya. Begitu juga halnya dengan dinamik sosial politik di dalam negeri. Unsur-unsur itu memainkan peranan yang *decisive*. Negara yang merasakan komunisme menjadi ancaman di dalam negeri, tentu tidak boleh mengambil pendirian dengan negara-negara luar yang diperintah secara komunis. Negara-negara yang demokratik liberal dan berpasaran bebas tentu lebih mesra mengambil pendirian luar yang rapat dengan negara-negara yang mengamalkan nilai-nilai

yang sama. Keperluan dalaman sesebuah negara bagi bahan mentah juga mempunyai pengaruh dalam dasar luar. Negara-negara yang mengharapkan bahan mentah penting tentu tidak boleh mengambil pendirian dasar luar yang bermusuhan dengan negara-negara pembekal bahan mentah. Jepun misalnya, yang bergantung pada keperluan tenaga dari negara-negara asing berkawan baik dengan negara itu melalui dasar luarnya. Negara yang mengharapkan pasaran bagi barangan atau perkhidmatan di negara lain juga akan mengambil sikap yang sama untuk memastikan bahawa pasarnya terjamin. Maka negara itu akan berbuat baik dengan negara-negara yang barangannya mendapat pasaran.

Tidak syak lagi walaupun faktor-faktor luaran dan dalaman penting dalam penggubalan dasar luar, satu faktor yang berpengaruh ialah individu pemimpin yang membuat dasar luar itu sendiri. Ini kerana walaupun dasar luar sesebuah negara digubal setelah menerima input dari berbagai ragam, akhirnya yang akan membuat keputusan muktamad dan menentukan jalan mana yang hendak diikuti dalam pendirian luar sesebuah negara, akan ditentukan oleh tokoh yang paling berpengaruh dalam negara berkenaan. Beliaulah akhirnya yang akan menentukan arah dasar luar negaranya. Sekiranya ia seorang pemimpin yang mempunyai visi tertentu untuk mengubah dunia (seperti halnya dengan Hitler) maka ia akan cuba untuk menjadikan visinya itu satu kenyataan menggunakan dasar luar yang bakal diputuskan. Sekiranya pemimpin di negara berkenaan seorang yang pasif yang hanya mengikut arus politik antarabangsa yang ditentukan oleh pihak lain yang berpengaruh, maka negara itu hanya akan menjadi pak turut dalam dasar luarnya. Tidak ada inovasi akan diperkenalkan. Asalkan pergolakan di luar tidak mengancam kebebasan politik dan keluhuran wilayah serta kedaulatannya, maka pemimpin berkenaan akan berpuas hati dengan apa yang berlaku. Tidak keterlaluan juga jika disimpulkan bahawa sekiranya pemimpin begini berkuasa, maka urusan dasar luar banyak ditentukan oleh diplomat-diplomat profesional di Kementerian Luar atau tokoh yang diamanahkan untuk mengetuai kementerian itu.

Jelas bahawa penggubalan dasar luar adalah satu proses yang

kompleks. Tidak ada satu faktor yang boleh menentukan pembentukannya. Ia bergantung kepada beberapa faktor di dalam negeri itu sendiri serta faktor persekitaran yang mengelilingi negara berkenaan. Tetapi satu hal yang nyata ialah pemimpin utama di negara itu akan memainkan peranan penting tentang arah dasar luar negara itu.

### *Orientasi Dasar Luar*

Walaupun pada asasnya matlamat dasar luar adalah sama bagi setiap negara, iaitu menjaga kebebasan politik dan keutuhan wilayah, setiap negara mengambil pendekatan yang berbeza bagaimana matlamat itu hendak dicapai. Menurut para pengkaji hubungan antarabangsa, terdapat sekurang-kurangnya enam orientasi atau pendekatan. Ia adalah orientasi pemencilan, perluasan, pengecualian, pembinaan perikatan militer, kerjasama ekonomi dan memainkan peranan yang aktif atau pasif dalam politik antarabangsa. Ada baiknya kita tinjau setiap orientasi ini secara ringkas untuk memahaminya.

#### **Pemencilan**

Negara yang mengamalkan dasar luar yang berorientasikan pemencilan akan menyisihkan dirinya daripada sebarang pergolakan dalam politik antarabangsa. Memencilkan diri ini dilakukan secara sukarela, bukan dengan paksaan, atau negara itu dipulaukan oleh negara-negara lain seperti halnya jika sesebuah negara itu dipencilkan. Rasional di sebalik tindakan ini ialah dengan menjauhkan diri daripada perkembangan di luar sempadan, negara tersebut merasa selamat. Kepentingan dan keselamatan nasionalnya tidak akan diancam. Ia tidak akan diheret oleh perkembangan-perkembangan yang boleh mengancam nilai-nilai asas minimum yang cuba dipertahankan. Sistem hidup dan kebudayaannya tidak akan diresapi oleh anasir-anasir luar yang korup dan kotor. Dengan itu keaslian cara hidup dapat dipertahankan.

Negara-negara yang mengamalkan orientasi pemencilan tidak pula bermakna ia tidak berinteraksi dengan negara-negara lain. Interaksi tetap ada seperti mengadakan hubungan diplomatik

atau hubungan perdagangan. Tetapi interaksi itu dikekalkan ke tahap yang amat rendah. Negara-negara asing yang ada hubungan diplomatik dibenarkan membuka kedutaan di negara berkenaan. Tetapi pergerakannya terbatas. Negara itu biasanya mengamalkan dasar pintu tertutup bukan sahaja kepada pelancong, tetapi juga kepada pemodal yang ingin melabur di negara itu. Kerana interaksi yang minimum ini, negara yang mengamalkan dasar luar bercorak pemencilan ini seolah-olah hidup sendiri. Dunia di luar sempadannya adalah dunia yang berasingan. Dengan kata lain negara itu tidak ingin diserap dan diheret ke dalam sebarang pertelingkahan atau konflik yang berlaku di luar batas sempadannya. Sejajar dengan hasratnya untuk tidak campur tangan dengan apa yang berlaku di luar, ia juga tidak menggalakkan negara-negara lain campur tangan dengan apa yang berlaku di dalam negeri itu.

Logik kepada orientasi pemencilan ini ialah sekiranya negara itu menyekutukan dirinya dengan pergolakan dunia, negara itu akan diserap ke dalam apa juga pergolakan yang berlaku. Jika demikian terjadi, negara itu mempunyai kepercayaan bahawa kepentingan dan keselamatannya terancam dan berkemungkinan terhakis. Kerana adanya kepercayaan itu, keputusan dibuat untuk memencilkan diri dari arus utama politik antarabangsa.

Kini, orientasi pemencilan bukanlah satu amalan meluas. Hanya Burma yang masih berpegang kepada doktrin pemencilan. Negara itu telah menyisihkan diri daripada politik antarabangsa sejak tahun 1961 apabila ia diperintah oleh Ne Win. Ne Win telah menutup pintu Burma kepada pengaruh luar dan membuka pintunya sedikit kepada para pelancong. Burma juga tidak ambil pusing dengan pergolakan yang berlaku di luar sempadannya. Ini termasuk pergolakan dengan jiran-jirannya yang paling hampir seperti Negeri Thai, India dan Bangladesh. Secara rasmi, dasar pemencilan itu telah ditamatkan selepas berlaku perubahan pimpinan di Burma pada pertengahan tahun 1988. Tetapi dalam amalan pintu Burma masih tertutup rapat kepada pengaruh luar.

Selain Burma, Amerika Syarikat dan Jepun pada satu ketika juga pernah mengamalkan dasar luar yang bercorak pemencilan ini. Amerika Syarikat umpamanya, sebaik sahaja merdeka dari

British, mengamalkan dasar luar yang tidak mengambil hirau apa yang berlaku di Eropah. Para pemimpinnya percaya bahawa pemencilan adalah sebaik-baik cara untuk menjaga kepentingan nasional negara itu. Kerana itu, ia tidak mempedulikan perbalahan di kalangan kuasa-kuasa Eropah; atau turut bersamasama dengan kuasa Eropah untuk mencari tanah jajahan. Tetapi dasar pemencilan itu ditamatkan pada akhir abad ke-19. Kerana khuatir bahawa pergolakan di Eropah boleh mengancam keselamatannya, Amerika mula menunjukkan minat terhadap pergolakan yang berlaku di Eropah. Ia turut terlibat dalam Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua kerana khuatir jika Jerman menguasai Eropah, ia akan menjadikan Amerika sebagai sasaran serangannya selepas itu. Kerana adanya kebimbangan ini, ia bekerjasama dengan negara-negara Eropah yang belum ditakluki oleh Jerman untuk menumbangkan negara itu. Selepas itu, Amerika tidak lagi memencilkan diri daripada politik antarabangsa. Sebaliknya ia mengambil dasar luar yang aktif dan berorientasikan perluasan kerana percaya bahawa kepentingan nasionalnya hanya boleh dipelihara dengan pendekatan baru itu.

Jepun juga pernah mengamalkan orientasi pemencilan atas kepercayaan bahawa cara itu adalah berkesan untuk kepentingan nasionalnya dari pengaruh negara-negara luar. Tetapi orientasi itu terpaksa ditamatkan akibat tekanan daripada Amerika yang ingin Jepun membuka pintunya kepada dunia luar pada abad ke-19. Sejak itu Jepun memperlihatkan minat terhadap pergolakan dunia, lantas menyertai persaingan dengan kuasa-kuasa Eropah untuk mencari pengaruh di Asia menyebabkan ia akhirnya berkonflik dengan kuasa-kuasa benua Eropah. Sejak pintunya dibuka, Jepun tidak lagi kembali kepada orientasi pemencilan. Tetapi selepas Perang Dunia Kedua, ada usaha dibuat oleh Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya untuk memencilkan Jepun. Tetapi dasar Amerika ini juga sudah ditamatkan memandangkan Jepun adalah sekutu Amerika sendiri selepas 1945.

### **Perluasan**

Orientasi perluasan atau ekspansionisme adalah berlawanan dengan pendekatan pemencilan. Negara-negara yang memilih

orientasi ini biasanya memainkan peranan penting bukan sahaja dalam politik antarabangsa, tetapi juga menentukan dalam men-corakkan politik dunia. Biasanya dasar perluasan ini adalah orientasi yang hanya boleh diamalkan oleh negara-negara yang kuat. Negara kecil atau kuasa sederhana tidak boleh. Ini kerana dalam mengamalkan orientasi ini, sesebuah negara itu sanggup terlibat dalam persengketaan yang memastikan kemenangannya. Jika sesebuah negara itu tidak kuat, ia tidak akan mampu berbuat demikian.

Seperti pemencilan, orientasi perluasan dalam dasar luar ini menjadi pilihan kerana negara yang mengamalkannya percaya bahawa ia adalah cara yang paling baik untuk melindungi kepentingan dan keselamatan nasionalnya. Dengan berbuat demikian, negara itu percaya bahawa sekiranya ingin terus selamat, ia perlu memperluaskan pengaruhnya melebihi batas sempadannya. Jika tidak, keselamatan nasionalnya merasa diancam dan ia tidak berupaya untuk melindungi nilai-nilai asas yang ingin dipertahankan, dimampatkan serta diperkembangkan kepada pihak lain.

Apabila disebut perluasan, ada dua bentuk yang menjadi amalan. Pertama, perluasan dalam bentuk penambahan wilayah. Ini dilakukan dengan menakluki wilayah negara lain dan menjadikannya sebagai sebahagian dari wilayahnya sendiri. Tindakan itu diambil atas kepercayaan bahawa ia boleh menjamin nilai-nilai asas yang penting bagi negara itu.

Perluasan dalam bentuk perluasan wilayah adalah amalan biasa sebelum tahun 1945. Ia dilakukan oleh kuasa-kuasa Eropah yang telah menjajah negara lain untuk membesarkan wilayah masing-masing. Inggeris, Belanda, Perancis, Sepanyol, Portugal, Jerman, iaitu kuasa-kuasa Eropah ketika itu, berlumba-lumba membahagi-bahagikan dunia seolah-olah ia adalah hak mereka. Sepanyol, Portugal menjadikan Amerika Selatan sebagai tanah jajahan mereka. Belanda, Jerman, Inggeris dan Perancis datang ke Asia dan Afrika. Perluasan dalam bentuk penaklukan wilayah orang lain ini bukan sahaja dilakukan oleh kuasa-kuasa Eropah. Lama sebelum itu, Mongol di Asia juga pernah berbuat demikian.

Selepas tahun 1945, perluasan adalah satu amalan yang boleh

dikatakan tidak wujud lagi kecuali di Israel. Negara Yahudi itu, dalam usaha untuk menjaga keselamatan nasionalnya dari ancaman negara-negara Arab yang bermusuhan telah menakluki beberapa tanah Arab yang bukan miliknya. Ini termasuklah wilayah Gaza dan Tebing Barat yang sepatutnya menjadi negara Palestin menurut ketetapan 187, 1947 Bangsa-bangsa Bersatu. Tindakan yang sama kemudian dilancarkan dengan mengambil alih Semenanjung Sinai (milik Mesir yang telah pun dikembalikan sebagai balasan kepada pengiktirafan yang diberikan oleh Mesir kepada Israel) dan Puncak Golan milik sebuah lagi negara jiran, Syria. Segala tindak-tanduk Israel ini dibuat dengan tujuan untuk menjamin kepentingan nasionalnya dari terus diancam oleh negara-negara Arab yang bermusuhan.

Walaupun orientasi perluasan dalam bentuk pembesaran wilayah dengan merampas wilayah negara lain secara kekerasan adalah amalan zaman silam, perluasan muncul dalam corak baru yang berbentuk mencari lingkungan pengaruh. Corak baru ini juga dikenali sebagai *neo imperialism* atau penjajahan bentuk baru masih dilakukan oleh kuasa-kuasa besar. Ia adalah penjajahan secara tidak langsung kerana tidak ada rampasan tanah terlibat. Sebaliknya penjajahan bentuk baru ini bercorak ekonomi, politik dan ideologi. Penjajahan ekonomi dilakukan oleh kuasa besar dengan membuat negara lain bergantung kepadanya bagi kemajuan dan pertumbuhan ekonomi. Negara-negara itu akan diletakkan di bawah lingkungan pengaruhnya sehingga negara itu tunduk pada kuasa itu kerana menyedari sekiranya mereka ingkar, mereka akan menghadapi padah ekonomi yang merugikan. Jepun, Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah Barat sedang terlibat dalam dasar luar orientasi yang bercorakkan penjajahan bentuk baru ini dengan mengikat ekonomi negara-negara yang lemah kepada ekonomi mereka sehingga mereka tidak dapat mengelakkan penggantungan yang kuat pada kuasa-kuasa besar itu.

Penjajahan bentuk baru ini juga boleh dibuat dari segi ideologi dan politik. Sekali lagi ia hanya boleh dilakukan oleh kuasa-kuasa besar seperti Rusia dan Amerika. Kita tahu bahawa Rusia ialah sebuah negara yang diperintah berasaskan prinsip Marx dan Lenin dan mempunyai ekonomi sosialis. Amerika pula ialah

sebuah negara liberal demokratik dengan ekonomi pasaran bebas. Masing-masing merasakan bahawa keselamatan mereka hanya boleh dijamin sekiranya negara-negara lain di dunia boleh dipaksa mengamalkan sistem pemerintahan mereka. Kerana itu Amerika berusaha memperluaskan ideologinya. Rusia juga begitu. Sasaran mereka ialah negara-negara yang letaknya strategik bagi kepentingan mereka. Ambil Asia Tenggara sebagai contoh. Oleh kerana rantau itu mempunyai laluan laut yang penting bagi kepentingan negara-negara di rantau ini, iaitu Selat Melaka dan Laut China Selatan, masing-masing cuba memujuk dan memaksa negara-negara di rantau ini supaya memihak kepada mereka. Kerana Amerika mempunyai kehadiran di kalangan negara-negara pasaran bebas Asia Tenggara, Rusia pula menjadikan Vietnam dan negara-negara Indo-China yang lain sebagai sekutunya.

### **Berkecuali**

Pendirian berkecuali dalam dasar luar adalah satu orientasi yang muncul selepas Perang Dunia Kedua. Perang itu telah mewujudkan dua kuasa terbesar yang bertelagah, Amerika Syarikat dan Rusia. Negara-negara di dunia waktu itu dipaksa untuk menyokong salah satu kuasa besar itu dalam pendirian luar mereka. Di kalangan negara-negara yang baru merdeka terdapat kesedaran bahawa sekiranya aliran itu berterusan ia adalah merbahaya yang boleh menyejatkan pertelingkahan militer antara dua kuasa terbesar itu. Untuk mengendurkan ketegangan tersebut maka muncul idea bagi berkecuali. Negara-negara yang berpegang kepada dasar luar ini cuba mengekalkan pendirian yang sama jarak dengan dua kuasa terbesar itu.

Aspek penting untuk mengenal pasti negara berkecuali ialah kecenderungan militernya. Dari segi ketenteraan ini, mereka tidak menyekutukan diri dengan mana-mana pihak dalam perikatan atau pakatan. Negara-negara berkecuali juga tidak membenarkan kuasa-kuasa besar mempunyai pangkalan tentera di negara mereka.

Walaupun dari segi militer negara-negara berkecuali tidak memihak kepada mana-mana kuasa besar, tetapi dari segi politik mereka mempunyai ikatan. India adalah contoh negara ber-



kecuali yang pro-Moscow dari segi politik. Malaysia dan Singapura serta Negeri Thai adalah contoh negara berkecuali yang pro-Amerika dari segi politik dan juga ekonomi. Yugoslavia pula adalah satu-satunya contoh negara berkecuali yang benar-benar tidak pro-Moscow atau Washington. Jelas di kalangan negara-negara berkecuali, terdapat beberapa variasi dalam konteks politik.

### Peranan Aktif

Orientasi dasar luar yang mengambil peranan aktif dalam politik antarabangsa adalah satu lagi kecenderungan di kalangan sebilangan negara. Negara-negara yang mengambil pendekatan ini biasanya aktif bukan dengan tujuan untuk meluaskan lingkungan pengaruhnya atau menakluki wilayah negara lain. Tetapi ia dibuat dengan tujuan kerana ingin memainkan peranan yang berpengaruh dalam politik antarabangsa seperti yang dibenarkan oleh demokrasi. Negara-negara begini biasanya mengambil tempat yang giat dalam pertubuhan-pertubuhan dunia dan cuba mempengaruhi proses perbincangan dan perundingan antarabangsa. Ia akan mengemukakan pandangan dan pendapat tentang berbagai-bagai perkara yang difikirkan penting tanpa merasa takut dengan tekanan yang mungkin dikenakan oleh kuasa-kuasa yang lebih besar.

Negara yang mengambil orientasi aktif ini tidak mementingkan saiz negara mereka. Walau kecil sekalipun, mereka berani menyuarakan pandangan. Ini dibuat atas kepercayaan bahawa hanya dengan bertindak lantang dalam forum-forum antarabangsa sahaja, kepentingan nasional mereka dapat dipanjangkan dan dipertahankan. Membisu atau berpeluk tubuh atau mengikut sahaja arus yang ditetapkan oleh negara lain akan memberi kesan yang sebaliknya kepada kepentingan nasional mereka. Negara yang mengambil orientasi ini tidak besar jumlahnya. Tetapi di kalangan negara-negara membangun, dari semasa ke semasa muncul pemimpin yang akan bersuara lantang menyuarakan kepentingan negara-negara membangun dari penindasan negara-negara maju. Pandangan yang disuarakan biasanya diberi perhatian dan layanan, tetapi difikirkan tidak membawa perubahan struktur dalam sistem antarabangsa.

Malah kuasa-kuasa besar menyedari pendapat yang disuarakan itu diberi perhatian, memberi tempat kepada negara-negara yang mempunyai dasar luar yang aktif ini dengan memberi mereka peranan yang menjadikan mereka merasa sebagai penting dan berguna. Tindakan itu juga adakalanya merupakan satu cara untuk menutup kelantangan mereka mengkritik sistem antarabangsa yang terus dimonopoli oleh kuasa-kuasa besar.

### **Perikatan Militer**

Tidak semua negara mempunyai kekuatan militer untuk mengatasi ancaman yang diajukan terhadap keselamatan dan kepentingan nasionalnya. Secara bersendirian negara yang lemah ini akan dipermainkan oleh musuhnya. Menyedari hakikat ini, ada negara yang mengambil pendekatan dasar luar yang berteraskan perikatan atau pakatan militer pilihan mereka sendiri. Negara yang lemah biasanya mengadakan perikatan dengan sebuah kuasa yang lebih gagah dan ditakuti oleh musuh-musuhnya.

Perikatan militer ini boleh diwujudkan dalam dua bentuk. Pertama, secara dua hala sekiranya perikatan itu hanya antara negara itu dengan kuasa militer. Kedua, mungkin juga pelbagai hala andainya perikatan itu melibatkan sekelompok negara.

Andaian di sebalik negara yang memilih orientasi ini ialah dengan mengadakan perikatan militer, keselamatan nasionalnya akan dapat dipelihara. Ini kerana apabila ia diserang atau diancam, kuasa militer yang disertainya akan membantu negara berkenaan. Dengan itu, negara itu merasa selamat dan nilai-nilai dasarnya tidak berani diancam oleh sesiapa.

Mengadakan perikatan militer merupakan penekanan dasar luar yang popular selepas tahun 1945. Kelahiran pakatan tentera Atlantik Utara atau Nato yang menggabungkan Amerika serta sebahagian besar negara Eropah Barat ke dalam satu perikatan militer adalah contoh yang jelas. Negara-negara ini merasakan bahawa ancaman terhadap keselamatan mereka datang daripada Rusia. Secara sendirian, negara-negara Eropah Barat ini merasakan bahawa mereka tidak akan boleh menghadapi ancaman Rusia. Tetapi secara kolektif mereka yakin dengan kemampuan dan keupayaan mereka. Rusia juga merasa begitu. Ia melihat bahawa Amerika dan Eropah Barat adalah ancaman

paling besar terhadap keselamatannya. Ia juga melihat bahawa secara bersendirian, ia juga tidak berupaya untuk mengatasi ancaman yang akan diajukan oleh Nato. Kerana itu, Rusia pula mempelopori Pakatan Warsaw, iaitu satu perikatan tentera yang menggabungkan negara itu dengan sekutu-sekutunya di Eropah Timur. Hanya dengan berbuat demikian, mereka percaya boleh menghadapi Nato yang dilihat akan mengancam keutuhan wilayah serta kebebasan politiknya.

### **Kerjasama Ekonomi**

Seperti yang sudah dijelaskan, ekonomi adalah satu nilai penting dalam konteks kepentingan dan keselamatan nasional sesebuah negara. Ada negara merasakan bahawa secara bersendirian mereka tidak mempunyai kekuatan ekonomi untuk menghadapi ancaman yang diajukan terhadap mereka. Kerana itu, mereka mewujudkan kerjasama ekonomi terutama di kalangan negara-negara yang berada dalam rantau yang sama. Secara kolektif, mereka yakin dengan kemampuan mereka.


Maka wujudlah kerjasama ekonomi dalam bentuk yang formal dan tidak formal. Dalam bentuk yang formal ialah kesatuan-kesatuan khusus yang menggalakkan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara anggota. Menubuhkan sebuah kesatuan ekonomi adalah kecenderungan yang ketara sejak 1945. Yang pertama menjalin kerjasama ekonomi ialah negara-negara kapitalis Eropah Barat melalui Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) yang ditubuhkan pada tahun 1958. Di Asia Tenggara pula terdapat Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Kesatuan yang sama muncul di kalangan negara Arab; di Benua Kecil India; di Karibbean; di Afrika dan di Amerika Selatan. Negara-negara Pengeluar dan Pengeksport Minyak (OPEC) dan Kelab Eksklusif untuk tujuh negara-negara ekonomi maju dunia, juga merupakan kerjasama ekonomi yang berkesan. Kerjasama tidak formal pula dijalin tidak melalui kesatuan, tetapi melalui persefahaman, rundingan secara dua hala antara pemimpin-pemimpin yang mempunyai kepentingan ekonomi yang sama supaya mengelakkan tindak-tanduk yang boleh merugikan mereka sendiri.

### *Rumusan*

Jelas bahawa dasar luar adalah penting bagi setiap negara di dunia ini. Melalui dasar luarlah, negara-negara memperjuangkan kepentingan nasional masing-masing daripada ancaman-ancaman. Perjuangan ini dijalankan secara sendirian dan juga berkelompok. Dalam melaksanakan matlamat dasar luar itu, terdapat beberapa orientasi. Setiap negara akan memilih orientasi yang difikirkan boleh membawa keuntungan kepada mereka. Orientasi yang diamalkan tidak semestinya satu. Ia boleh melebihi satu asalkan orientasi yang diambil tidak bercanggah antara satu sama lain sehingga boleh membawa kerugian. Orientasi dasar luar yang diamalkan juga tidak semestinya kekal hingga bila-bila. Sekiranya orientasi yang ada tidak menguntungkan kepentingan dan keselamatan nasional, negara berkenaan boleh mengubahnya termasuk mengambil orientasi baru yang bercanggah. Jepun dan Amerika misalnya, pernah mengamalkan orientasi pemencilan kerana ketika itu mereka percaya pendekatan tersebut berkesan untuk memelihara kepentingan nasionalnya. Tetapi setelah difikirkan, pemencilan tidak boleh menjaga kepentingan itu, kedua-dua negara mengambil pendirian yang aktif dalam politik antarabangsa dengan tujuan untuk meluaskan lingkungan pengaruhnya yang bercorak perluasan pula. Tetapi perluasan tidak pula bertujuan untuk membesarkan wilayah dengan menakluki wilayah negara lain, tetapi dilakukan dalam bentuk penjajahan baru yang bercorak ekonomi, ideologi dan politik. Jelas bahawa dasar luar, orientasi serta strateginya adalah dinamik dan tidak statik. Ia sentiasa berubah. Yang tidak berubah ialah kepentingan nasional negara itu, iaitu mempertahankan kebebasan politik dan keutuhan wilayah serta kesejahteraan ekonominya.



1 Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sedang berucap di sesi ke-43, Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, New York, pada 4 Oktober 1988. Foto: *Bangsa-bangsa Bersatu*.



2 Dato' Seri Dr. Mahathir dan Dato' Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah bergambar bersama Puan Margaret Thatcher, Perdana Menteri Britain semasa mengunjungi Puan Thatcher di kediamannya pada Oktober 1988. Foto: *Jabatan Penerangan Malaysia*.



3 Dato' Seri Dr. Mahathir dan Dato' Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah bersama Presiden Jerman Barat, Richard Von Weizsaecker dan isteri bergambar di kediamannya di Bonn sebelum memulakan rundingan mereka pada 21 September 1988. Foto: BERNAMA - AP.



4 Perdana Menteri bersama Presiden Rusia, Mikhail Gorbachev pada 2 Ogos 1987. Foto: BERNAMA - APN.



5 Dato' Seri Dr. Mahathir bersama Perdana Menteri India Rajiv Gandhi di pejabat Rajiv di New Delhi dalam rangka lawatan beliau ke India pada Februari 1987. Foto: REUTERS.







6 Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir menemui Perdana Menteri Jepun Noboru Takeshita di Bangunan Parlimen, Tokyo, semasa lawatan tidak rasminya selama tiga hari ke Jepun, selepas menghadiri sidang Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York. Foto: REUTER.



7 Ketibaan Dato' Seri Dr. Mahathir di Lapangan Terbang Kastrup, Copenhagen, Denmark disambut oleh Perdana Menteri Denmark, Encik Poul Sehluter. Foto: BERNAMA.



8 Perdana Menteri Jepun, Noboru Takeshita bersama Dato' Seri Dr. Mahathir semasa PM Jepun itu melawat Malaysia pada 3 Mei 1989 lalu. Di belakang ialah Dato' Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah bersama Puan Naoko Takeshita. Foto: BERNAMA.



9 Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bergambar bersama Pemangku Perdana Menteri Rusia, Murakhovski serta pemimpin-pemimpin Rusia yang lain, sebelum memulakan rundingan mereka pada 29 Julai 1987 di Moscow. Foto: BERNAMA.



10 Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad bersama Menteri Luar Britain Sir Geoffery Howe di pertemuan mereka di kediaman rasmi Howe di London pada 23 Julai 1987. Foto: *REUTER*.

2  
DASAR LUAR SEBELUM  
MAHATHIR

---

*Pro-Barat Antikomunis*

**M**ALAYA (kemudian Malaysia) muncul sebagai sebuah negara merdeka tatkala iklim antarabangsa berada dalam keadaan yang agak tegang. Perang dingin antara Amerika dengan Rusia sedang memuncak ketika itu. Perang dingin itu tercetus sejurus selepas dua buah kuasa terbesar dunia itu sama-sama bersatu untuk menumbangkan rejim Adolf Hitler di Jerman. Dalam perang itu kedua-dua kuasa itu bekerjasama dan berada dalam satu pasukan kerana mereka berdepan dengan musuh yang serupa, iaitu Hitler. Tetapi selepas kekalahan Jerman dan ketiadaan musuh bersama, Amerika dan Rusia bertelingkah, tidak dalam satu perang terbuka yang melibatkan kekuatan militer, tetapi dalam permusuhan yang bukan ketenteraan coraknya. Perseteruan baru antara dua kuasa yang bersaing antara satu sama lain ini meliputi bidang ekonomi, politik dan tindakan-tindakan subversif. Dengan kata lain, perang dingin ini bukan satu perang yang terbuka. Istilah perang dingin ini mula digunakan oleh penasihat presiden Amerika, Benard Baruch pada tahun 1947 dan kemudian diterima sebagai menggambarkan hubungan Washington dengan Moscow selepas Perang Dunia Kedua berakhir.

Perang dingin berlaku kerana terdapat ideologi yang bertentangan antara Amerika dengan Rusia. Masing-masing cuba memperluaskan lingkungan pengaruh. Mereka cuba menewaskan satu sama lain di kawasan-kawasan yang strategik. Rusia berusaha untuk menambah bilangan negara yang diperintah menurut cara komunis. Ini dilakukan dengan menyokong pergerakan-pergerakan militan komunis di negara-negara di mana

terdapat pergerakan seumpama itu. Perkembangan ini sudah pasti tidak menyenangkan Amerika Syarikat yang berpegang pada ideologi liberal demokratik dan ekonomi pasaran bebas. Sebarang kemajuan yang dicapai oleh Rusia dalam usahanya itu bermakna satu tamparan bagi Amerika yang menyebarkan idea kebebasannya. Lantaran itu, ia juga berusaha untuk membendung kemaraan pengaruh Rusia dengan berbagai-bagai cara, termasuk melibatkan diri dalam perang secara proksi seperti di Semenanjung Korea, Vietnam dan beberapa kawasan lain.

Di sebalik perang dingin, berlaku pula perlumbaan senjata nuklear antara dua kuasa terbesar dunia itu. Senjata nuklear adalah senjata yang mempunyai kemampuan yang hebat berbanding dengan senjata konvensional. Amerika merupakan negara dunia yang pertama memiliki senjata nuklear yang telah digunakan terhadap Jepun. Dua butir bom telah digugurkan di Hiroshima dan Nagasaki dengan kesan yang cukup hebat menyebabkan Jepun menyerah kalah dalam perang itu. Selepas Amerika menemui senjata nuklear, Rusia tidak berdiam diri. Kenyataan ini terbukti tepat. Pada tahun 1949, Moscow meletupkan bom nuklearnya yang pertama. Sejak itu bermulalah perlumbaan senjata nuklear bukan sahaja antara Rusia dengan Amerika, tetapi juga melibatkan kuasa-kuasa lain. Britain menjadi negara ketiga memiliki senjata nuklear pada tahun 1952. Ini diikuti oleh Perancis pada 1960, China 1964 dan India 1974.

Semasa era perang dingin, perlumbaan senjata nuklear telah berlaku dalam dua bentuk. Bentuk pertama bercorak menegak, di sini berlaku persaingan antara sesama kuasa nuklear itu sendiri untuk menambah simpanan senjata nuklear, memperbaiki sistem penghantaran, meninggikan kuasa letupan dan mengambil tindakan lain untuk menjadikan kemampuan nuklear lebih sofistikated dan merosakkan. Kuantiti ditambah dan kualiti ditinggikan. Bentuk yang satu lagi ialah penyebaran senjata nuklear yang bercorak mendatar. Penyebaran ini merujuk kepada proses di mana semakin banyak negara berjaya memperoleh senjata nuklear. Dengan kata lain proses mendatar merujuk kepada proses bagaimana negara bukan nuklear menjadi kuasa nuklear. Ini boleh disaksikan dengan bertambahnya bilangan kuasa-kuasa nuklear sejak tahun 1945 semasa era perang dingin dari

sebuah negara pada 1945 (Amerika) kepada empat buah iaitu Rusia, Britain, China dan Perancis. Selepas perang dingin berakhir, beberapa negara lain (seperti India dan Israel) dikatakan sudah memiliki senjata nuklear, manakala beberapa negara lain (seperti Pakistan dan Brazil) dikatakan sedang berada di ambang menjadi kuasa nuklear.

Jelas bahawa iklim antarabangsa yang disertai oleh Malaysia pada tahun 1957 bukan sahaja tegang, tetapi telah berpola kepada dua blok, satu Barat yang dipimpin oleh Amerika Syarikat dan satu lagi Timur diketuai oleh Rusia. Kedua-dua blok ini tidak hidup dalam aman damai; sebaliknya bertelagah dan bersaing antara satu sama lain.

➤ Tidak dapat disangkal lagi bahawa iklim antarabangsa ini telah membentuk dan mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia. Tidak dapat tidak, Malaysia terpaksa diserap ke dalam perang dingin antara dua kuasa dunia itu. Malaysia sebenarnya tiada pilihan. Jika ia kuat, ia berupaya untuk mengamalkan dasar luar yang benar-benar bebas. Tetapi kerana ia sebuah kuasa kecil dan apabila merdeka tidak mempunyai angkatan bersenjata sendiri, tidak ada pasukan laut atau angkatan udara, maka Malaya di bawah pimpinan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dipaksa oleh keadaan untuk bergantung pada Britain dalam mempertahankan kepentingan nasionalnya, iaitu menjaga kedaulatan, keutuhan wilayah serta kebebasan politik dan cara hidupnya. Ini dilakukan dengan menyerahkan tanggungjawab menjaga Malaysia kepada British sekiranya ia diserang oleh musuhnya dari luar, iaitu menurut Perjanjian Pertahanan Inggeris-Malaya atau Anglo-Malaya Defence Agreement (AMDA) yang ditandatangani pada tahun 1957. Ini bermakna walaupun sudah merdeka, pertahanan Malaya masih diurus oleh London. Tidak ada usaha dibuat untuk mewujudkan angkatan bersenjata sendiri. Ada bantahan (termasuk dari UMNO sendiri) tentang perjanjian pertahanan ini. Tetapi Tunku akhirnya mendapat persetujuan supaya perjanjian itu dikuatkuasakan.

Britain memang senang dengan perjanjian tersebut kerana melalui perjanjian pertahanan yang dikenali sebagai AMDA itu, ia secara langsung masih boleh menguasai negara ini. Kepentingan British dalam Malaya yang merdeka masih banyak. Estet-

estet boleh dikatakan sebahagian besarnya dimiliki oleh syarikat-syarikat multinasional British. Dengan kehadiran tentera British, mereka merasa selamat. Lebih dari itu, Britain mempunyai jaminan untuk terus mendapatkan bahan-bahan mentah penting bagi menggerakkan industrinya. Selain itu, ia juga mendapat pasaran yang terjamin bagi barangan dan perkhidmatannya di Tanah Melayu. Barangan *made in Britain* memang sejak lama menguasai pasaran barangan negara ini.

Kerana skenario antarabangsa yang tegang itu menyebabkan Malaya merasa ia tidak selamat dan tidak berupaya untuk menjaga kepentingan nasionalnya, maka Malaya telah terdorong untuk mengambil orientasi yang menyekutukan diri dengan perikatan militer secara dua hala dengan kuasa yang pernah menjajahnya. Rasional di sebalik tindakan ini ialah hanya dengan berbuat demikian, keselamatan nasional dan kebebasan politik Malaya dapat dipertahankan. Dengan kata lain, Tanah Melayu telah mengamalkan dasar luar yang pro-Barat dengan dua ciri utama, iaitu demokrasi (memberi peluang kepada rakyat memilih kerajaan yang bakal memerintah), dan menjadi sebuah negara yang ekonominya berpasaran bebas yang memberi tempat kepada sektor swasta dan pemburuan mencari untung.

Dasar luar awal Malaya ini bukan sahaja pro-Barat, tetapi ia juga memilih dasar luar yang antikomunis yang memberi pengertian bahawa dalam hubungan dan interaksinya dalam arena antarabangsa, Malaysia tidak berkawan dengan negara-negara yang diperintah secara komunis. Tindakan ini diambil bukan sahaja kerana Malaysia pro-Barat, tetapi kerana negara ini telah melalui pengalaman pahit pemberontakan komunis dalam negeri untuk menumbangkan kerajaan yang sedia ada (dan dipilih oleh rakyat) melalui cara-cara keganasan, kekerasan dan tidak mengikut perlembagaan negara. Kerana di dalam negeri Malaya bermusuhan dengan pergerakan komunis, tentulah tidak lojik baginya untuk berkawan dengan negara-negara komunis di luar negeri yang menyokong pergerakan komunis di dalam negeri. ←

Ancaman komunis dalaman yang dihadapi oleh Malaya sebenarnya bermula sebelum negara ini merdeka lagi. Komunisme sudah menjadi masalah besar ketika British masih menjajah negara ini. Keadaannya begitu teruk sehingga peme-



rintahan British waktu itu terpaksa mengisytiharkan darurat untuk menghadapi ancaman komunis yang bertujuan menegakkan kerajaan komunis di Malaya sama seperti yang telah dilakukannya di beberapa negara lain di dunia ini. Menurut sejarah, pergerakan komunis wujud di Malaya tidak lama selepas Rusia berjaya dikomuniskan melalui Revolusi Bolshevik pada 1917. Kejayaan itu mendorong Rusia menubuhkan Pergerakan Komunis Antarabangsa yang bertanggungjawab mengasaskan parti-parti komunis di luar negeri. Benua Asia merupakan sasaran Pergerakan Komunis Antarabangsa ini.

Sebelum Parti Komunis Malaya (PKM, yang diharamkan) ditubuhkan pada tahun 1931, pergerakan komunis di Malaya telah dipelopori oleh Parti Komunis China sejak 1926 lagi. Selepas itu, PKM mengambil alih fungsi Parti Komunis China yang mempunyai ejen-ejen mereka yang terdiri daripada orang-orang China imigran yang berada di Malaya. Malah butir-butir risik menunjukkan bahawa PKM sendiri didominasi oleh orang-orang Cina, walaupun di kalangan pucuk pimpinan tertinggi terdapat beberapa orang Melayu seperti Musa Ahmad (yang sudah kembali ke pangkal jalan dan kini berada di Malaysia), Rashid Mydin, Shamsiah Fakeh yang khabarnya kini tinggal dalam buangan di Peking.

Jelas bahawa pergerakan komunis tempatan yang ditentang oleh kerajaan yang sah pimpinan Tunku Abdul Rahman mendapat sokongan daripada negara-negara komunis di luar. Pada mulanya sokongan itu—baik moral dan kebendaan—dihulurkan oleh Rusia dan selepas itu oleh Peking yang secara langsung mengawal kebanyakan parti komunis di Asia. Kerana pergerakan komunis di dalam negeri merupakan tali barut kepada kuasa komunis di luar, maka Malaya menganggap keduanya sebagai musuh yang akan mengancam nilai-nilai asas yang ingin dipelihara oleh pimpinan yang baru saja mengambil alih pemerintahan negara daripada penjajah. Faktor ini tidak syak lagi telah mewarnai pendirian dasar luar yang telah diambil oleh Tunku Abdul Rahman.

Tunku beranggapan bahawa sekiranya Malaya tidak mengambil pendirian yang pro-Barat yang juga bermusuhan dengan negara-negara komunis di peringkat antarabangsa, ia tidak ada

kemampuan untuk mempertahankan kewujudannya dalam bentuk yang ada. Dengan kata lain menurut perhitungan Tunku, tanpa Barat, Malaya juga akan menjadi sebuah negara komunis kerana ia dihimpit oleh pergerakan komunis di dalam negeri di satu pihak dan pergerakan komunis di luar negeri di satu pihak lain. Latar belakang skenario antarabangsa yang tegang kerana berlakunya perang dingin dan skenario dalaman yang getir kerana adanya ancaman komunis dalaman telah mendorong Malaya dalam tempoh beberapa tahun awal selepas merdeka, khususnya antara tahun 1957 hingga 1963, untuk mengamalkan dasar luar yang pro-Barat dan antikomunis dengan orientasi yang bercorak menyertai perikatan militer satu hala dengan Britain. Di bawah dasar luar ini juga, Malaya hanya berkawan dengan negara-negara Barat yang mempunyai ideologi yang serupa. Secara khusus negara-negara yang disahabati oleh Britain juga menjadi sahabat kepada Malaya. Musuh-musuh Barat juga secara langsung dan tidak langsung menjadi musuh Malaya juga. Kerana itu di peringkat ini, Malaya tidak mempunyai sebarang hubungan, diplomatik, perdagangan, ekonomi, kebudayaan atau teknikal dengan negara-negara komunis.

Malah dalam pendirian antarabangsanya, Malaya mengambil keputusan untuk memperlihatkan sikap pro-Barat dan anti-komunisnya sehingga adakalanya melebihi negara-negara Barat itu sendiri. Malaya juga menyokong usaha Amerika untuk membendung kemaraan komunis. Malaya juga mengamalkan dasar dua China di Bangsa-bangsa Bersatu dengan tidak menjalin sebarang hubungan diplomatik. Apabila ada kuasa komunis berbalah dengan kuasa bukan komunis, Malaya mengambil pendirian menyokong negara bukan komunis. Ini berlaku pada tahun 1962 apabila China dan India berperang. Malaya telah memihak kepada India dan menyalahkan China terhadap konflik yang berlaku. Pada waktu ini Malaya juga adalah antara penyokong kuat Vietnam Selatan mempertahankan diri dari ancaman Vietnam Utara yang komunis. Malah, antara negara asing pertama yang dikunjungi oleh Tunku ialah Vietnam Selatan, iaitu pada tahun 1959.

Walaupun dasar luar Malaya adalah pro-Barat, ini tidak pula bermakna Tunku hanya mengikut sahaja kehendak Barat.

Malaya di bawah Tunku juga mengambil pendirian antikolonial. Malah Malaya lantang menentang dasar aparteid yang menindas kulit hitam di Afrika Selatan. Malah dengan usaha yang dipelopori oleh Tunku, Afrika Selatan telah dipecat daripada Komanwel pada tahun 1961.

Pada peringkat ini, Malaya juga memberi perhatian pada usaha mewujudkan sebuah persatuan negara-negara di Asia Tenggara untuk menggalakkan kerjasama sesama negara serantau. Dalam hubungan ini, seperti yang dijelaskan oleh banyak kajian, Tunku Abdul Rahman telah memainkan peranan penting dalam pembentukan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASA) yang dianggotai oleh Malaya, Negeri Thai dan Filipina pada tahun 1961. Tetapi pertubuhan itu tidak bertahan lama. Ekoran pembentukan Malaysia yang mencantumkan Malaya, Singapura, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah), Filipina (dan juga Indonesia) telah melancarkan serangan terhadap Malaysia menyebabkan ASA mati tanpa kubur. Selepas itu, kesatuan tiga negara Melayu-Malaysia, Filipina dan Indonesia-bergelar MAPHILINDO diusahakan, tetapi ia juga tidak menjadi kenyataan. Persatuan-persatuan ini memainkan peranan penting ke arah melahirkan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) selepas konfrontasi selesai.

### *Dari Pro-Barat Ke Berkecuali*

Dasar luar pro-Barat dan antikomunis Malaya selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963 juga mengalami perubahan, tidak secara mendadak, tetapi secara berperingkat-peringkat. Sekali lagi, faktor luaran dan dalaman telah mempengaruhi perubahan dasar luar Malaysia ini. (Faktor luaran merujuk kepada perkembangan-perkembangan dalam politik antarabangsa, manakala faktor dalaman pula merujuk kepada pergolakan di dalam negeri yang ada kaitannya dengan perkembangan di luar sempadannya.

### **Detente Menggantikan Perang Dingin**

Dalam arena antarabangsa, era perang dingin menjelang pada awal tahun-tahun 1960-an, sudah ada tanda akan berakhir. Di

antara Amerika Syarikat dan Rusia, terdapat keinginan untuk berbaik-baik semula dan hidup secara aman damai walaupun mereka tetap bersaing antara satu sama lain. Istilah perang dingin kini digantikan dengan *detente*, iaitu satu perkataan Perancis yang bermaksud pengurangan ketegangan antara negara-negara. Ini bermakna Amerika dan Rusia sedang mengambil langkah-langkah untuk mengendurkan ketegangan yang wujud antara dua blok utama di dunia itu. Usaha ini, menurut sesetengah pemerhati politik antarabangsa, bermula lewat tahun-tahun 1950-an ekoran perubahan pimpinan di Rusia. Pada mulanya ia dilakukan di belakang tabir dan tidak begitu diketahui umum dan hanya terserlah sebagai satu kenyataan pada akhir tahun-tahun 1960-an. Tetapi sejak awal tahun-tahun 1960-an lagi, *detente* sudah menjadi satu istilah yang kerap digunakan.

*Detente* mempunyai pengertian yang bertentangan dengan perang dingin. Sekiranya dalam era Perang Dingin, pergeseran Amerika-Rusia boleh menimbulkan gambaran-gambaran yang menakutkan bahawa perang nuklear boleh berlaku bila-bila saja, *detente* telah menamatkan rasa ketakutan itu. Ini kerana di bawah *detente* usaha sengaja dibuat untuk mencari jalan bagaimana mengawal perlumbaan senjata nuklear ke peringkat yang tidak membawa bencana. Jika boleh, pergerakan hendaklah dituju kepada menghapuskan sama sekali senjata-senjata nuklear, walaupun kita tahu ini tidak mungkin.

Tidak dapat tidak wujudnya *detente* antara dua kuasa terbesar dunia telah memberi kesan kepada negara-negara lain termasuk Malaysia. Selama ini Malaysia adalah pro-Barat dan menganggap musuh Barat sebagai musuhnya. Tetapi apabila Amerika dan Rusia berkawan dan bermesra antara satu sama lain, Malaysia tentu terpaksa mengkaji kedudukannya. Tetapi perubahan dalam skenario antarabangsa yang agak perlahan itu, tidak mudah untuk mempengaruhi Malaysia supaya menukar pendiriannya agar mengambil dasar luar yang tidak terlalu pro-Barat dan antikomunis. Perkembangan yang memberi pengaruh besar ialah pergolakan dalam negeri. Dua perkembangan utama akan dihuraikan di sini. Pertama, konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia terhadap pembentukan Malaysia dan kesannya

pada dasar luar Malaysia, dan kedua keyakinan pemimpin yang berkuasa untuk mengawal pergerakan komunis dalaman yang telah memberi kekuatan kepadanya untuk menghulurkan tangan persahabatan kepada negara-negara komunis di luar.

### Konfrontasi dan Kesannya

Pada tahun 1963, setelah idea ditimbulkan beberapa tahun sebelumnya, pembentukan Malaysia telah diumumkan kepada dunia. Malaysia adalah sebuah negara yang menggabungkan Malaya, Singapura, Sarawak dan Sabah (ketiga-tiganya tanah jajahan British) menjadi sebuah negara setelah mendapat persetujuan dari penduduk wilayah-wilayah itu. Britain ingin memerdekakan Singapura, Sarawak dan Sabah (serta Brunei yang pada mula bersetuju tetapi kemudian menarik diri dari menyertai Malaysia). Pilihannya ialah memerdekakan wilayah-wilayah itu secara berasingan atau memasukkannya ke dalam Malaysia. Pilihan kedua telah diputuskan setelah mendapat persetujuan pihak-pihak yang terlibat dengan diperhatikan oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Sepatutnya pembentukan Malaysia itu tidak menimbulkan masalah kerana Singapura, Sarawak dan Sabah tidak dipaksa menyertai Malaysia. Tetapi rupanya tidak.

Dua buah negara jiran, iaitu Indonesia dan Filipina, menyatakan bantahan mereka. Filipina menuntut Sabah sebagai sebahagian daripada wilayahnya dan tidak mengiktiraf Malaysia. Indonesia secara terselindung memang berminat untuk mendapatkan Sabah dan Sarawak bagi dijadikan sebagai wilayahnya kerana kedua-duanya bersempadan dengan Kalimantan. Tetapi hasrat ini telah tidak dinyatakan secara terbuka. Sebaliknya, Indonesia menganggap bahawa pembentukan Malaysia adalah penjajahan bentuk baru yang diusahakan oleh kuasa imperialis British dan konco-konco Baratnya. Lalu Indonesia, di bawah pimpinan Sukarno yang berada dalam genggaman Parti Komunis Indonesia (PKI), melancarkan kempen ganyang Malaysia yang dikenali sebagai konfrontasi.

Dalam menghadapi konfrontasi, Britain yang bertanggungjawab menjaga keselamatan Malaysia dari serangan luar melalui perjanjian pertahanan AMDA telah tampil. Indonesia berjaya dihadapi walaupun negara itu menerjunkan askar-askarnya di

Malaysia. Kemudian berlaku rampasan kuasa di Jakarta. Puak antikomunis dalam angkatan bersenjata telah menumbangkan kerajaan Sukarno dengan Suharto menjadi presidennya. Perubahan pimpinan telah membolehkan konfrontasi berakhir dan Indonesia akhirnya menerima dan mengiktiraf Malaysia. Filipina juga begitu walaupun tuntutan ke atas Sabah sampai sekarang belum lagi digugurkan secara rasmi atau hitam putih.

Tidak dapat dinafikan konfrontasi telah memberi kesan terhadap pemikir dan pembuat dasar di Malaysia. John Saravannamuttu (*The Dilemma of Independence, Two Decades of Malaysia Foreign Policy 1957-1977*) berhujah terdapat dua kesan yang bertentangan. Pertama, kesan jangka pendek menjadikan Malaysia lebih keras dalam pendirian pro-Barat dan antikomunisnya. Ini kerana ia melihat bahawa di sebalik konfrontasi, sebenarnya terdapat usaha pergerakan komunis antarabangsa untuk meluaskan pengaruhnya di Malaysia. Kesan kedua yang lebih bercorak jangka panjang telah membuat Malaysia lebih lunak sikapnya terhadap negara-negara komunis yang telah mendorong ia untuk mengamalkan dasar luar yang lebih berkecuali.

Konfrontasi sebenarnya memberi kesan terhadap pemikiran dalam dasar luar Malaysia supaya ia menamatkan pendirian yang terlalu pro-Barat. Ini kerana sewaktu konfrontasi berlangsung, Malaysia mendapati bahawa dalam forum-forum antarabangsa, terutama di kalangan negara-negara sedang membangun, ia tidak mempunyai kawan. Kawan-kawan Malaysia adalah negara-negara Barat. Di kalangan dunia ketiga hampir tidak ada dan ini adalah tidak baik bagi imej Malaysia. Indonesia pula sebaliknya mempunyai ramai sahabat yang telah menyokong tindakannya menganyang Malaysia dalam forum-forum antarabangsa. Keadaan ini telah mendorong Malaysia mengkaji semula pendirian luarnya dalam interaksi dengan negara-negara lain. Dasar yang terlalu pro-Barat perlu ditamatkan segera.

Keadaan itu pula dipermudahkan kerana di pihak Britain sendiri terdapat perubahan sikap dalam tanggungjawabnya menjaga keselamatan Malaysia melalui AMDA. Tidak lama selepas konfrontasi, London mengumumkan dasar pengunduran militernya dari Timur Suez kerana kedudukan kewangan tidak

mengizinkannya mengekalkan kehadiran angkatan tentera yang besar di kawasan-kawasan yang jauh dari negara itu. Ini bermakna AMDA akan ditamatkan dan Malaysia perlu memikul sendiri tanggungjawab menjaga keselamatannya daripada ancaman musuh-musuhnya dari dalam dan luar. Kerana Malaysia tidak lagi bergantung kepada Inggeris dari segi pertahanan, maka ia perlu melaksanakan dasar luar yang lebih bebas, bertujuan untuk mengurangkan musuh dan membanyakkan kawan. Dasar pro-Barat dan antikomunis tidak akan dapat memenuhi cita-cita itu.

Konfrontasi juga memberi kesan yang positif terhadap kerjasama serantau. Malah sebaik sahaja konfrontasi tamat, perbincangan bagi mewujudkan sebuah persatuan negara-negara bukan komunis Asia Tenggara bermula. Berdasarkan asas yang telah dirintis oleh ASA dan MAPHILINDO, maka satu pertemuan diadakan oleh lima buah negara kapitalis Asia Tenggara di Bangkok. Ia dihadiri oleh wakil-wakil dari Malaysia, Singapura (menjelang waktu ini sudah berpisah dari Malaysia), Indonesia, Filipina dan tuan rumah Negeri Thai. Pertemuan itu melahirkan Deklarasi Bangkok 1967 yang telah membawa kepada penubuhan ASEAN.

Sejak itu, pemikir dasar luar Malaysia mula bercakap tentang sebuah dasar yang berkecuali bagi menggantikan dasar luar yang pro-Barat dan antikomunisnya. Cakap-cakap bagi sebuah dasar yang berkecuali dan pengecualian Asia Tenggara ini mula-mula ditimbulkan oleh Tun Dr. Ismail yang bercakap atas sifatnya sebagai rakyat biasa pada tahun 1968 setelah meninggalkan kabinet atas sebab-sebab kesihatan. Gagasan beliau itu mendapat sambutan di dalam negeri dan kerajaan didesak supaya meneliti semula dasar luarnya secara serius. Bagaimanapun perubahan ini memerlukan pertukaran pimpinan untuk dijadikan kenyataan. Selepas gagal mendapat mandat cemerlang dalam pilihanraya 10 Mei 1969, yang telah disusuli dengan peristiwa berdarah 13 Mei 1969, Tunku Abdul Rahman mempunyai sebab yang baik untuk mengundurkan diri pada September 1970. Timbalan beliau, Tun Abdul Razak mengambil alih teraju pemerintahan negara dan ini membolehkan perubahan besar dilakukan pada dasar luar.

Menjelang waktu ini juga, kepimpinan Malaysia mempunyai keyakinan untuk mengendalikan ancaman komunis dalaman yang bergerak di sempadan bersama Negeri Thai-Malaysia dan Sarawak-Indonesia. Kerana adanya keyakinan ini, Tun Razak mula menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara blok komunis. Antara tahun 1972 hingga tahun 1973, hubungan diplomatik telah dijalin dengan Mongolia, Vietnam Utara, Korea Utara dan Jerman Timur dan kemudian diperluaskan kepada beberapa negara komunis yang lain di Eropah. Larangan bagi rakyat Malaysia untuk melawat negara-negara komunis ini juga mula dilonggarkan secara berperingkat-peringkat. Malaysia juga akhirnya mengiktiraf Peking sebagai wakil tunggal China. Malaysia turut mengundi kemasukan China sebagai anggota tetap Bangsa-bangsa Bersatu. Dasar dua China ditamatkan. Taiwan diiktiraf sebagai sebuah negara berasingan tetapi tidak mempunyai hubungan diplomatik. Hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China akhirnya dijalin pada tahun 1974 ekoran lawatan Tun Abdul Razak ke Peking. Dalam lawatan itu, Tun Razak mendapat jaminan bahawa Peking akan menamatkan bantuan kebendaan dan moral yang diberikan kepada PKM. China juga menganggap bahawa masalah Cina Malaysia adalah masalah dalaman Malaysia yang ia tidak akan campur tangan.

Jelas bahawa di bawah pimpinan Tun Abdul Razak, Malaysia telah menukar haluan dasar luarnya dengan berkecuali menggantikan pro-Barat dan antikomunis. Perubahan ke arah berkecuali ini sebenarnya bermula pada tahun 1970 ketika Tunku Abdul Rahman berada di saat-saat terakhir sebagai perdana menteri. Dalam sidang negara-negara berkecuali di Lusaka, Zambia, Tun Razak secara rasmi memberitahu pendirian berkecuali Malaysia. Serentak dengan itu, beliau juga mengemukakan gagasan Malaysia hendak menjadikan Asia Tenggara sebagai rantau aman, bebas dan berkecuali buat pertama kalinya secara rasmi dalam satu forum antarabangsa. Gagasan itu juga diulangi oleh Tun Razak dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu serta Sidang Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada tahun 1971. Rancangan untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai zon aman, bebas dan berkecuali juga diterima oleh ASEAN dalam sidangnya di Kuala Lumpur pada



tahun yang sama. Deklarasi Kuala Lumpur selepas itu menjadi inti kepada dasar luar Malaysia dan juga negara-negara ASEAN yang lain.

Sejajar dengan perubahan dasar luar itu, Malaysia juga mengambil tindakan yang selari dengannya. Para pemimpin Malaysia mula mengunjungi negara-negara blok Timur yang belum pernah dilawati oleh pemimpin-pemimpin sebelum ini. Ini termasuklah lawatan Tun Razak ke Rusia, ke negara-negara Eropah Timur serta China Komunis. Malah perdana menteri-perdana menteri selepas Tun Razak juga mengikut jejak langkah yang sama.

Malaysia tidak menghadapi masalah untuk menjadi sebuah negara berkecuali. Ini kerana syarat untuk menjadi negara berkecuali ialah negara berkenaan tidak menempatkan pangkalan tentera asing di bumi mereka atau mereka tidak terikat dengan mana-mana pakatan militer. Selepas pengunduran British, Malaysia tidak lagi menempatkan tentera asing di negaranya. Malah AMDA telah digantikan dengan Five Power Defence Arrangement (FPDA) yang mengikat Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia ke dalam satu kerjasama militer. Ia hanya sebuah badan yang bercorak konsultatif dan bukannya satu pakatan tentera. *TUN RAZAK*

Dasar berkecuali inilah yang kemudian diteruskan oleh Tun Hussein Onn yang menggantikan Tun Razak pada 14 Januari 1976 sebagai perdana menteri. Walaupun berkecuali, dari segi politik Malaysia masih pro-Barat. Tetapi pendirian politik itu tidak sedikit pun menjejaskan pendiriannya yang berkecuali. Dalam pada itu, Malaysia juga memberi keistimewaan dalam hubungannya dengan jiran-jirannya dalam ASEAN. Sebagai sebuah negara Islam, Malaysia juga menjalin hubungan yang mesra dengan negara-negara Islam yang lain sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi.

Nyata bahawa dasar luar Malaysia sejak tahun 1957 hingga ke zaman Tun Hussein Onn adalah tidak statik. Pada mulanya kerana Malaya menyertai masyarakat antarabangsa yang tegang dengan perang dingin, ia merasa kepentingan asasnya hanya boleh dijamin oleh sebuah dasar luar yang pro-Barat dan anti-komunis. Pendirian ini juga sesuai kerana adanya ancaman

komunis yang ingin menukar wajah Malaya. Selepas itu apabila berlaku *detente* antara Amerika dan Rusia, Malaysia merasakan dasar luar yang pro-Barat dan antikomunis tidak lagi sesuai. Kerana dua kuasa terbesar yang bersaing antara satu sama lain memasuki era kemesraan, Malaysia perlukan dasar luar yang selari dengan perkembangan itu. Perkembangan dalam negeri, terutama selepas konfrontasi berakhir dan selepas terdapat keyakinan dalam mengawal ancaman komunis dalaman juga menuntut perubahan dalam dasar luar yang boleh menjamin kedaulatan, keutuhan wilayah, kebebasan politik serta sistem hidupnya.

Lantaran itu, di bawah pimpinan Tun Razak, sebagai seorang pemimpin yang pragmatis, tanpa membuang masa Malaysia menamatkan dasar luar yang pro-Barat dan antikomunis. Di tempatnya digantikan dengan dasar luar yang berkecuali, iaitu satu sikap yang mengekalkan jarak yang sama dalam pertelingkahan dengan kuasa-kuasa besar yang pada asasnya masih tetap bermusuhan walaupun memasuki era *detente*. Perubahan ini perlu dibuat kerana kepentingan nasional Malaysia boleh dijamin melalui tindakan itu. Jika tidak, Malaysia akan dianggap sebagai tidak mengikuti perubahan masa, dan pendirian itu boleh mengancam keselamatan nasionalnya. Dengan adanya perubahan ini, nilai-nilai asas yang amat dihargai oleh Malaysia, iaitu keinginannya untuk kekal sebagai sebuah negara demokrasi liberal yang berpegang kepada pasaran bebas telah dapat dipertahankan dan diperkukuhkan. Keutuhan wilayahnya yang meliputi kawasan laut, darat dan udara juga telah dapat dipelihara dan tidak lagi diancam oleh sesiapa. Kebebasan memilih cara hidup juga terlindung. Kepentingan ekonominya juga dapat dipertahankan. Jelas bahawa dasar luar Malaysia telah memenuhi fungsinya untuk menjaga kepentingan nasional dalam arena antarabangsa.

## KEUTAMAAN DASAR LUAR MAHATHIR

---

**A**DALAH perkara biasa apabila seorang pemimpin baru mengambil alih teraju pemerintahan sesebuah negara, tugas pertama beliau ialah menggariskan keutamaan dasar-dasar pentadbirannya. Dasar ini biasanya meliputi hal-ehwal dalam negeri dan luar negeri. Ini adalah amalan biasa kerana setiap pemimpin mempunyai persepsi yang berbeza tentang pelaksanaan sesuatu dasar. Jika dasar yang diwarisi dari pemimpin sebelum ini tidak ditukar seratus-peratus, tetapi perubahan penekanan sudah pasti akan dilakukan.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, apabila menjadi perdana menteri keempat Malaysia (selepas Tunku Abdul Rahman, 1957-70, Tun Abdul Razak, 1970-76, Tun Hussein Onn 1976-81) pada 16 Julai 1981, juga telah bertindak demikian. Sewaktu mengumumkan haluan dasar luar Malaysia di bawah pimpinannya, beliau tidak membuat perubahan struktur. Dr. Mahathir meneruskan dasar luar yang sedia ada, tetapi dengan beberapa penekanan baru. Menurut beliau, keutamaan dasar luar negara dalam berinteraksi dengan unit-unit politik antarabangsa yang lain adalah seperti berikut. Pertama, ASEAN; kedua, negara-negara Islam; ketiga, negara-negara berkecuali; keempat, negara-negara Komanwel dan akhir sekali hubungan dengan negara-negara lain yang tidak termasuk dalam mana-mana pertubuhan itu. Dengan kata lain, kes Dr. Mahathir berkait dengan dasar luar adalah kesinambungan dan perubahan.

### *Mengapa Asean Penting Bagi Malaysia*

Asean ialah singkatan kepada Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Association of South-east Asian Nations). Malaysia

telah memainkan peranan penting dalam penubuhan persatuan yang bertujuan untuk menggalakkan kerjasama di kalangan negara-negara demokrasi Asia Tenggara. Selain Malaysia, empat anggota asal pertubuhan itu ialah Indonesia, Filipina, Singapura dan Negeri Thai. Selepas merdeka dari British, Brunei Darussalam turut menyertai ASEAN pada tahun 1984. Walaupun ia sebuah pertubuhan untuk Asia Tenggara, negara-negara lain di rantau ini yang mempunyai ciri yang berbeza dengan enam buah negara tersebut, tidak menyertai persatuan tersebut. Negara-negara itu seperti Vietnam, Kampuchea, Laos dan Burma, tidak diundang apabila ASEAN ditubuhkan ekoran Deklarasi Bangkok pada tahun 1967. Ini adalah kerana ekonominya dan sistem politiknya berasaskan sosialisme dan tidak demokratik.

ASEAN lahir selepas berlakunya pergolakan pahit di kalangan para anggotanya, khususnya selepas konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia terhadap Malaysia berakhir. Malah pemimpin seperti Tan Sri Ghazali Shafie berpendapat bahawa perdamaian di antara Malaysia dan Indonesia merupakan faktor yang telah membolehkan ASEAN menjadi kenyataan. Tidak sukar untuk siapa juga menerima pandangan Tan Sri Ghazali itu. Mereka yang mengikuti perjalanan sejarah Asia Tenggara selepas Perang Dunia Kedua akan akur dengan pendapat ini. Ini kerana usaha untuk mewujudkan sebuah persatuan di kalangan negara-negara bukan komunis di Asia Tenggara sudah dirintis lama sebelum ASEAN wujud. Pemimpin Malaysia ketika itu, Tunku Abdul Rahman telah memainkan peranan penting untuk menggerakkan kelahiran sebuah pertubuhan serantau di Asia Tenggara.

Pada Januari 1959, pembentukan SEAFET (ringkasan kepada South-east Asian Friendship and Economic Treaty) telah diumumkan ekoran rundingan antara Tunku Abdul Rahman dengan Presiden Garcia dari Manila. Indonesia, Negeri Thai, Kemboja, Laos, Vietnam Selatan dan Burma telah diundang untuk menyertai persatuan ini. Tetapi sambutan yang dingin telah diberikan oleh negara-negara yang diundang. Negeri Thai dan Vietnam Selatan mengalu-alukannya. Bagaimanapun Indonesia menolak penubuhan SEAFET atas alasan bahawa dua negara anggota, iaitu Filipina dan Malaysia mempunyai hu-

bungan dengan kuasa penjajah. Filipina menganggotai SEATO, sebuah pakatan pertahanan yang menggabungkan beberapa kuasa besar, manakala Malaysia pula mempunyai perjanjian pertahanan dengan Britain melalui AMDA. Atas alasan bahawa selagi ada negara anggota menganggotai pakatan serupa itu tidak benar-benar bebas, akan terdapat perpecahan yang akan menggugat pertalian perpaduan. Jakarta menolak undangan menyertai SEAFET. Tetapi sebab sebenar penolakan Indonesia lebih dari itu. Sebagai sebuah negara yang penting dan terbesar di rantau ini, Indonesia sebenarnya merasa terhina menyertai SEAFET kerana ia tidak memainkan peranan penting dalam pembentukannya.

SEAFET tidak dapat bertahan lama. Selepas itu, Malaysia, Negeri Thai dan Filipina mengasaskan penubuhan ASAS (Association of South-east Asian States) yang kemudian bertukar menjadi ASA (Association of South-east Asia) pada Julai 1960. Seperti SEAFET, ASA juga berkubur kerana berlaku perbalahan di kalangan negara-negara anggota. Filipina menarik diri sebagai membantah penubuhan Malaysia yang memasukkan Sabah sebagai sebahagian dari wilayahnya. Indonesia enggan menyertai ASA, kerana menganggap pembentukan Malaysia sebagai penjajahan bentuk baru. Selepas ASA, gagasan Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO) diusahakan. Tetapi dalam keadaan permusuhan antara ketiga-tiga negara berjiran itu, pembentukan itu mustahil untuk dijadikan kenyataan. Ini terbukti benar kerana tidak lama selepas MAPHILINDO ditonjolkan, gagasan itu juga lenyap mengikut jejak SEAFET dan ASA. Perbalahan berlaku antara Malaysia dengan Indonesia sehingga hubungan dua negara bersaudara itu terputus.

Hanya selepas Malaysia dan Indonesia berbaik-baik semula barulah sebuah persatuan kerjasama serantau telah berjaya ditubuhkan dalam ASEAN.

ASEAN tidak ditubuhkan sebagai sebuah pakatan tentera. Sebaliknya matlamat pertubuhan itu, seperti yang dinyatakan dalam Deklarasi Bangkok Ogos 1967 adalah: 'untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di kalangan negara anggota; untuk meningkatkan keamanan dan kestabilan serantau; untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang sosial, ekonomi, kebu-

dayaan, teknikal, saintifik dan pentadbiran; untuk memajukan perdagangan, industri dan pertanian; untuk meningkatkan pengajian Asia Tenggara dan untuk mengadakan kerjasama rapat dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan serantau yang lain di dunia ini.'

Secara kolektif, ASEAN juga sedang berusaha untuk menjadikan rantau ini sebagai sebuah zon aman, bebas dan berkecuali selari dengan Deklarasi Kuala Lumpur 1971 (ZOPFAN). Rasional di sebalik gagasan ini ialah sebuah Asia Tenggara yang berkecuali akan menghindarkan konflik yang boleh mengheret negara-negara di rantau ini serta kuasa-kuasa besar yang berminat dengan kawasan ini. Walaupun ZOPFAN merupakan gagasan yang diusahakan oleh ASEAN tetapi ia meliputi seluruh Asia Tenggara dan bukan kawasan ASEAN sahaja. Ini termasuk kawasan yang didiami oleh Vietnam, Laos, Kampuchea dan Burma. Bagi ASEAN usaha ini penting kerana sejak beratus tahun lalu rantau Asia Tenggara memang sentiasa menjadi rebutan kuasa-kuasa di luar kawasan ini. Amerika Syarikat, Rusia, China dan Jepun memang diketahui mempunyai minat dan kepentingan di Asia Tenggara. Tambahan pula Asia Tenggara mempunyai dua laluan utama laut yang kerap digunakan oleh kuasa-kuasa tersebut, iaitu Selat Melaka dan Laut China Selatan. Dengan mengecualikan Asia Tenggara tidak pula bermakna bahawa kuasa-kuasa besar itu tidak boleh berada di rantau ini. Kehadiran mereka dibenarkan, tetapi untuk tujuan keamanan. Malah rancangan jangka panjang ASEAN ialah untuk menjadikan rantau ini sebagai kawasan yang bebas dari senjata nuklear.

Prospek bagi mewujudkan sebuah kawasan aman, bebas dan berkecuali walaupun sudah dirintis sejak 1971, masih belum menjadi kenyataan sepenuhnya. Tiga langkah diperlukan untuk memenuhi cita-cita tersebut. Pertama, gagasan ini hendaklah diiktiraf oleh negara-negara yang terlibat. Di kalangan negara-negara ASEAN memang terdapat persetujuan yang padu. Langkah kedua ialah mendapatkan jaminan serta pengiktirafan dari negara-negara Asia Tenggara yang berada di luar ASEAN. Vietnam, Laos dan Kampuchea serta Burma setakat ini hanya memberikan komitmen mulut yang diragui keikhlasannya. Langkah

ketiga dan terakhir ialah mendapatkan jaminan daripada kuasa-kuasa besar dunia untuk mengiktiraf gagasan ASEAN. Ini juga masih belum diperolehi.

Terdapat kesediaan di kalangan China, Rusia dan Amerika untuk mengakuinya, tetapi jaminan ini hanya sekadar menyedapkan hati sahaja. Pada asasnya mereka menentang rancangan menjadikan Asia Tenggara sebuah kawasan aman, bebas dan berkecuali, apalagi untuk menjadikannya kawasan yang bebas dari nuklear. Tetapi pemimpin ASEAN tidak berputus asa dan masih meneruskan usaha untuk menjadikan Deklarasi 22-27 November 1971 di Kuala Lumpur itu satu kenyataan. Ini kerana sebuah Asia Tenggara yang bebas akan menjamin keselamatan nasional setiap negara di rantau ini termasuk negara-negara ASEAN itu sendiri.

Jelas bagi Malaysia, ASEAN bukan sekadar memberi faedah ekonomi, tetapi juga keselamatan. Melalui ASEAN, Malaysia yang pernah diancam kewujudannya oleh negara-negara yang berjiran boleh merasa lebih selamat. Masalah yang timbul boleh diselesaikan melalui saluran ASEAN. Ini kerana walaupun ASEAN telah ditubuhkan, Malaysia sebenarnya masih lagi mempunyai beberapa masalah dengan negara-negara jiran. Ada bahagian sempadannya dengan negara jiran masih belum diselesaikan secara muktamad. Sabah masih lagi dituntut oleh Filipina, walaupun para pemimpin negara itu dari Marcos ke Aquino pernah berjanji untuk menggugurkan tuntutan itu. Sampai sekarang soal Sabah masih menjadi duri dalam daging antara Malaysia dan Filipina. Aquino dalam kenyataan yang paling baru sempena persidangan ASEAN pada tahun 1987 memberitahu kesediaannya untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Tetapi beliau meminta supaya Malaysia membayar pampasan pertama kepada kerajaan Filipina dan kedua kepada waris-waris Sultan Sulu yang satu masa dulu dikatakan memiliki Sabah sewaktu wilayah itu berada dalam lingkungan pengaruh Filipina. Seperti yang dijelaskan beberapa kali oleh Dr. Mahathir, Malaysia bersedia berunding, tetapi akan menolak jika dikenakan sebarang syarat.

Selain itu, Malaysia juga mempunyai masalah sempadan dengan Brunei Darussalam. Brunei Darussalam menuntut Limbang

dalam Sarawak sebagai sebahagian dari wilayahnya. Langkah Malaysia menuntut beberapa pulau Spratly di Laut China Selatan juga mendapat bantahan dari Indonesia, Brunei Darussalam dan Filipina serta Vietnam. Pada peringkat awal selepas Singapura dikeluarkan dari Malaysia, di kalangan para pemimpinnya terdapat perasaan curiga pada Singapura, yang didiami sebahagian besarnya oleh orang-orang Cina. Melalui ASEAN, kecurigaan itu telah berjaya dikawal. Namun masih ada lagi syak wasangka yang timbul dari semasa ke semasa kerana hubungan Singapura dengan rejim zionis Israel.

Dasar pertahanan ke hadapan Singapura juga menimbulkan kebimbangan di kalangan sesetengah perancang militer Malaysia. Ini kerana di bawah dasar itu, Singapura melengkapkan dirinya dengan senjata-senjata terbaru dan sofistikated sedangkan menurut Malaysia, Singapura tidak ada musuh yang nyata untuk digunakan senjata itu. Kerana itu, terdapat kebimbangan bahawa Malaysia juga akan menjadi sasaran serangan kelengkapan senjata Singapura itu. Kebimbangan ini cuba dilenyapkan oleh para pemimpin Singapura dengan mengatakan bahawa Singapura membina kekuatan angkatan bersenjata bukan kerana hendak menyerang Malaysia atau negara jiran yang lain, tetapi untuk kepentingan Singapura sendiri. Lagipun Malaysia akan mendapat faedah kerana Singapura yang kuat tidak akan mudah ditawan oleh komunis yang juga musuh bersama Singapura dan Malaysia. Malah pemimpin muda Singapura seperti B.G. Lee dalam satu ucapan di Kuala Lumpur pada tahun 1988 mengatakan adalah mustahil bagi Singapura menyerang Malaysia kerana kedua-dua negara itu sama-sama menganggotai Five-Power Defence Arrangement (bersama Britain, Australia dan New Zealand).

→ Memandangkan faedah besar ASEAN dalam menjaga kepentingan asas Malaysia, iaitu mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah serta kebebasan politik, tidaklah menghairankan jika Dr. Mahathir meletakkan pertubuhan itu sebagai nombor satu dalam senarai dasar luarnya. Melalui ASEAN, Malaysia boleh hidup dengan jaminan bahawa sempadannya tidak akan diserang oleh mana-mana negara di luar seperti yang berlaku ketika konfrontasi. Selain itu, Malaysia juga mendapat faedah



ekonomi dan sosial yang tidak ternilai harganya bagi kepentingan jangka panjang negara ini. Kerjasama ekonomi ASEAN memang benar agak lembap dari yang diharapkan. ASEAN tidak akan menjadi seperti EEC yang akan bertukar menjadi pasaran tunggal menjelang tahun 1992. Malah ASEAN tidak pernah digerakkan untuk mencapai matlamat itu kerana tidak seperti EEC yang ditubuhkan melalui satu perjanjian, ASEAN hanya ditubuhkan secara sukarela di kalangan negara-negara anggota. Tetapi bagi Malaysia, manfaat besar ASEAN bukan terutamanya dari segi ekonomi, tetapi dari segi keselamatan. ASEAN merupakan payung keselamatan Malaysia secara tidak langsung.

### *Hubungan Dengan Negara-negara Islam*

Malaysia ialah sebuah negara Islam. Islam telah diiktiraf sebagai agama rasmi negara ini. Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan menetapkan: 'agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.' Malah kebebasan beragama ini dijamin oleh Artikel 11 perlembagaan yang sama. Antara lain ia mengatakan: 'tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, mengembangkan agamanya.' Setiap penganut agama juga diberi hak oleh artikel yang sama untuk mengurus hal-ehwal agamanya sendiri; menubuh dan menyelenggara yayasan-yayasan bagi maksud-maksud agama atau khairat, asalkan ia tidak bercanggah dengan undang-undang.

Oleh kerana ia sebuah negara Islam, adalah logik Malaysia memberi tempat yang istimewa dalam interaksinya dengan negara-negara yang mempunyai ciri yang serupa. Kerana itu bukanlah menghairankan apabila Dr. Mahathir menetapkan bahawa dalam dasar luar negara, hubungan dengan negara-negara Islam adalah keutamaan keduanya. Lagipun, keistimewaan bersahabat dengan negara-negara Islam ini memang sudah lama dirintis seperti yang terbukti dalam penyertaan Malaysia dalam Pertubuhan Negara-negara Islam (Organization of Islamic Countries [OIC]) sejak pertubuhan itu diasaskan lagi.

Kerana keistimewaan yang telah diberikan dalam hubungan

dengan negara-negara Islam ini, Malaysia telah memberi perhatian berat terhadap soal ummah dan isu-isu yang mengelilinginya. Dalam ucapannya di Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1984 Dr. Mahathir telah mengecam negara-negara Barat kerana memandang serong terhadap kebangkitan Islam yang berpegang kepada perkara-perkara yang fundamental. Menurut beliau, tidak ada apa yang hendak ditakutkan dengan kebangkitan itu, kerana ia tidak mengancam sesiapa.

Malaysia juga mengambil berat terhadap penindasan ke atas orang-orang Islam yang dilakukan secara kejam dan berleluasa seperti yang dilakukan terhadap rakyat Palestin. Malah Malaysia merupakan penyokong kuat Palestin dalam forum-forum antarabangsa. Malaysia memberi berbagai kemudahan kepada bangsa Arab yang telah kehilangan negara pada tahun 1948 apabila tanahair mereka dijadikan negara Israel. Sejak tragedi itu, Malaysia telah menyokong Palestin dalam mendapatkan semula tanahair mereka. Malaysia segera mengiktiraf pejabat PLO di negara ini. Apabila Parlimen Dalam Buangan Palestin mengisytiharkan sebuah Palestin yang merdeka, Malaysia merupakan negara kedua yang memberi pengiktirafan kepada negara Palestin itu dan menyokong usaha antarabangsa untuk menjadikan negara itu sebagai satu kenyataan. Negara pertama yang memberi pengiktirafan ialah Algeria. Serentak dengan itu, Malaysia juga tidak mengambil masa yang lama untuk menaikkan taraf pejabat wakil PLO di Kuala Lumpur sebagai kedutaan.

Malaysia juga menyokong perjuangan Mujahiddin Afghanistan yang menentang askar Rusia di negara mereka sendiri yang telah dikuasai oleh kuasa komunis itu. Bantuan kebendaan dan moral telah disalurkan kepada golongan Mujahiddin. Pejabat wakil Mujahiddin juga telah ditubuhkan di Kuala Lumpur untuk memudahkan perhubungan. Malaysia juga menyokong Pakistan dalam menghadapi orang-orang pelarian Afghanistan yang berada di negara itu.

Tatkala Malaysia begitu mudah memberi sokongan terbuka kepada pergerakan-pergerakan pembebasan Islam yang agak jauh kedudukannya, rekod Malaysia terhadap pergerakan yang sama di tempat yang berdekatan agak mendukacitakan. Di selatan Negeri Thai dan selatan Filipina, terdapat juga per-

gerakan minoriti Islam yang sedang berjuang seperti rakan-rakan mereka di Afghanistan untuk mendapatkan autonomi/kemerdekaan bagi wilayah Islam yang mereka duduki. Tetapi Malaysia baik di bawah Dr. Mahathir atau para pemimpin sebelum ini, tidak memberikan sokongan yang sama seperti yang telah diberikan kepada Palestin atau Mujahiddin di Afghanistan. Secara terbuka Malaysia tidak menyatakan pendiriannya secara rasmi terhadap pergerakan pembebasan Islam yang lebih dekat dengannya. Tetapi secara tidak rasmi, memang ada individu tertentu yang menghulurkan bantuan. Datuk Asri Haji Muda sewaktu menjadi Menteri Besar Kelantan dulu pernah didakwa oleh pihak Negeri Thai kerana memberi bantuan kepada pergerakan pembebasan Islam/Melayu Patani. Tun Datu Mustapha Datu Harun, sewaktu menjadi Ketua Menteri Sabah, secara terbuka pernah mengakui memberi bantuan kepada pergerakan pembebasan Islam Moro di selatan Filipina. Ini termasuk memberi latihan ketenteraan kepada mereka. Tetapi bantuan-bantuan yang diberikan, jika benar berlaku, adalah tidak rasmi dan dibuat atas inisiatif individu pemimpin negeri berkenaan dan bukannya dengan restu Kuala Lumpur.

Mengapa Malaysia tidak secara terbuka menyatakan sokongan kepada pergerakan-pergerakan Islam di selatan Negeri Thai atau selatan Filipina tidak sukar untuk difahami. Oleh kerana ia meletakkan ASEAN sebagai keutamaan pentingnya, maka sokongan kepada pergerakan-pergerakan Islam itu akan merosakkan hubungan dengan dua anggota ASEAN - Negeri Thai dan Filipina - yang diperintah oleh bukan Islam. Bagi Malaysia, kestabilan ASEAN adalah penting untuk keselamatan nasionalnya dan ia tidak akan berbuat sesuatu yang boleh melukakan hati kawan-kawan ASEAN. Jika ia memberi sokongan terbuka kepada Islam Patani dan Islam Moro, Bangkok dan Manila tentu tidak akan berdiam diri. Kedua-dua negara itu juga boleh menimbulkan masalah terhadap Malaysia. Negeri Thai misalnya, boleh membantu Parti Komunis Malaya yang beroperasi di wilayahnya untuk aktif semula terhadap sasarannya di Semenanjung. Filipina pula boleh menimbulkan semula tuntutan terhadap Sabah dengan cara yang boleh mengancam keselamatan nasional Malaysia.

Jelas di sini bahawa walaupun hubungan dengan negara-negara Islam dan pergerakan Islam merupakan keutamaan nombor dua dalam dasar luar negeri Dr. Mahathir, Malaysia mempunyai kayu ukur yang berbeza dalam menolong golongan Islam yang tertindas. Jarak nampaknya menjadi penentu. Pergerakan-pergerakan Islam yang berjuang bagi pembebasan yang berada jauh beribu-ribu kilometer nampaknya lebih mudah untuk diberikan sokongan seperti halnya dengan kes Palestin dan Mujahiddin Afghanistan. Pergerakan Islam yang juga berjuang bagi pembebasan nasional yang berada di depan mata tidak dapat ditolong kerana perbuatan itu hanya akan memberi kesan negatif kepada hubungan dengan negara-negara jiran dalam ASEAN yang diberi keutamaan nombor satu dalam dasar luar negeri Malaysia.

### *Pergerakan Berkecuali*

Hubungan dengan negara-negara berkecuali merupakan keutamaan ketiga dasar luar Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir. Ini adalah sejajar dengan pendirian Malaysia yang juga berkecuali dalam interaksinya dengan kuasa-kuasa terbesar di dunia. Di bawah orientasi ini, Malaysia mengekalkan kedudukan yang sama jarak dengan Amerika Syarikat dan Rusia yang bersaing mencari pengaruh dalam politik antarabangsa. Malaysia telah tidak menyertai mana-mana pakatan tentera yang dipimpin oleh mana-mana kuasa tersebut. Kedudukan ini telah melayakkan kita menjadi sebuah negara berkecuali. Selain tidak menyertai mana-mana perikatan militer, kita juga tidak menempatkan pangkalan tentera asing.

Sejarah Pergerakan Berkecuali sebagai satu aktor antarabangsa bermula pada akhir tahun 1950-an. Ketika itu, perang dingin antara dua kuasa utama dunia sedang memuncak. Dunia terbelah kepada dua blok yang bersaing antara satu sama lain yang boleh menuju kepada konflik jika tidak dikawal. Setiap negara masing-masing mengambil pendirian untuk memihak kepada salah satu dari blok itu. Kerana menyedari bahaya kecenderungan itu, timbul kesedaran di kalangan pemimpin dunia ketiga untuk mengambil dasar luar yang tidak me-

nyebelahi mana-mana kuasa tersebut. Idea ini mula ditimbulkan dalam sidang Afro-Asia di Bandung pada tahun 1955 yang dilanjutkan dalam beberapa persidangan selepas itu.

Pergerakan Berkecuali bagaimanapun hanya wujud selepas sidang Belgrade pada tahun 1961. Pemimpin Yugoslavia, Tito, Presiden Indonesia, Sukarno, Perdana Menteri India, Nehru, Presiden Mesir, Nasser adalah tokoh-tokoh terkemuka dunia yang telah memainkan peranan penting dalam mendorong kelahiran Pergerakan Berkecuali itu. Pada mulanya 25 buah negara menjadi anggota pergerakan itu. Sekarang jumlahnya melebihi 100 buah negara. Kebanyakan anggota Pergerakan Berkecuali terdiri daripada negara dunia ketiga yang terletak di Asia, Afrika dan Amerika Latin. Kebanyakan mereka pernah dijajah satu waktu dulu. Mereka juga mempunyai latar belakang ekonomi yang sama berasaskan pertanian dan pengeluaran bahan-bahan mentah.

Syarat kepada penyertaan dalam Pergerakan Berkecuali bagaimanapun tidak ditentukan oleh ideologi politik atau pegangan ekonomi. Ia memberi tempat kepada negara yang berekonomi kapitalis dan sosialis; ia juga memberi tempat kepada negara yang demokratik dan bukan demokratik. Syarat utama untuk diterima sebagai negara berkecuali ialah sesebuah negara itu harus mempunyai dasar luar yang bebas berdasarkan prinsip kewujudan bersama secara aman, dan pengecualian atau menunjukkan kecenderungan ke arah itu. Negara-negara berkecuali juga dilarang daripada menjadi ahli sesuatu perikatan militer pelbagai hala yang ditubuhkan dalam konteks konflik kuasa-kuasa besar. Mereka juga dilarang daripada memberi konsesi kepada sesebuah negara asing untuk mendirikan pangkalan militer dalam konteks konflik kuasa-kuasa besar. Negara berkecuali bagaimanapun dibenarkan untuk menjadi ahli perikatan pertahanan dua hala atau serantau, asalkan ia tidak berdasarkan konflik kuasa-kuasa besar.

Jelas bahawa Pergerakan Berkecuali adalah sebuah pertumbuhan antarabangsa yang bercorak pelbagai rantau. Anggota-anggotanya terdiri daripada negara-negara yang boleh dikatakan dari setiap rantau di dunia ini. Bagaimanapun kebanyakan negara ini tergolong dalam negara-negara membangun, dan ini

menyebabkan ia adakalanya dianggap sebagai mini Bangsa-bangsa Bersatu bagi dunia ketiga.

Walaupun Dr. Mahathir menyenaraikan Pergerakan Berkecuali di tempat ketiga, beliau merupakan seorang yang kritikal terhadap peranan yang telah dimainkan oleh pertubuhan itu. Menurut beliau ada waktunya telah tidak menepati tujuan asal ia ditubuhkan, iaitu untuk mewujudkan negara-negara yang benar-benar tidak memihak kepada mana-mana blok. Namun begitu, Dr. Mahathir tidak pernah memulaukan persidangan-persidangan penting pergerakan tersebut.

### *Komanwel*

Pertubuhan Komanwel adalah pertubuhan antarabangsa yang disertai oleh Malaysia sebaik sahaja mencapai kemerdekaan. Keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan itu adalah automatik kerana kita merupakan bekas tanah jajahan Inggeris. Komanwel telah diwujudkan oleh London pada mulanya sebagai pertubuhan untuk negara-negara kulit putih yang telah dibuka oleh London seperti Kanada, Australia dan New Zealand. Tetapi apabila terdapat petanda bahawa London terpaksa memerdekakan negara-negara yang dijajahnya, maka keanggotaannya telah dibuka kepada tanah-tanah jajahan yang telah diberi kemerdekaan sebagai kenangan kepada kegemilangan empayar Inggeris pada satu waktu dulu. Dari semasa ke semasa, lebih tepat lagi setiap dua tahun sekali, ketua-ketua kerajaan Komanwel akan mengadakan persidangan mereka bagi membincangkan perkembangan semasa dunia yang melibatkan kepentingan mereka. Program kerjasama dalam berbagai-bagai bidang juga diadakan dalam usaha untuk merapatkan lagi hubungan sesama negara anggota. Negara-negara yang menyertai Komanwel juga menerima pimpinan yang diterajui oleh Britain. Queen Elizabeth, Ratu United Kingdom diiktiraf sebagai Ketua Komanwel.

Di peringkat awal kemerdekaan, Malaysia memberi tempat yang tinggi dalam interaksinya dengan Komanwel. Tetapi lamakelamaan, pertubuhan itu tidak lagi dianggap penting. Malah Tun Hussein pernah melahirkan rasa kecewa kerana Komanwel sebagai sebuah pertubuhan, tidak lagi berkesan untuk menye-

lesaikan masalah antarabangsa. Bagi Tun Hussein, Komanwel lebih merupakan sebuah kelab sosial. Tetapi kerana ada beberapa manfaat yang diperolehi melalui Komanwel, Malaysia telah tidak bertindak keluar dari pertubuhan dunia itu. Malah tidak ada sebuah negara pun setelah menyertainya bertindak keluar. Dua negara bagaimanapun telah dipecat. Afrika Selatan telah dipecat kerana dasar aparteidnya yang menindas bangsa kulit hitam pada tahun 1961 atas daya usaha Malaysia. Pakistan juga mengalami nasib yang sama dua tahun kemudian. Amerika Syarikat, juga sebuah bekas tanah jajahan Inggeris yang merdeka, bagaimanapun tidak menyertai Komanwel.

Apabila Dr. Mahathir mengambil alih pimpinan Malaysia, beliau juga tidak memandang tinggi terhadap Komanwel. Malah beliau tidak menghadiri mesyuarat ketua-ketua kerajaan Komanwel yang diadakan di India pada tahun 1983. Bagaimanapun setelah itu, beliau menukar pendiriannya. Beliau hadir di mesyuarat ketua-ketua kerajaan Komanwel yang diadakan dua tahun kemudian – pada tahun 1985 di Bahamas – dan mesyuarat di Kanada pada tahun 1987. Malah Malaysia menjadi tuan rumah kepada mesyuarat ketua-ketua kerajaan itu pada tahun 1989. Tetapi ini tidak pula bermakna bahawa Dr. Mahathir telah mengubah keutamaan dasar luarnya dengan memberi tempat yang lebih tinggi kepada Komanwel.

### *Hubungan Dengan Negara-negara Lain*

#### **Kuasa-kuasa Besar**

Malaysia terletak dalam Asia Tenggara, iaitu sebuah rantau yang amat diminati oleh kuasa-kuasa besar. Kedudukannya yang strategik dan kaya pula dengan sumber-sumber bahan mentah telah menarik kuasa-kuasa besar ke rantau ini sejak beratus tahun dahulu. Portugis, sebuah kuasa Eropah pada satu ketika, merupakan negara pertama datang ke Malaysia dengan menakluki Melaka pada tahun 1511. Ini diikuti oleh Belanda pada tahun 1641 dan Inggeris sejak tahun 1786 di Pulau Pinang dan kemudian menjajah Tanah Melayu secara berperingkat-peringkat melalui Perjanjian Pangkor 1874. Kecuali Negeri Thai, negara-negara Asia Tenggara yang lain juga pernah dijajah oleh

kuasa-kuasa besar: British di Burma, Brunei Darussalam, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah); Amerika di Filipina, Perancis di Vietnam, Laos dan Kampuchea; serta Belanda di Indonesia. Semasa Perang Dunia Kedua pula, Jepun menguasai seluruh Asia Tenggara kecuali Negeri Thai.

Selepas tahun 1945, penjajahan berakhir. Tetapi kehadiran kuasa-kuasa besar tidak. Malah timbul pula dua kuasa baru, iaitu China dan Rusia, selain Amerika sebagai kuasa besar yang berminat terhadap Asia Tenggara. Kuasa-kuasa ini persaingan antara satu sama lain. Secara langsung mereka tidak terlibat dengan penjajahan, tetapi secara tidak langsung masing-masing mempunyai proksi untuk memelihara kepentingan mereka. Di kalangan negara-negara demokratik Asia Tenggara, Amerika dan kuasa-kuasa Barat yang lain mempunyai kepentingan dalam bentuk pelaburan dan pasaran. Di Indo-China, Rusia dan China berusaha memampatkan pengaruh masing-masing. Vietnam, Laos dan Kampuchea berada di bawah naungan Rusia, manakala China pula cuba mencari pengaruh di kawasan itu.

Kerana adanya kuasa-kuasa besar yang persaingan antara satu sama lain itu, Malaysia telah mengambil pendirian yang tidak memihak kepada mana-mana negara besar itu. Di zaman Dr. Mahathir inilah dasar luar beliau sejajar dengan pendirian berkecuali negara. Untuk membuktikan pendirian ini, Dr. Mahathir telah melawat Amerika, Rusia dan China.

### *Hubungan dgn negara lain* **Mendekati Negara-negara Kecil**

Walaupun dalam atur politik antarabangsa, Malaysia adalah sebuah negara kecil, tetapi sebenarnya terdapat negara-negara lain yang lebih kecil dari Malaysia. Di bawah pemimpin sebelum ini, negara-negara kecil dan mundur itu tidak begitu diberikan perhatian oleh mereka. Tetapi Dr. Mahathir telah mengambil inisiatif baru untuk mendekatkan Malaysia dengan negara-negara kecil di selatan Pasifik dan Afrika. Ini telah dilakukan dalam dua bentuk. Pertama, mengadakan kunjungan ke negara-negara berkenaan yang sebelum ini tidak begitu dikenali oleh rakyat negara ini. Beliau telah mengunjungi Fiji, Mauritius, Malta, Madagascar, Kepulauan Maldives, Tonga dan beberapa negara yang lain. Kedua, Dr. Mahathir telah meningkatkan program



kerjasama teknikal Malaysia untuk membantu negara-negara kecil di selatan Pasifik dan Afrika bagi membangunkan negara mereka.

Program ini sebenarnya diluluskan oleh Kabinet Malaysia pada tahun 1979 dan dilancarkan lewat pada tahun 1980. Tetapi hanya setelah Dr. Mahathir mengambil alih pimpinan negara baru program ini benar-benar digerakkan. Rasional di sebalik mewujudkan program kerjasama teknik Malaysia ini ialah 'Malaysia telah meningkat ke tahap pembangunan yang lebih maju daripada banyak negara membangun. Oleh itu, jika negara itu sanggup, Malaysia boleh membantu mereka membangun, khususnya dalam bidang-bidang kepakaran yang terdapat di Malaysia. Bantuan itu bukan sahaja boleh membawa manfaat kepada mereka tetapi juga kepada Malaysia dari segi peluang-peluang perdagangan serta menaikkan nama Malaysia.' (*Dasar-dasar Utama Kerajaan Malaysia*, Intan, 1988).

Lima matlamat telah disenaraikan oleh program itu. Pertama, untuk membantu negara-negara yang mundur dan yang sedang membangun; kedua, untuk meningkatkan persefahaman serta kerjasama di antara negara-negara yang sedang membangun dengan harapan negara-negara yang menerima bantuan akan menyokong Malaysia di dalam forum-forum antarabangsa; ketiga, untuk mengeratkan lagi perhubungan Malaysia dengan negara-negara yang sedang membangun; keempat untuk meningkatkan hubungan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara yang sedang membangun, seperti perdagangan langsung dan memperluaskan pasaran untuk barangan Malaysia; dan kelima, untuk membuka peluang kepada pihak swasta Malaysia membuat pelaburan di negara-negara tersebut.

Jelas bahawa program kerjasama teknik Malaysia untuk negara-negara kecil yang lebih mundur darinya, bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat bagi negara-negara tersebut mendapatkan pengetahuan dan kepakaran dengan tujuan untuk mencari peluang-peluang perdagangan dan pelaburan. Untuk mencapai matlamat ini bermakna Malaysia perlu memperkenalkan negara ini kepada pentadbir negara-negara kecil itu dengan mengadakan kursus dan program belajar sambil melawat dan bekerja secara latihan dengan jabatan-jabatan

kerajaan Malaysia. Sehingga akhir tahun 1985, Malaysia telah membelanjakan 29 juta ringgit untuk membiayai 720 orang rakyat negara membangun menghadiri kursus di Malaysia dan belajar sambil melawat dan bekerja di jabatan-jabatan kerajaan. Selain itu, bermula pada tahun 1985, Malaysia telah menempatkan beberapa orang pakarnya di negara-negara kecil tertentu. Bantuan kebendaan dalam bentuk bahan-bahan mentah seperti biji benih, getah dan peralatan menoreh getah, biji benih koko dan beras juga telah diberikan.

### Diplomasi Ekonomi

Dalam menjalin hubungan dengan negara-negara lain, sesebuah negara biasanya menggunakan kriteria tertentu untuk berkawan atau bermusuhan. Asas itu boleh berbentuk ideologi. Negara-negara yang menganut ideologi yang sama biasanya lebih mudah berkawan daripada yang tidak. Misalnya, sebuah negara komunis akan lebih mesra dengan sebuah negara komunis yang lain. Begitu juga dengan sebuah negara liberal demokrasi, ia mendapati tidak ada masalah untuk bersahabat dengan sebuah negara liberal demokrasi yang lain.

Pada awal tahun-tahun kemerdekaannya, Malaysia, sebagai sebuah negara liberal demokrasi berekonomi kapitalis, mendapati dirinya lebih mudah bersahabat dengan negara-negara lain yang mempunyai ciri yang sama. Kerana itu, ia mengadakan hubungan dengan negara-negara Barat dan tidak dengan negara-negara komunis. Apabila blok komunis dan liberal demokrasi berbaik-baik di bawah *detente*, Malaysia telah mengambil pendirian berkecuali untuk berkawan dengan semua negara tanpa mengira ideologi kerana pendirian itu boleh menjaga kepentingannya dalam pergolakan antarabangsa. Di bawah dasar itu, selain berkawan dengan negara-negara Barat, Malaysia juga mula menjalin persahabatan dengan negara-negara blok Timur.

Di bawah pimpinan Dr. Mahathir, hubungan Malaysia dengan negara-negara luar menekankan kepada diplomasi ekonomi. Di bawah pendekatan ini, Malaysia akan bersahabat dengan mana-mana negara yang boleh memberi manfaat ekonomi kepada negara ini. Rasional di sebalik perubahan ini ialah sebagai sebuah negara pengeluar komoditi utama, Malaysia

ingin memasarkan komoditi itu seluas yang mungkin. Di masa lalu, oleh kerana terdapat perbezaan dalam sistem politik dengan negara-negara lain, Malaysia telah tidak mengadakan hubungan perdagangan dengan negara-negara itu. Sekiranya negara berkenaan ingin membeli barangan Malaysia, mereka membelinya melalui pihak ketiga. Tetapi pimpinan Dr. Mahathir mahu menamatkan amalan itu. Malaysia sanggup berdagang dengan negara-negara yang sistem dan ideologi politiknya berbeza dengannya kerana cara itu memberi keuntungan yang lebih besar kepadanya. Cara itu diharapkan dapat meningkatkan penjualan komoditi Malaysia dengan lebih banyak bagi menjaga pengeluar-pengeluar komoditi itu di dalam negeri. Antara bahan-bahan mentah yang dihasilkan oleh Malaysia termasuklah getah, koko, kayu-kayan, logam, petroleum mentah dan gas cecair asli. Komoditi-komoditi ini merupakan sumber terbesar pendapatan tukaran asing Malaysia. Misalnya pada tahun 1988, Malaysia memperolehi 28.3 bilion ringgit hasil eksport komoditi utamanya berbanding dengan 25.6 bilion ringgit pada tahun 1987 dan 20.9 bilion ringgit pada tahun 1986.

Penjualan bahan-bahan komoditi utama ini penting bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia. Bagaimanapun dalam memasarkan bahan-bahan mentah ini Malaysia tidak terlepas dari manipulasi negara-negara pengguna terutama di Barat. Kerana adanya manipulasi itu, harganya mengalami keadaan turun naik. Lebih buruk lagi, kerana sesetengah bahan mentah Malaysia lebih kompetitif harganya berbanding dengan bahan yang sama yang dikeluarkan oleh negara-negara Barat sendiri, terdapat usaha memburuk-burukkan barangan Malaysia itu. Contoh yang ketara berlaku terhadap minyak sawit Malaysia di pasaran Amerika Syarikat. Kerana ia boleh menewaskan minyak kacang soya Amerika, kempen dimulakan untuk memburuk-burukkan minyak sawit dengan mendakwa ia boleh memudaratkan kesihatan pengguna. Kempen itu telah menyebabkan penjualan minyak sawit Malaysia merosot dan boleh memberi kesan buruk terhadap pemasaran minyak itu di tempat lain. Selain dari melancarkan kempen balas menolak dakwaan buruk pengeluar minyak soya, Malaysia juga mencari pasaran-pasaran baru di tempat lain supaya kemerosotan pasaran sawit di

Amerika boleh diatasi. Dalam bidang ini, Malaysia berjaya mendapat pasaran baru seperti di India dan Iran.

Selain bergantung pada eksport komoditi bagi pertumbuhan ekonominya, Malaysia juga bergantung pada pelaburan asing yang datang ke negara ini. Pelabur-pelabur asing digalakkan untuk menanam modal. Berbagai-bagai insentif termasuk taraf perintis yang mengecualikannya daripada membayar cukai pendapatan untuk tempoh tertentu, telah ditawarkan. Mana-mana negara yang boleh melabur di Malaysia akan dianggap sebagai sahabat yang istimewa. Keadaan ini menjelaskan mengapa dalam hubungannya dengan negara-negara luar, Dr. Mahathir menekankan kepada diplomasi ekonomi. Ia penting untuk Malaysia sebagai negara yang pertumbuhan ekonominya bergantung pada eksport komoditi utama yang pasarannya berada di luar, serta pelaburan asing di dalam negeri yang sumbernya juga di luar Malaysia.

## DASAR BUY BRITISH LAST

---

**A**PABILA Datuk Seri Dr. Mahathir menjadi perdana menteri pada tahun 1981, hubungan Malaysia dengan Britain, kuasa yang pernah menjajahnya, tidaklah seistimewa seperti di zaman awal negara ini mencapai kemerdekaan. Ikatan istimewa itu telah berakhir dengan tamatnya Perjanjian Pertahanan Inggeris-Malaysia pada tahun 1970. Sebelum itu, Malaysia adalah anak emas British. Ini kerana walaupun Malaysia sudah dimerdekakan pada 31 Ogos 1957, British masih mempunyai tanggungjawab untuk melindungi negara ini sekiranya ia diancam atau diserang dari luar melalui perjanjian pertahanan bersama itu. Ini berlaku ketika negara ini diancam oleh konfrontasi Indonesia pada tahun-tahun 1960-an ekoran pembentukan Malaysia.

Pembentukan Malaysia itu bukan sahaja ditentang oleh Indonesia, tetapi juga oleh Filipina yang menuntut Borneo Utara atau Sabah sebagai sebahagian dari wilayahnya. Kerana adanya hubungan istimewa dengan Britain, kuasa yang pernah menjajah kita itu selari dengan perjanjian pertahanan yang telah ditandatangani, telah tampil untuk mempertahankan keselamatan Malaysia. Tetapi selepas konfrontasi berakhir, hubungan istimewa itu telah ditamatkan. Desakan ekonomi dan politik di United Kingdom telah memaksa British menamatkan kehadiran tenteranya di timur Suez. Di bawah program itu, ia mengundurkannya askar-askarnya dari Malaysia dan menamatkan perjanjian pertahanan bersama. Selepas itu, hubungan Malaysia dengan Britain tidaklah lagi seistimewa pada satu ketika kerana Malaysia sendiri selepas berlaku perubahan pimpinan dengan Tun Razak menggantikan Tunku Abdul Rahman, telah mengamalkan dasar luar yang lebih berkecuali.

Namun begitu, hubungan Kuala Lumpur-London tetap berada di tahap yang baik. Tidak wujud permusuhan antara Malaysia dengan negara yang pernah menjajahnya satu waktu dulu. Kiblat kita ke London pada asasnya masih tetap tidak berubah. Dari segi mengirim pelajar mendapatkan pendidikan tinggi, universiti-universiti di Great Britain masih tetap menjadi tumpuan Malaysia. Malah, pada kemuncaknya, Malaysia mempunyai 83 000 orang pelajar-swasta dan tajaan kerajaan-melanjutkan pelajaran dalam berbagai-bagai bidang di institusi pengajian tinggi di United Kingdom. Jumlah itu merupakan 15 peratus dari keseluruhan bilangan pelajar asing di negara tersebut.

Oleh kerana Malaysia memodelkan sistem politik pentadbirannya seperti apa yang terdapat di England, berkiblat ke London khususnya dan negara-negara Barat yang lain umumnya, adalah satu hal yang tidak dapat dielakkan. Malah dalam sistem perundangan, kita juga telah meniru sistem British. Dalam keadaan itu ada lojiknya London menjadi pusat latihan bagi tenaga mahir di negara ini. Kerana itu, wujud persefahaman antara pentadbir-pentadbir Malaysia dengan Britain. Walaupun pada dasarnya hubungan kedua-dua buah negara tidak lagi istimewa, tetapi Britain tetap mendapat layanan yang agak baik. Tidak ada tanda bahawa hubungan Malaysia-Britain akan mengalami permusuhan sehinggalah Datuk Seri Dr. Mahathir menjadi perdana menteri.

→Kira-kira enam bulan selepas menjadi perdana menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir mengeluarkan satu arahan kepada agensi-agensi kerajaan supaya jangan memberi layanan istimewa kepada syarikat-syarikat British dalam mendapatkan kontrak untuk membeli barangan atau perkhidmatan. Arahan itu meminta supaya dalam pemberian kontrak, syarikat-syarikat British jangan lagi diutamakan. Pertimbangan hendaklah diberikan kepada syarikat dari negara-negara lain. Sekiranya perkhidmatan itu boleh diperolehi dari negara lain selain Britain, negara lain itu hendaklah diberi keutamaan. Bagaimanapun sekiranya perkhidmatan atau barangan yang hendak dibeli itu tidak terdapat di mana-mana negara, barulah perkhidmatan atau barangan British itu dibeli. Arahan ini bermakna bahawa syarikat-

syarikat British akan diberi pilihan terakhir. Inilah dasar Dr. Mahathir yang kemudian dikenali sebagai *buy British last* atau 'beli barangan British terakhir' yang telah mengakibatkan hubungan Malaysia dan Britain berada di tahap paling rendah sejak negara ini merdeka.

Tindakan itu menyebabkan syarikat-syarikat British kehilangan kontrak kerajaan Malaysia bernilai berjuta-juta ringgit sehingga merisaukan pihak berkuasa di London. Ini tidak menghairankan kerana sebelum arahan itu dikeluarkan, walaupun tidak ada hitam putih supaya syarikat-syarikat British diberi keistimewaan, keutamaan telah diberikan kepada mereka kerana adanya hubungan sejarah yang tidak bermusuhan antara kedua-dua negara. Tetapi dengan adanya arahan baru ini bermakna bahawa syarikat-syarikat British mempunyai peluang yang paling rendah untuk dipertimbangkan bagi mendapatkan kontrak kerajaan Malaysia. Ini sudah pasti merisaukan syarikat-syarikat British yang sudah beroperasi di Malaysia sejak sekian lama.

Dasar *buy British last* kerajaan pimpinan Dr. Mahathir itu telah menyebabkan hubungan Kuala Lumpur-London berada dalam keadaan yang tegang. Menteri-menteri kanan British, termasuk menteri luarnya Lord Carrington dan menteri pertahanan, John Notts, secara mendadak melawat Malaysia pada awal Februari 1982, iaitu tidak lama selepas dasar itu diisytiharkan. Mereka datang untuk mengenal pasti sebab-sebab sebenar yang membuat Dr. Mahathir merasa marah terhadap London di samping mengambil langkah-langkah untuk membetulkan dan memulihkan hubungan kedua-dua buah negara. Walaupun hubungan Kuala Lumpur-London tegang, ia tidaklah pula menyebabkan terputusnya hubungan diplomatik seperti yang berlaku apabila kedua-dua buah negara berbalah.

Sewaktu Dr. Mahathir mengisytiharkan dasar 'beli barang British terakhir' itu, ada kalangan berpendapat bahawa tindakan itu diambil kerana Dr. Mahathir adalah seorang yang anti-British. Pandangan ini seolah-olah benar kerana apabila rekod beliau sewaktu zaman mudanya diambil kira, Dr. Mahathir merupakan seorang pemimpin yang kritikal terhadap British yang menjajah Malaysia pada waktu itu. Ini jelas terbayang dalam tulisan-tulisan beliau yang menggunakan nama samaran

Che Det yang disiarkan dalam akhbar *The Straits Times* dan juga dalam buku terkenal beliau, *The Malay Dilemma*. Dalam tulisan-tulisan itu, beliau secara terang-terang menyalahkan penjajahan British ke atas Malaysia sebagai punca utama bagi kemiskinan dan kedaifan yang dihadapi oleh orang-orang Melayu. Bagi beliau, dasar pecah dan perintah British telah menyebabkan negara ini menjadi sebuah negara berbilang kaum kerana penjajahlah yang telah membawa masuk orang-orang imigran ke negara ini dari China dan India, dan selepas itu enggan 'menghalau' mereka keluar selepas negara ini merdeka. Sebaliknya, penjajahlah, dengan persetujuan pemimpin Melayu itu sendiri, yang telah memberi kewarganegaraan kepada penduduk asing dengan hak politik yang sama seperti penduduk Melayu tempatan.

Golongan ini berhujah bahawa oleh kerana Dr. Mahathir, setelah menjadi perdana menteri mempunyai peluang untuk meluahkan perasaan marahnya kepada British, maka ia telah menggunakan kesempatan awal sebagai pemimpin untuk melancarkan satu dasar yang anti-British. Menurut mereka ini adalah cara Dr. Mahathir mengajar British yang telah tidak dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Malaysia selama ini. Ini dimudahkan pula oleh hakikat bahawa tidak seperti perdana menteri sebelum ini, Dr. Mahathir tidak mempunyai 'ikatan sentimen' terhadap British yang membolehkan beliau merasa terhutang budi terhadap Inggeris. Tidak seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein Onn, Dr. Mahathir tidak mendapat pendidikan di mana-mana universiti di Britain. Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein semuanya terlatih dalam profesion mereka sebagai peguam di London. Dr. Mahathir tidak. Beliau tidak pernah menjejaskan kakinya sebagai pelajar di Britain kerana beliau belajar sepenuhnya di dalam negeri, iaitu di Universiti Malaya di Singapura. Keadaan ini dikatakan telah membolehkan Dr. Mahathir mengambil sikap yang menyerang penjajah tanpa merasa malu alah seperti pemimpin sebelum ini.

Tetapi sudah pasti bahawa sebab sebenar dasar *buy British last* dilancarkan melebihi sebab-sebab yang telah dinyatakan itu. Dr. Mahathir sebenarnya mempunyai sebab yang lebih munasabah



untuk menghalalkan tindakan yang jelas telah tidak disenangi oleh pihak berkuasa di London itu.

Dr. Mahathir sendiri mengatakan bahawa menurut pengamatan beliau London masih memandang rendah terhadap Malaysia. Dengan kata lain, Malaysia pada waktu Dr. Mahathir menjadi perdana menteri, masih lagi belum dianggap oleh London sebagai sebuah negara yang benar-benar merdeka, yang mempunyai taraf sebagai unit politik dalam arena antarabangsa. Bagi Dr. Mahathir, London menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang masih lagi dijajah dan ini adalah tidak menyenangkannya. Beliau mahu sikap memandang rendah terhadap Malaysia itu ditamatkan dan negara ini hendaklah diterima berdiri sama tinggi, duduk sama rendah.

Menurut Dr. Mahathir, sikap memandang rendah terhadap Malaysia ini jelas terbayang dalam cara pentadbir dan usahawan Inggeris melayan Malaysia dari segi perdagangan, terutamanya selepas Britain menyertai Pasaran Ekonomi Eropah (EEC) pada tahun-tahun 1970-an. Selepas penyertaan ke dalam EEC itu, Britain seolah-olah tidak lagi menganggap Komanwel yang disertai oleh Malaysia sebagai sebuah pertubuhan yang berguna dan penting. Keadaan itu sudah pasti merunsingkan Malaysia dan ini merupakan satu tamparan kepada negara ini.

Selain itu, Dr. Mahathir juga tersinggung kerana peniaga British seolah-olah tidak sensitif, khususnya terhadap Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan antara lain, untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam kegiatan ekonomi. Pengamatan Dr. Mahathir menunjukkan bahawa syarikat-syarikat British di Malaysia adalah yang paling lembap untuk menyusun semula syarikat mereka dari segi ekuiti dan pekerjaan sehingga memberi gambaran bahawa mereka bukan sahaja tidak sensitif dengan DEB kerajaan itu, tetapi seolah-olah ingin mengagalkannya.

Selain itu, Dr. Mahathir sendiri tidak senang dengan publisiti negatif yang diberikan oleh media massa British terhadap dasar-dasar dalam negeri Malaysia, kerana ia menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara yang menindas golongan minoriti India dan Cina. Dr. Mahathir juga jelas tidak gembira dengan laporan yang mengatakan bahawa kekacauan boleh

berlaku di Malaysia kerana adanya dasar yang mendiskriminasi bukan Melayu dari segi ekonomi dan pendidikan. Bagi Dr. Mahathir, gambaran dalam media massa itu adalah dibuat berdasarkan maklumat yang diberikan oleh orang-orang Inggeris yang berada di Malaysia serta maklum balas yang diberikan oleh orang-orang tertentu.

Kerana adanya keadaan itu, Dr. Mahathir merasakan bahawa layanan baik yang diberikan oleh Malaysia kepada syarikat-syarikat British telah tidak meninggalkan faedah yang diingini. Tidak ada gunanya mereka terus mendapat keistimewaan dari segi kontrak dan tender sekiranya mereka tidak sensitif pada dasar-dasar dalam negeri Malaysia.

Keadaan ini pula diperburukkan oleh layanan yang diberikan oleh pihak berkuasa London terhadap kepentingan Malaysia di negara itu sepanjang tahun-tahun 1970-an. Pertama, ada kaitan dengan langkah Malaysia untuk menguasai syarikat-syarikat British yang masih beroperasi di Malaysia seperti Sime Darby, Guthrie, Harrissons & Crosfield, Dunlop dan beberapa yang lain lagi. Sejak beberapa waktu, Malaysia mula menguasai syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan yang besar di Malaysia itu secara berperingkat-peringkat bukan melalui pemiliknegeraan tetapi melalui pembelian saham di pasaran terbuka. Malah sebelum Dr. Mahathir menjadi perdana menteri, beberapa syarikat sudah pun berjaya dikuasai ekuitinya oleh pemegang saham Malaysia.

Tetapi apabila Malaysia cuba menguasai Guthrie tidak lama selepas Dr. Mahathir menjadi perdana menteri, telah timbul dakwaan bahawa Malaysia telah memiliknegerakan syarikat itu melalui pintu belakang. Pihak-pihak tertentu di London menggambarkan cara Malaysia menguasai syarikat itu dengan membeli sebanyak mungkin sahamnya sebaik sahaja pasaran saham London memulakan perniagaannya sebagai serbuan subuh atau apa yang dipanggil sebagai *dawn raid*. Ini kerana melalui proses itu, Malaysia telah membeli 26 peratus saham Guthrie untuk membolehkannya menguasai 51 peratus saham syarikat tersebut. Saham-saham itu dibeli dengan harga yang lebih mahal dari biasa, iaitu pada kadar 900 pence sedangkan harga pasarnya dinilai cuma 600 pence.

Tetapi tindakan Malaysia melalui broker saham London itu mendapat kecaman pihak-pihak tertentu di London. Selain dari dituduh melakukan 'serbuan subuh', Malaysia juga dituduh memiliknegarakan sebuah syarikat British melalui pintu belakang. Tidak lama selepas itu, pihak berkuasa Pasaran Saham London membuat pindaan terhadap peraturan pembelian saham melarang sesebuah syarikat membeli secara banyak sekaligus. Ini bertujuan untuk menjaga kepentingan syarikat-syarikat British daripada berpindah ke tangan orang-orang asing dalam sekelip mata. Dr. Mahathir melihat tindakan London itu keterlaluan dan tuduhan-tuduhan bahawa kita melakukan pemilikannegara melalui pintu belakang adalah sebagai satu penghinaan. Keadaan ini mendorong Dr. Mahathir mengambil tindakan untuk mengajar London melalui dasar 'beli barangan British terakhir'.

Selain dari itu, Dr. Mahathir juga tersinggung dengan layanan Britain terhadap pelajar-pelajar asing dari negara ini. Ini dilakukan dengan mengenakan yuran yang berasingan untuk pelajar-pelajar luar negeri mulai akhir tahun-tahun 1970-an. Untuk berbuat demikian, Britain telah memperkenalkan dua skim yuran untuk pengajian tinggi di peringkat universiti—satu untuk pelajar-pelajar dalam negeri dan satu lagi untuk pelajar asing. Sebelum itu, semua pelajar di universiti di Britain dikenakan yuran yang sama. Tetapi kerana tekanan kewangan, Britain tidak lagi mampu berbuat demikian. Melalui skim baru itu, pelajar luar negeri secara berperingkat-peringkat dikenakan bayaran yang berkali-kali ganda lebih tinggi daripada pelajar dalam negeri.

Kenaikan yuran di institusi pengajian tinggi di United Kingdom ini bermula selepas pertengahan dekad 1970-an. Sehingga tahun 1974, United Kingdom masih lagi merupakan tempat belajar yang termurah di dunia bagi pelajar-pelajar asing. Pada tahun itu, yuran yang dikenakan di universiti-universiti cuma 250 paun sterling setahun. Pada 1975, ia dinaikkan kepada 325 paun dan selepas pergerakan, yuran meningkat sehingga menjadi 940 paun pada tahun 1979. Dr. Mahathir sebagai menteri pendidikan pada saat-saat yuran dinaikkan di Britain ini sebenarnya memahami tindakan yang telah diambil itu. Ia ter-

paksa diambil kerana United Kingdom menghadapi tekanan ekonomi dan kewangan. Akibatnya, ia terpaksa membatalkan subsidi yang diberikan kepada pelajar-pelajar asing selama itu.

Tetapi apa yang tidak disenangi ialah tindakan mengenakan yuran lebih mahal itu hanya dikenakan kepada pelajar-pelajar asing yang datang dari negara-negara membangun. Pelajar-pelajar asing dari negara-negara kaya seperti dari negara-negara EEC, tetap diberi layanan istimewa, sama seperti seolah-olah mereka adalah pelajar dari Britain. Bagi kebanyakan pemimpin dunia ketiga prinsip ini adalah tidak kena. Ini kerana yang sepatutnya dikenakan yuran murah adalah pelajar-pelajar dari negara-negara miskin. Kalaupun tidak semua pelajar dunia ketiga boleh diberi keistimewaan itu, pelajar-pelajar dari negara-negara yang pernah dijajah boleh diberikan taraf yang sama seperti pelajar-pelajar dari EEC. Ini telah tidak dilakukan oleh pihak berkuasa London.

Sebagai sebuah negara Komanwel dan bekas tanah jajahan British, Malaysia serta beberapa negara lain merayu supaya pelajar-pelajar Komanwel dikecualikan daripada membayar yuran belajar yang tinggi itu. Malaysia meminta supaya pelajar-pelajar Komanwel diberi layanan yang sama seperti pelajar-pelajar dari negara-negara EEC yang dianggap oleh Britain sebagai pelajar dalam negeri. Tetapi rayuan itu bukan sahaja tidak diberikan perhatian, tetapi dicemuh. Malaysia diberitahu bahawa sekiranya ia tidak mampu untuk membiayai pelajarannya, ia boleh mengirim pelajar-pelajarnya itu ke negara lain di mana yuran belajar adalah murah. Kenyataan-kenyataan begini walaupun bukan dari menteri-menteri British, tetapi menyakitkan hati. Apa yang menyedihkan ialah London telah melakukan diskriminasi. Pelajar-pelajar kulit putih Eropah diberikan layanan istimewa, sedangkan pelajar-pelajar bukan kulit putih dalam Komanwel tidak. Dalam keadaan itu, Malaysia mempunyai sebab yang baik untuk tidak memberi layanan istimewa kepada Britain dalam hal-hal pembelian barangannya kerana Britain juga tidak lagi memberikan pertimbangan yang istimewa kepada bekas tanah jajahannya setelah negara itu menyertai EEC.

Pada mulanya Dr. Mahathir sendiri mengatakan bahawa dasar 'beli barangan British terakhir' itu akan memakan masa

yang panjang. Tetapi apa yang diramalkan itu tidak terjadi. Kerana ada perubahan di pihak British yang ingin memperbaiki hubungan dengan Malaysia selepas dasar itu dilancarkan, maka dasar 'beli barangan British terakhir' itu telah dikaji semula pada tahun 1983. Dr. Mahathir mengesan bahawa di pihak London memang terdapat keinginan yang tulen untuk memulihkan hubungan. Ini dibukti dengan lawatan menteri-menteri kanan negara itu ke Kuala Lumpur. Ini juga dibuktikan dengan penubuhan sebuah tabung yang bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di London. Selain dari itu terdapat juga kebimbangan di London bahawa sekiranya pelajar-pelajar Malaysia berkurangan menuntut di negara ini, maka Britain dari segi jangka panjang akan kehilangan pengaruh di Malaysia.

Di pihak Malaysia pula, selain mengesan keinginan jujur British, terdapat juga satu lagi faktor yang menguntungkannya. Menjelang tahun 1983, nilai mata wang pound British berbanding ringgit Malaysia akan menguntungkan negara ini. Akibat pound terus merosot, maka barangan dan perkhidmatan British menjadi lebih murah. Dalam keadaan itu, adalah tidak munasabah untuk tidak mendapatkan barangan atau perkhidmatan British. Keadaan itu tidak syak lagi telah mendorong Dr. Mahathir untuk menamatkan dasar *buy British last* selepas satu lawatan tidak rasmi ke London pada awal tahun 1983. Penamatan dasar yang dilaksanakan pada tahun 1982 itu diumumkan selepas beliau berunding dengan Perdana Menteri British, Puan Margaret Thatcher di London. Sejak itu, Dr. Mahathir dan Thatcher menjadi sahabat baik.

## DASAR PANDANG KE TIMUR

---

TIDAK lama selepas arahan 'beli barangan British terakhir' diumumkan dan dikuatkuasakan, Dr. Mahathir mengejutkan pula rakyat negara ini dengan satu lagi perubahan dalam dasar yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan pimpinannya. Perubahan ini melibatkan Malaysia dengan sebuah lagi negara asing. Setelah sejak merdeka Malaysia menjadikan Barat sebagai contoh dan ikutan pembangunan dalam negeri. Di bawah pimpinan Dr. Mahathir beliau nampaknya ingin pula mengalihkan perhatian negara ke Timur. Untuk tujuan ini dasar 'pandang ke Timur' telah diumumkan dalam bulan Februari 1982, iaitu kira-kira tujuh bulan selepas beliau menjadi perdana menteri.

Di bawah dasar tersebut, kejayaan Jepun menjadi negara industri nombor satu dan keupayaan Korea Selatan menjadi sebuah negara industri baru (bersama-sama dengan Taiwan, Hong Kong dan Singapura) ingin dicontohi oleh Malaysia. Seperti *buy British last*, dasar pandang ke Timur ini juga telah tidak dibincangkan secara meluas terlebih dulu sebelum dilaksanakan. Tetapi kerana apa yang diingini oleh Dr. Mahathir itu sudah menjadi sebahagian dasar rasmi kerajaan, walaupun ia kontroversial, pelaksanaannya tetap diadakan.

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan dasar 'pandang ke Timur?' Apakah ia bermakna bahawa perdana menteri ingin menjepunkan atau menKoreaSelatankan Malaysia? Apakah ia bererti Malaysia memberi tempat yang istimewa dalam hubungannya dengan negara matahari terbit itu? Apakah dasar ini bermakna bahawa Malaysia akan mengetepikan Barat yang selama ini menjadi kiblat pembangunannya dan akan mengharapkan Jepun untuk membantu Malaysia sepenuhnya dalam memajukan negara ini? Apakah ini bererti bahawa Malaysia

tidak lagi mengirim para pelajar ke negara-negara Barat dan sebaliknya mengirim mereka menimba ilmu di Jepun? Tidak dapat tidak, ini adalah antara beberapa persoalan yang ditimbulkan selepas dasar 'pandang ke Timur' diumumkan.

### *Penjelasan Mahathir*

Jawapan kepada soalan-soalan yang telah ditimbulkan itu sebenarnya boleh didapati dalam kenyataan dan ucapan Dr. Mahathir serta beberapa orang menteri lain yang telah melaungkan dasar 'pandang ke Timur' itu. Ucapan pertama Dr. Mahathir mengenai dasar baru itu dibuat di persidangan Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA) di Kuala Lumpur pada 9 Februari 1982. Antara lain beliau menyatakan bahawa tujuan Malaysia menumpukan pandangannya ke Timur ialah untuk mencari peluang bagaimana orang-orang Jepun dapat menanam nilai-nilai seperti sikap yang betul terhadap pekerjaan dan semangat kesetiaan yang melahirkan kesetiaan terhadap tempat kerja.

Menurut beliau, Malaysia harus mencontohi Jepun dengan melatih sebilangan pengurus mahir di sektor swasta di samping meluaskan kemahiran tenaga kerja melalui pengajaran di pusat latihan vokasional dan teknikal di Malaysia. Menurut perdana menteri lagi, Malaysia, akan menjadi pengimport dan rakan perdagangan yang lebih berfaedah bagi Jepun. Malah menurut beliau, Malaysia dan Jepun adalah dua buah negara jiran di rantau Pasifik yang merupakan satu kawasan dunia yang akan menggantikan kawasan Atlantik sebagai pusat pertumbuhan sedunia kelak. Kenyataan beliau selepas itu menjelaskan lagi maksud dasar 'pandang ke Timur' yang beliau kuatkuasakan itu. Pada 16 Julai 1982, akhbar *New Straits Times* memetik antara lain beliau berkata:

Apa juga yang kita lakukan sebelum ini dengan Barat, saya fikir kita juga elok lakukan dengan Timur. Itu dasar 'pandang ke Timur'. Dan jika kita sudah mempelajari etika kerja buruk dari Barat sebelum ini, sudah tiba masanya untuk kita mempelajari etika kerja yang baik dari Timur.... 'Pandang ke Timur' bermakna kita patut meneroka sumber-sumber lain selain dari Barat dan ini tidak pula bermakna kita akan mengabaikan Barat sama sekali. Apa yang baik di Barat, kita tetap akan ikut, tetapi di sini yang penting bagi kita ialah nilai etika, sistem dan apa juga yang

berguna untuk kita. Jadi mengapa tidak kita mengamalkan dasar yang sengaja untuk mempelajarinya dari Timur.

Dr. Mahathir seterusnya berkata:

Kita rasa dedikasi dan kepercayaan Jepun terhadap kejayaan kumpulan, dari kejayaan individu adalah baik untuk kita contohi. Kerana dalam pendekatan secara berkumpulan kebanyakan orang akan memberi komitmen mereka dan bukan sahaja pengurus atau si ketua. Pengurusan bentuk ini boleh digunakan bukan sahaja di sektor swasta, tetapi juga di sektor kerajaan. Jika kita boleh mendapat sistem pengurusan jenis ini, kita berkemungkinan akan lebih berjaya.

Dalam temuramah dengan *Far Eastern Economic Review* pada 11 Jun 1982, Dr. Mahathir pula menjelaskan:

Di bawah dasar 'pandang ke Timur' kita tidak menyebelahi pelaburan Jepun, tetapi cuba memperoleh dasar, sistem dan etika kerja Jepun. Kita dapati Jepun telah maju, sedangkan Barat nampaknya sedang merosot. Oleh itu supaya Malaysia dapat maju, kita perlu belajar dari contoh yang lebih baik... contoh Jepun. Sebab itulah sekarang kita mahu memandang ke Timur kerana sebelum ini kita telah hanya memandang ke Barat.

Apa yang ingin dicapai oleh Dr. Mahathir melalui dasar 'pandang ke Timur' ini terutamanya di sektor awam, telah diperincikan oleh satu pekeliling kerajaan bertarikh 28 Jun 1983. Antara lain, pekeliling itu menggariskan bahawa perkara-perkara yang harus diberi perhatian melalui dasar itu ialah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan di mana pekerja bekerja, keutamaan kepada kumpulan dan tidak diri sendiri, tekanan kepada daya pengeluaran (productivity) dan mutu yang tinggi (quality), peningkatan kecekapan, pengurangan perbezaan dan perpisahan antara eksekutif dan pekerja am, sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang dan tidak semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka pendek dan lain-lain lagi yang dipercayai boleh menyumbangkan kepada kemajuan bagi negara kita.

Oleh kerana dasar 'pandang ke Timur' ini diperkenalkan tanpa membuat persediaan awal terhadap pemahaman dan penerimaan rakyat, maka Dr. Mahathir dari semasa ke semasa terpaksa membetulkan salah faham yang ditimbulkan. Dua



tahun selepas dasar itu diumumkan misalnya, terdapat keraguan bahawa dasar tersebut bertujuan untuk menjepunkan Malaysia. Kerana itu dalam ucapan perasmian Kolokium Pertama Malaysia-Jepun di Kuala Lumpur pada 27 Ogos 1984, Dr. Mahathir telah menggunakan kesempatan itu untuk menjelaskan beberapa kekeliruan tentang dasar kerajaan pimpinan beliau itu. Beliau mengakui bahawa ada pihak yang sengaja tidak mahu memahami dasar itu. Beliau menjelaskan bahawa:

Dasar 'pandang ke Timur' Malaysia bukan bererti kita mahu rakyat Malaysia menjadi orang Jepun. Kita bukan bermaksud supaya rakyat Malaysia makan maki *sushi* dan *shabu-shabu* dan berpakaian *kimono*. Ia bukan bermakna kita harus semata-mata membeli dan menjual barang-barang Jepun. Ia bukan bermakna menyerahkan semua kontrak kepada Jepun. Ia bukan satu undangan untuk kesombongan dan tingkah laku sumbang. Apa yang dimaksudkan ialah kita mesti mempelajari alasan-alasan dan faktor-faktor kejayaan Jepun dalam pemodenan: etika kerja yang baik, kesedaran sosial, jujur dan berdisiplin, kesedaran terhadap sosial dan orientasi kemasyarakatan, teknik-teknik pengurusan yang baik, persyarikatan Jepun, *sogo shosha*, sifat-sifat penjualan yang agresif dan pelbagai lagi. Saya telah menjelaskan bahawa matlamat ekonomi Malaysia sekarang tidaklah berbeza daripada matlamat-matlamat yang ditentukan oleh Jepun bagi dirinya dalam tahun-tahun 1960-an, iaitu pertumbuhan yang cepat menerusi peningkatan kapasiti pengeluaran, pertambahan pengeluaran industri dan barangan eksport.

### *Tiga Sebab Utama*

Berdasar penjelasan Dr. Mahathir itu, jelas bahawa terdapat tiga sebab utama boleh ditonjolkan mengapa dasar 'pandang ke Timur' perlu dilaksanakan. Pertama, kerana Jepun dalam abad ini merupakan negara industri yang paling berjaya di dunia. Malah kejayaan Jepun itu sudah lama dikesan oleh seorang sarjana Barat bernama Ezra F. Vogel yang telah menghasilkan sebuah buku berjudul *Japan As Number One* yang telah diterbitkan di Amerika pada tahun 1979, iaitu dua tahun sebelum Dr. Mahathir menjadi perdana menteri. Memandangkan hakikat itu, sekiranya Malaysia ingin berjaya adalah munasabah untuknya mempelajari kejayaan Jepun. Sebab kedua ada kaitannya dengan kekecewaan Dr. Mahathir sendiri terhadap kegagalan Barat dan kemerosotan yang sedang dialami oleh kebanyakan negara maju

di Barat. Malaysia sendiri sudah lama menjadikan Barat sebagai model, tetapi usaha itu tidak membawanya ke mana-mana. Sebab ketiga bagi dasar 'pandang ke Timur' ada kaitan dengan kepentingan ekonomi Malaysia sendiri. Dr. Mahathir nampak bahawa ekonomi Jepun sedang berkembang dan sekiranya ekonomi Malaysia juga ingin berkembang, ada baiknya ia menjadi negara kembar kepada Jepun. Selama ini, pertumbuhan ekonomi Malaysia dikaitkan dengan negara-negara Barat terutama Amerika. Ekonomi Amerika ini sejak beberapa tahun kebelakangan kerap diserang 'selesema' yang kesannya dirasakan oleh Malaysia mengakibatkan ekonominya mengalami pertumbuhan yang membantut. Ada baiknya, ketiga-tiga faktor ini ditinjau secara terperinci.

### *Dasar Pandang ke Timur Mencontohi Kejayaan Jepun*

Kejayaan Jepun dalam bidang ekonomi sehingga boleh menewaskan Amerika adalah luar biasa. Lebih luar biasa lagi kerana Jepun adalah negara yang telah musnah dalam Perang Dunia Kedua. Ia juga mempunyai sumber-sumber alam yang terhad.

Sebagai sebuah negara pulau, Jepun tidak mempunyai bahan-bahan mentahnya sendiri seperti yang dimiliki oleh negara-negara industri yang lain seperti Amerika Syarikat, Kanada atau Britain. Jepun tidak mempunyai sumber tenaga seperti minyak mentah, gas asli atau arang batu yang secukupnya untuk keperluan sendiri. Akibatnya ia terpaksa bergantung pada import tenaga yang cukup banyak. Malah dalam senarai importnya setiap tahun, sumber tenaga berada di paling atas. Tahun 1986 sahaja, menurut *Asia 1987 Year Book*, negara itu mengimport petroleum bernilai AS45.5 bilion dollar.

Jepun bukan sahaja tidak ada sumber tenaga sendiri, tetapi juga bahan-bahan mentah yang lain seperti timah, getah dan sebagainya. Tetapi kekurangan ini tidak menghalangnya menjadi sebuah negara maju dengan pendapatan per kapita yang tertinggi di Asia. Untuk tahun 1985, *Asia 1987 Year Book* menyatakan bahawa pendapatan per kapita bagi negara itu ialah AS8,316 dollar setahun. (Jumlah pendapatan per kapita ini dikira dengan membahagikan pendapatan sesebuah negara dalam

setahun dengan jumlah penduduk yang ada dalam negara tersebut untuk tahun itu. Cara ini menurut ahli-ahli ekonomi, memberi gambaran yang agak baik tentang taraf hidup di sesebuah negara, walaupun adakalanya mengelirukan kerana dengan berbuat demikian pendapatan sebenar penduduk tidak dinyatakan. Misalnya, ada penduduk mendapat pendapatan yang lebih, manakala yang lain sedikit. Tetapi melalui per kapita, gambaran yang diberikan seolah-olah semua penduduk memperoleh pendapatan yang sama, walaupun pada hakikatnya tidak. Tetapi dalam ketiadaan satu mekanisme yang lebih baik, maka pendapatan per kapita diterima sebagai yang paling baik untuk mengukur kemajuan sesebuah negara waktu ini.)

Kemampuan Jepun memberi pendapatan per kapita yang tinggi kepada rakyatnya (berjumlah sekitar 121.5 juta orang pada tahun 1986) memperlihatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Di zaman ekonomi berkembang, ekonomi negara itu tumbuh sekitar empat peratus setahun. Ini dianggap kadar pertumbuhan yang paling baik di kalangan negara-negara maju lain yang seangkatan dengan Jepun. Tetapi pertumbuhan itu merosot selepas tahun 1985, akibat daripada kemelesetan ekonomi seluruh dunia. Namun begitu, pertumbuhan ekonomi Jepun masih yang terbaik di kalangan negara-negara industri.

Kerana kejayaan yang mengagumkan itu, Jepun diakui oleh musuh dan seterusnya di dunia sebagai satu kuasa ekonomi yang ditakuti dan dihormati. Negara-negara Barat seperti Amerika, Itali, United Kingdom, Perancis, Kanada dan Jerman Barat yang terlebih dulu menjadi negara maju, menganggap Jepun sebagai saingan mereka. Apabila keenam-enam buah negara itu membuat keputusan untuk menubuhkan kelab eksklusif untuk negara-negara industri paling maju di dunia, Jepun telah diundang sama. Hingga kini Jepun merupakan negara bukan kulit putih tunggal yang menganggotai kelab tersebut yang mengadakan persidangan dari semasa ke semasa itu.

Sebenarnya keupayaan Jepun meletakkan negaranya ke tahap yang ada sekarang bukan dilakukan dalam sekelip mata. Jalan menjadikan Jepun sebuah negara maju memakan masa yang lama. Ahli-ahli sejarah biasanya melihat titik tolak negara itu bergerak ke arah menjadi negara industri mulai pada pertengah-

an abad ke-19 selepas Commodore Perry berjaya membuka Jepun pada tahun 1853 yang menggunakan kekerasan kepada orang luar. Sebelum itu, sejak negara Jepun diasaskan, ia mengamalkan dasar pintu tertutup, baik bagi kemasukan barangan atau perkhidmatan ataupun orang-orang asing dari luar. Beberapa percubaan dibuat oleh kuasa-kuasa Barat untuk menembusi negara ini, tetapi tidak berjaya.

Dasar pintu terbuka ini telah membolehkan orang-orang Jepun mengadakan hubungan dengan orang-orang asing. Tetapi menyedari bahawa sekiranya negara itu tidak kuat, ia terdedah kepada penjajahan kuasa-kuasa yang lebih besar, telah mendorong pemerintahan waktu itu untuk mempersiapkan dirinya dalam bidang industri yang sedang memuncak kebangkitannya di England dalam abad ke-18 yang pengaruhnya telah merebak ke Eropah dan Amerika. Sesuai dengan perkembangan ini telah berlaku revolusi dalam tahun 1868 apabila salah seorang raja mengambil alih kuasa dan menghapuskan sistem pemerintahan Shogun yang wujud sebelum itu. Di bawah revolusi ini, bentuk pemerintahan yang lebih moden diperkenalkan. Seorang maharaja memerintah dengan dibantu oleh sebuah majlis yang dikenali sebagai *genro*. Majlis ini dianggotai oleh cerdik pandai Jepun, biasanya terdiri daripada orang-orang tua yang bijaksana yang akan memberi nasihat kepada maharaja. Untuk melaksanakan segala keputusan yang dibuat, sebuah kerajaan dengan perdana menteri dan sebuah kabinet telah dibentuk. Pada mulanya, sistem kerajaan yang ditiru dari Barat itu tidak memainkan peranan penting. Tetapi apabila pengaruh Barat meningkat, peranan kerajaan yang dikepalai oleh perdana menteri ini menjadi penting sehingga akhirnya sistem kerajaan berasaskan demokrasi sepenuhnya diterima dengan maharaja menjadi ketua negara walaupun pada nama sahaja, pada akhir abad ke-19.

Di bawah pemerintahan Meiji yang bermula pada tahun 1868, asas industri Jepun telah dibina. Meiji nampak, jika Jepun ingin bersaing dengan Barat, ia tidak ada pilihan kecuali membawa Jepun ke dalam bidang industri untuk memenuhi keperluan nasionalnya. Dasar inilah yang telah membolehkan Jepun men-ceburi bidang tekstil, perkapalan wap, besi waja dan sebagainya.

Ini pula dipermudahkan dengan hakikat bahawa menjelang waktu ini, ekoran dasar pintu terbuka 1853, negara itu sudah mempunyai satu kumpulan tenaga pekerja mahir yang boleh digerakkan untuk memenuhi matlamat itu. Ini kerana hubungan dengan Barat telah digunakan sepenuhnya oleh Jepun untuk mendapatkan teknologi Barat waktu itu dengan mengirim rakyat Jepun ke Amerika atau belajar dengan pedagang-pedagang Barat yang singgah ke negara itu. Asas inilah yang telah menjadikan negara itu satu kuasa terbesar di Asia. Ini terbukti apabila dalam tahun 1894-95, ia berjaya menewaskan China dan dalam tahun 1904-05 pula mengalahkan Rusia. Dalam masa Perang Dunia Kedua pula, Jepun menggunakan kekuatannya untuk menakluki hampir seluruh Asia. Hanya pengguguran dua butir bom atom di Nagasaki dan Hiroshima oleh Amerika yang telah menamatkan penaklukan Jepun itu. Negara itu mungkin kalah perang, tetapi asas yang dibina oleh Meiji telah membolehkan ia bangkit semula untuk menjadi lebih kuat—kali ini dari segi ekonomi—untuk mengancam dunia.

#### Barat Contoh yang Buruk

Adalah biasa apabila seseorang sukakan sesuatu, dia akan mencari sifat yang baik tentangnya untuk menyokong keputusan yang telah diambil. Begitu juga halnya apabila dia membenci sesuatu; dia akan mencari aspek yang buruk tentang sesuatu itu kerana dengan berbuat demikian tindakan membenci yang telah diambil tidak akan dikesali. Besar kemungkinan pada benda yang tidak disukai itu ada sifat yang baik; tetapi oleh kerana kebencian sudah mengatasi kesukaan, maka sifat yang baik itu dengan sendirinya tenggelam. Dan apabila seseorang itu terpaksa membuat dua pilihan, satu untuk membenci dan satu untuk menyukai, maka teori psikologi yang dikenali sebagai *cognitive dissonance* akan beroperasi dalam diri individu itu. Dalam hal yang disukainya itu, walaupun ada yang tidak baik, ketidakbaikan itu tidak akan diendahkan. Yang dia nampak cuma sifat-sifat yang baik. Kebajikan yang ada cuba dibunuhnya. Yang dia nampak cuma yang buruk sahaja. Dalam dasar 'pandang ke Timur' ini, Dr. Mahathir juga nampaknya mengalami dilema ini. Kerana Jepun ingin dijadikan contoh, yang lebih ditonjolkan oleh

beliau ialah kejayaan dan kebaikan Jepun, walaupun diakui tidak semua yang ada pada Jepun sempurna. Ada yang tidak kena, tetapi hal itu tidak pernah ditimbulkan. Atau kalaupun ditimbulkan, kelemahan Jepun cuba dipertahankan sebagai sesuatu yang dianggap remeh.

Tatkala Jepun mendapat penghargaan dan pujian, Dr. Mahathir jelas mempunyai pandangan yang berbeza terhadap Barat. Sistem dan semangat kerja Barat dikeji. Kemalasan pekerja di negara industri Barat yang menurut beliau tidak produktif, diketengahkan sebagai sebab mengapa Malaysia tidak lagi boleh memandang ke Barat untuk mencari contoh yang baik. Tabiat pekerja Barat yang terlalu gemar menuntut kenaikan gaji tanpa mengambil kira peningkatan produktiviti juga tidak disenangi. Kerapkali tuntutan naik gaji ini berkesudahan dengan mogok atau tindakan-tindakan perusahaan yang menyebabkan tempat kerja terpaksa ditutup beberapa minggu atau beberapa bulan. Dalam keadaan itu yang rugi ialah negara pada keseluruhannya. Soalnya: Apakah semua pekerja Barat memang sukakan mogok dan mengambil tindakan perusahaan? Tidak adakah pekerja Barat yang rajin?

Sistem pengurusan Barat yang memberi ruang penting kepada individu dan bukannya kumpulan juga telah dikritik oleh Dr. Mahathir sebagai tidak sesuai untuk Malaysia. Bagi beliau semangat bekerja secara kumpulan yang diamalkan oleh pengurusan Jepun adalah lebih baik, lalu mendorong beliau untuk 'pandang ke Timur.'

### **Kepentingan Ekonomi**

Dasar 'pandang ke Timur' tidak sahaja dilancarkan kerana Jepun baik atau Barat buruk, tetapi kerana pada penilaian Dr. Mahathir, Jepun boleh membantu pertumbuhan ekonomi Malaysia dari segi jangka panjang. Beliau melihat bahawa selepas pasaran kewangan dunia berpindah dari New York ke Tokyo, Jepun akan menjadi sumber modal bagi masyarakat antarabangsa. Dengan tabungan yang berlebihan, Jepun lebih mudah memberi pinjaman yang memang diperlukan oleh Malaysia untuk membangunkan negaranya. Harapannya di sini ialah dengan menjalin hubungan yang istimewa dengan Jepun, layanan

yang istimewa juga akan diberikan oleh pemodal-pemodal Jepun.

Selain itu, terdapat juga perkiraan bahawa pasaran Jepun masih belum diteroka sepenuhnya oleh Malaysia. Kerana adanya dasar-dasar perlindungan yang ketat, pasaran Jepun boleh dikatakan masih tertutup pada hasil-hasil negara lain. Jepun hanya mengimport bahan-bahan mentah yang ia perlukan dari Malaysia. Kemasukan barangan siap boleh dikatakan berada pada tahap yang rendah. Tetapi Jepun tidak akan dapat mempertahankan dasar perlingkungannya untuk selama-lamanya. Desakan sudah dibuat oleh rakan-rakan dagangnya supaya Jepun membuka pasaran bukan sahaja kepada bahan-bahan mentah, tetapi juga kepada barangan perkilangan. Amerika, rakan dagang Jepun telah lama menggesa Jepun membuka pintu pasarannya, kerana dalam hubungan dagangan antara kedua-duanya, Jepun lebih mendapat faedah. Jepun dengan mudah boleh memasarkan barangannya di Amerika, sedangkan Amerika tidak dapat berbuat demikian di Jepun. Akibatnya, dalam perdagangan dengan Jepun, Amerika kerap mengalami kekurangan. Malaysia juga begitu. Sejak beberapa tahun, ia lebih banyak mengimport barangan siap Jepun, manakala Jepun pula tidak menyerap barangan siap Malaysia, menyebabkan perimbangan perdagangan antara kedua-duanya yang lebih menguntungkan Jepun. Kerana adanya potensi bagi pasaran di Jepunlah yang telah mendorong Malaysia melaksanakan dasar 'pandang ke Timur' dengan harapan Jepun dapat membuka pasarannya kepada barangan Malaysia satu hari nanti.

Selain itu, terdapat juga kesedaran bahawa tatkala Jepun semakin maju, kos hidup di dalam negerinya akan menjadi semakin mahal. Akan adalah perusahaan di negara itu yang terpaksa mencari tempat lain dalam usaha untuk mengurangkan kos. Malah proses ini sudah pun bermula kerana ada perusahaan Jepun yang mencari tempat lain di luar negeri yang lebih murah untuk meneruskan pengeluaran mereka. Malaysia sudah pasti berharap bahawa dengan adanya dasar 'pandang ke Timur', pemindahan perusahaan Jepun di luar ini dapat ditarik ke negara ini. Kerana itu, usaha dibuat untuk memperkenalkan sistem kerja Jepun di kalangan pekerja Malaysia, supaya dengan itu

pengusaha-pengusaha Jepun yang ingin memindahkan perusahaannya keluar Jepun akan merasakan bahawa keadaan bekerja di Malaysia adalah sama dengan keadaan di Jepun. Dengan itu, diharapkan Malaysia akan menjadi pilihan automatik pengusaha-pengusaha Jepun.

Bagi Malaysia, kedatangan pengusaha Jepun bersama modal mereka adalah penting bagi pertumbuhan ekonominya. Yang penting di sini bukan sahaja modal, tetapi pemindahan teknologi yang dapat diperoleh dengan berpindahnya perusahaan-perusahaan Jepun ke Malaysia. Malaysia tidak lagi boleh mengharapkan mana-mana negara Barat untuk membantunya dalam hal ini kerana kebanyakan negara Barat itu sendiri mengalami kemerosotan. Tidak mungkin negara yang menghadapi masalah boleh membantu sebuah negara lain. Tidak syak lagi, inilah antara pertimbangan Dr. Mahathir apabila hendak melaksanakan dasar 'pandang ke Timur'nya. Setelah membuat congkak, beliau mendapati bahawa menyekutukan dirinya dengan Jepun dan juga Korea Selatan adalah sebaik-baik pilihan untuk masa depan ekonomi Malaysia.

### *Perubahan Dalam Negeri*

Dasar 'pandang ke Timur' bukan satu slogan kosong untuk laungan para pemimpin kerajaan sahaja. Kerana ingin menyemai etika dan semangat bekerja Jepun, terutama dalam sektor awam, beberapa perubahan telah dibuat dalam sistem pengurusan sektor kerajaan. Perubahan yang ketara ialah dari segi luaran. Ini termasuklah memperkenalkan kad perakam waktu kerja (datang dan pulang pejabat) di jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Di bawah program ini, setiap kakitangan kerajaan, dari budak pejabat membawa kepada ketua setiausaha kementerian dan menteri-menteri diwajibkan untuk merakam waktu kedatangan ke pejabat dan waktu pulang dari kerja. Melalui cara ini dapat dikesan sama ada terdapat pegawai yang ponteng kerja atau datang lewat. Mana-mana yang tidak mengikut arahan akan dikenakan tindakan disiplin, termasuk menggantung kerja atau dibuang kerja dalam kes-kes tertentu. Jabatan-jabatan kerajaan



juga digalakkan untuk mengadakan perhimpunan pada waktu pagi sebelum masuk bekerja. Di peringkat kementerian, perhimpunan serupa itu diadakan. Dalam perhimpunan ini beberapa lagu bersemangat didendangkan (termasuk lagu 'Negaraku' dan 'Setia').

Selain itu, kakitangan kerajaan juga diwajibkan memakai tanda nama. Konsep pejabat terbuka yang bertujuan untuk memansuhkan tembok yang memisah antara pegawai dengan pekerja awam juga diperkenalkan. Untuk meningkatkan semangat bekerja sebagai satu kumpulan, penubuhan pasukan meningkatkan mutu kerja atau QCC juga diwajibkan di sektor awam. Di bawah program itu, kakitangan kerajaan digalakkan bermesyuarat tentang kerja mereka bagi membolehkan mereka bertukar pendapat, mencari idea dan sebagainya.

Oleh kerana Jepun dan sistem pengurusannya agak asing bagi kebanyakan kakitangan kerajaan, maka berbagai-bagai bentuk latihan dan kursus tentang negara itu telah diperkenalkan. Di bawah program tersebut, pegawai-pegawai tertentu kerajaan dipilih dan dihantar berkursus ke Jepun. Apabila pulang, mereka menyebarkan pula kemahiran kepada rakan-rakan mereka yang lain.

Di bawah skim latihan dan kursus dasar 'pandang ke Timur' ini, ada lima bidang yang diberi tumpuan, iaitu latihan perindustrian dan teknikal; program pengajian akademik; program kemajuan eksekutif; hubungan di antara institusi, dan skim latihan pembangunan usahawan. Setiap satu kursus atau latihan adalah spesifik dan dikhususkan untuk golongan tertentu. Latihan perindustrian dan teknikal bertujuan untuk melatih pekerja di bidang teknikal dalam usaha meninggikan kecekapan dan menerap nilai kerja yang positif dari Jepun dan Korea Selatan dalam meninggikan penghasilan kerja. Program pengajian akademik pula adalah peluang latihan teknikal lanjutan kepada pelajar-pelajar lepasan SPVM dan politeknik, manakala di bawah program kemajuan eksekutif, pegawai-pegawai di sektor awam berkesempatan mempelajari kaedah pengurusan dan pentadbiran kerajaan dan swasta di Jepun dan Korea Selatan. Mereka yang menjalani latihan di bawah skim tersebut akan ditempatkan di beberapa firma dan agensi kerajaan di kedua-dua

buah negara. Penekanan yang diberikan dalam program ini ialah latihan-latihan dalam bidang pengurusan *sogo shosha*, perjawatan, QCC dan pengurusan awam. Pendedahan terhadap sistem kerja Jepun dan Korea Selatan tidak sahaja terhadap kakitangan sektor awam. Usahawan-usahawan bumiputera juga dihantar ke Jepun dan Korea Selatan di bawah skim latihan pembangunan usahawan. Skim yang ditadbirkan oleh Unit Penyelarasan, Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk memberi peluang kepada mereka mendapat pendedahan tentang idea dan teknologi baru serta pengetahuan untuk memajukan urusan mereka. Program ini juga memberi peluang kepada mereka untuk mewujudkan hubungan perniagaan dengan rakan-rakan perdagangan di kedua-dua buah negara.

Sehingga tahun 1988, lebih 1000 orang pelatih telah menjalani latihan perindustrian dan teknikal di Jepun, manakala 143 orang yang lain di Korea Utara. Mereka telah menjalani latihan yang memakan masa antara tiga hingga empat bulan. Pemergian mereka ditaja oleh kerajaan Malaysia, Jepun dan Korea. Dalam bidang pengajian akademik pula, hampir 200 orang telah dihantar ke Jepun untuk menjalani latihan dalam berbagai-bagai bidang di beberapa universiti di Jepun. Dari segi bilangan, jumlah yang dihantar barangkali adalah sedikit. Punca utama bagi perkara itu ada kaitan dengan soal bahasa. Mereka yang hendak mengikuti apa juga kursus di Jepun atau Korea Selatan perlu mempelajari bahasa kedua-dua buah negara selama sekurang-kurangnya enam bulan sebelum pergi. Ini melembapkan proses mendapatkan pengetahuan dan ilmu dari Jepun dan Korea Selatan di bawah dasar 'pandang ke Timur.' Untuk mengatasi masalah itu, bahasa Jepun dan Korea Selatan mula diperkenalkan di sekolah-sekolah pilihan, politeknik dan Institut Teknologi MARA.

### *Kesan Kenaikan Yen*

Tatkala diakui bahawa dasar 'pandang ke Timur' memberi beberapa kesan baik kepada Malaysia, dasar itu juga meninggalkan satu pengalaman pahit yang tidak sukar dilupakan oleh negara ini. Salah satu keputusan kerajaan setelah Jepun ingin

dijadikan sebagai model ialah kerajaan memperbanyakkan pinjaman luar negeri dalam mata wang Jepun, yen. Boleh dikatakan hampir seluruh pinjaman luar setelah dasar itu diperkenalkan dibuat dalam yen. Ada dua sebab mengapa keputusan itu dibuat. Pertama ialah kerana Malaysia ingin menunjukkan bahawa ia mempunyai hubungan istimewa dengan Jepun. Jadi, pinjaman dalam yen diperbanyakkan. Kedua, kerana terdapat kesediaan di pihak pasaran kewangan Jepun untuk memberi pinjaman dengan kadar faedah yang rendah dan menarik kepada Malaysia. Secara logik negara mana pun akan mengambil faedah dari skim itu. Kerana kadar faedah yang dikenakan rendah dan cara membayar balik yang mudah, tidak mungkin ada negara yang akan menolak tawaran seumpama itu.

Tetapi pinjaman dalam yen rupanya meninggalkan satu beban kepada Malaysia kerana selepas tahun 1985, nilai mata wang yen meningkat berbanding dengan ringgit Malaysia dan mata wang dunia yang lain dengan kadar yang agak tinggi. Ini bermakna bahawa selepas tahun itu, nilai ringgit berbanding yen adalah rendah. Ini memberi implikasi kepada pembayaran hutang Malaysia dalam yen. Secara mendadak, jumlah hutang Malaysia bertambah. Kenaikan yen bererti bahawa Malaysia memerlukan lebih banyak ringgit untuk menjelaskan hutangnya dalam yen. Hal ini tidak diduga oleh Malaysia. Selepas peristiwa itu, untuk melindungi dirinya, Malaysia telah menamatkan dasar pinjaman luar menggunakan satu mata wang antarabangsa. Sebaliknya, pinjaman luar negeri dibuat dalam beberapa mata wang antarabangsa.

Kenaikan nilai yen secara mendadak selepas tahun 1985 bukannya ditekan oleh pasaran mata wang secara sukarela, tetapi dipaksa oleh keadaan. Sejak beberapa tahun Jepun menghadapi tekanan Amerika supaya membetulkan imbalan perdagangan antara kedua-dua buah negara (dan juga dengan negara-negara industri yang lain) yang hanya menguntungkan Jepun. Ini kerana dalam perdagangan dengan Amerika khususnya, Jepun kerap mengalami lebih dagangan yang besar sehingga menimbulkan kemarahan Amerika. Hal ini berlaku kerana Jepun berjaya menembusi pasaran Amerika dengan berbagai-bagai barangan dan perkhidmatan, sedangkan pasaran

Jepun, tertutup kepada barangan dan perkhidmatan Amerika kerana dasar perlindungannya yang ketat. Untuk mengatasi im-bangan perdagangan yang hanya menguntungkan Jepun itu, Washington mendesak supaya Jepun mengamalkan dasar per-dagangan yang lebih liberal. Jepun berjanji untuk berbuat demikian, tetapi tidak begitu berkesan.

Akhirnya keputusan dibuat bahawa untuk membetulkan im-bangan perdagangan itu, nilai yen berbanding dengan dollar Amerika hendaklah ditingkatkan. Cara ini bertujuan untuk men-jadikan barangan dan perkhidmatan Jepun lebih mahal di Amerika dan negara-negara maju yang lain, supaya kemasukan barangan Jepun boleh diperlahankan. Di waktu yang sama, tin-dakan itu akan menjadikan barangan dan perkhidmatan Amerika di Jepun murah dan boleh menembusi pasaran negara matahari terbit. Dengan itu diharapkan bahawa rakyat Jepun akan beralih kepada barangan Amerika dan sekiranya ia ber-operasi, maka lebih banyak barangan Amerika mengalir ke Jepun dan keadaan itu difikirkan boleh membantu membetulkan im-bangan perdagangan Jepun-Amerika.

Tetapi apabila yen dinaikkan nilainya, kesan tindakan itu tidak sahaja dirasakan oleh Amerika, tetapi juga oleh negara-negara lain. Negara-negara yang meminjam dalam yen tanpa sebab, mendapati bahawa hutang mereka juga meningkat kerana apabila yen naik berbanding dengan dollar Amerika, ia juga turut naik berbanding dengan mata wang dunia yang lain. Inilah yang telah dirasakan oleh Malaysia. Jelas bagi Malaysia, kewujudan dasar 'pandang ke Timur' tidak menyelamatkannya dari kesan-kesan buruk tindakan Jepun yang tidak bertujuan untuk menganiayainya. Tetapi oleh kerana sistem ekonomi an-tarabangsa berkait antara satu sama lain, maka niat baik Jepun untuk menolong rakan dagangnya yang paling besar Amerika bagi mengurangkan im-bangan perdagangannya, tempias nega-tifnya juga turut dirasakan oleh Malaysia.

### *Kritik-kritik Terhadap Dasar Pandang Ke Timur*

Tidak semua pihak menerima dasar 'pandang ke Timur' kerajaan pimpinan Dr. Mahathir dengan senang hati. Rakyat biasa

sebenarnya tidak begitu peduli dengan apa juga dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Apa juga yang dibuat oleh kerajaan untuk kebaikan biasanya akan diterima tanpa soal. Tetapi golongan elit lain ceritanya. Di kalangan mereka ada yang menyokong dan ada yang menentang. Masing-masing mengemukakan sebab dan alasan yang munasabah dan boleh diterima akal, mengapa mereka menentang atau menyokong.

Yang menyokong biasanya menerima hujah-hujah yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir mengapa dasar 'pandang ke Timur' perlu. Kerana itu, kita tidak akan meninjau pandangan yang menyokong. Mereka yang menentang pula melihat bahawa dasar 'pandang ke Timur' itu bukan sahaja tidak sesuai untuk Malaysia kerana masyarakatnya yang berbilang kaum sedangkan Jepun sebuah negara yang homogen. Tulisan-tulisan menentang dasar 'pandang ke Timur' ini dapat diikuti dalam sebuah buku berjudul *Dasar-dasar Ekonomi Mahathir* yang diterbitkan oleh Institut Analisa Sosial atau INSAN, dan disunting oleh seorang profesor ekonomi Universiti Malaya, Dr. Jomo K Sundram. Yang menulis kritik-kritik terhadap dasar itu juga bukan sebarang orang. Kebanyakan mereka terdiri daripada para pensyarah universiti.

Antara kritikan yang dilemparkan terhadap dasar 'pandang ke Timur' Dr. Mahathir termasuklah anggapan bahawa dasar tersebut hanya menguntungkan Jepun dan merugikan Malaysia. Kata-kata kera di hutan disusukan dan anak di pangkuan diabaikan telah digunakan untuk menggambarkan dasar itu. Misalnya, John Saravanamutu mengatakan dasar itu telah memudahkan penguasaan banyak bidang ekonomi Malaysia oleh kepentingan Jepun. Menurut beliau, dasar itu adalah cek kosong yang membolehkan Jepun melakukan serangan kedua ke atas negara ini. Serangan pertama ialah pada masa Perang Dunia Kedua apabila Jepun dengan mudah menguasai Malaysia. Lindal Golley pula berpendapat bahawa dasar 'pandang ke Timur' akan memudahkan penjajahan ekonomi Jepun ke atas Malaysia. Kenyataan ini seolah-olah benar kerana selepas dasar tersebut dilaksanakan, tidak ada perubahan besar dalam perdagangan Jepun dengan Malaysia. Barangan siap Malaysia tetap menghadapi masalah untuk menembusi pasaran Jepun. Malaysia kekal sebagai peng-

import barangan siap Jepun dan sebagai pembekal bahan-bahan mentah yang diperlukan oleh negara matahari terbit itu.

Sebenarnya yang kecewa terhadap layanan Jepun ke atas Malaysia selepas ia mengisytiharkan dasar 'Pandang ke Timur' nya bukan sahaja orang-orang akademik. Dr. Mahathir sendiri dalam ucapan di Kolokium Pertama Malaysia-Jepun di Kuala Lumpur pada 28 Ogos 1984, iaitu kira-kira dua tahun selepas dasar itu dilaksanakan, juga mengambil pendirian yang kritikal terhadap Jepun. Beliau mahu Jepun menamatkan hubungan ekonomi yang berbentuk kolonial dengan Malaysia dan menyeru supaya pasaran Jepun menyerapkan lebih banyak barangan siap Malaysia. Beliau juga meminta Jepun memperbanyakkan lagi pengambilan pelajar asing kerana menurut UNESCO, Jepun merupakan negara maju yang paling kecil mempunyai pelajar asing yang menuntut di negaranya. Kata-kata ini sudah pasti diluahkan memandangkan kesukaran yang dihadapi oleh Malaysia sendiri untuk mendapatkan tempat belajar bagi penuntutnya.

Terdapat beberapa kelemahan dalam dasar 'pandang ke Timur,' tetapi untuk mengatakan dasar itu sekadar menguntungkan Jepun sahaja, seperti yang didakwa oleh para pengkritik kerajaan, juga tidak berapa tepat. Di sektor awam sekurang-kurangnya, dasar 'pandang ke Timur' telah membolehkan kerajaan mengubah sikap dan tabiat bekerja di kalangan kakitangan sektor awam supaya mereka lebih berdisiplin dan lebih dedikasi terhadap tugas mereka. Sekurang-kurangnya mereka kini dikehendaki berada di pejabat tepat jam 8.00 pagi dan tidak boleh pulang lebih awal dari waktu yang ditetapkan. Ini adalah kejayaan awal, tetapi belum memberi makna yang dikehendaki. Tindakan yang patut menyusul selepas itu ialah bagaimana untuk meningkatkan kecekapan bekerja dan memberi perkhidmatan seperti yang berjaya dilakukan oleh Jepun. Berada di pejabat tepat pada waktu yang ditentukan belum lagi bermakna produktiviti meningkat seperti yang diharapkan. Kakitangan kerajaan boleh datang awal, tetapi sekiranya mereka banyak menghabiskan masa di kantin, atau berbual atau membaca akhbar, kerja mereka tidak akan bergerak. Keinginan untuk meningkatkan kecekapan, memberi khidmat yang lebih baik juga akan gagal.

## INISIATIF KERJASAMA SELATAN

---

**K**ESEDARAN tentang perlunya negara-negara sedang membangun dunia ketiga meningkatkan kerjasama ekonomi memang telah lama wujud. Perbincangan tentangnya telah banyak dilakukan melalui Pergerakan Berkecuali; ataupun melalui Kumpulan 77. Ia juga diadakan sendirian di kalangan negara-negara tersebut khususnya menerusi persatuan-persatuan serantau yang telah dibentuk untuk memenuhi cita-cita itu. Ia juga diadakan secara interaksi, dalam banyak hal berkesudahan dengan kekecewaan dengan dunia maju sama ada secara dua hala atau pelbagai hala melalui United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD). Harapan juga diberikan kepada Suruhanjaya Brandt yang dibentuk khusus oleh Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyusun semula struktur ekonomi antarabangsa yang sejak diasaskan, hanya memberi keuntungan besar kepada negara-negara maju.

Suruhanjaya Brandt muncul dengan gagasan-gagasan yang menarik yang memberi harapan baru kepada dunia membangun untuk mendapat potongan yang lebih adil dalam pengagihan kek ekonomi dunia. Tetapi harapan itu tinggal harapan sahaja. Negara-negara maju enggan melaksanakan gagasan-gagasan Brandt kerana mereka lebih mementingkan diri mereka. Perubahan struktur kepada sistem yang ada hanya merugikan negara-negara maju. Lantaran itu, mereka menolaknya. Dalam keadaan itu seolah-olah tidak ada apa yang boleh dibuat oleh dunia ketiga yang juga dikenali sebagai kelompok selatan dalam order ekonomi antarabangsa.

Dalam keadaan itu, Dr. Mahathir muncul dengan ideanya bagi negara-negara Selatan meningkatkan kerjasama ekonomi

khususnya sesama mereka. Dr. Mahathir tahu bahawa syor tanpa rancangan bertindak yang konkrit hanya akan ditohmah. Lantaran itu selari dengan syor, beliau mengemukakan rancangan bertindaknya sekali. Apabila negara-negara Selatan mengadakan dialognya yang kedua di Kuala Lumpur pada tahun 1985, beliau mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah jawatankuasa pemandu kerjasama Selatan-Selatan. Cadangan beliau diterima dan beliau telah dilantik sebagai pengerusinya. Jawatankuasa inilah yang kemudian mengusahakan penubuhan Suruhanjaya Selatan-Selatan dengan kerjasama Yayasan Selatan yang beribu pejabat di London. Dr. Mahathir membawa idea penubuhan suruhanjaya itu dalam sidang puncak Pergerakan Berkecuali di Harere, Zimbabwe pada tahun 1986. Ia mendapat sokongan padu daripada negara-negara pergerakan tersebut.

Persetujuan diperolehi untuk menubuhkan Suruhanjaya Selatan-Selatan yang akan berfungsi untuk mengenal pasti secara terperinci bidang-bidang dalam mana negara membangun dapat mengadakan kerjasama untuk faedah dan manfaat bersama. Dua bentuk kerjasama dikenal pasti, pertama, di kalangan mereka dan kedua dengan dunia maju yang diadakan secara kolektif untuk memberi pihak Selatan kuasa tawar-menawar yang kuat. Suruhanjaya yang dianggotai oleh individu terkemuka dunia membangun (sebahagian besar terdiri dari bekas pemimpin) telah dipengerusikan oleh bekas Presiden Tanzania, Julius Nyerere. Bekas Menteri Kewangan India, Manmohan Singh, dilantik sebagai setiausaha agung. Malaysia, sebagai pengasas kepada suruhanjaya itu, diwakili oleh bekas menteri luarnya yang amat terkenal, iaitu Tan Sri Ghazali Shafie. Suruhanjaya Selatan-Selatan ini yang masih belum menyempurnakan tugasnya lagi, diharapkan akan mengemukakan pelbagai cadangan yang praktikal bagi negara-negara membangun meningkatkan kerjasama sesama mereka.

Jelas bahawa tanpa inisiatif Dr. Mahathir, Suruhanjaya Selatan-Selatan ini tidak akan menjadi kenyataan. Walaupun menjadi kenyataan tidak dalam masa beberapa tahun lalu. Para pemimpin dunia ketiga terlalu *divisive* sehingga tidak ada di antara mereka yang boleh secara sungguh-sungguh mengemukakan formula mencari jalan bagi merapatkan kerjasama di kalangan mereka



dalam menghadapi keangkuhan pemimpin negara-negara maju.

Mengapa kerjasama Selatan-Selatan ini penting? Untuk memahaminya, kita perlu meneliti struktur ekonomi antarabangsa yang ada sekarang, serta meninjau keuntungan dan kerugiannya terhadap dunia membangun.

### *Struktur Ekonomi Antarabangsa*

Adalah satu kenyataan bahawa kekayaan ekonomi dunia telah tidak diagih-agihkan secara sama rata. Sebahagian besar kekayaan ekonomi dunia itu dimonopoli oleh sebahagian kecil penduduk muka bumi, manakala majoriti penduduk pula berkongsi sebahagian kecil kekayaan ekonomi itu sehingga J. Bandyopadhyaya dalam bukunya *North Over South* menyimpulkan bahawa 'sistem antarabangsa semasa dari segi struktur boleh dibahagikan kedua-dua subsistem; satu kecil tetapi dominan dan satu lagi besar tetapi subordinat. Sistem kecil ini terdiri daripada negara-negara Eropah, Amerika, Jepun, negara-negara blok Rusia, Australia dan New Zealand. Kerana kebanyakan negara ini terletak di bahagian utara hemisfera, maka ia dikenali sebagai Utara. Subsistem satu lagi pula terdiri daripada negara-negara yang terletak di Asia, Afrika dan Latin Amerika. Negara-negara ini dikenali sebagai Selatan kerana mereka terletak di bahagian selatan muka bumi ini.

### *Negara-negara Utara*

Apabila disebut Utara di sini, pembahagian yang dimaksudkan tidak dibuat dari segi geografi atau kedudukan ilmu alam negara-negara berkenaan. Sebaliknya, negara-negara Utara ini ditujukan kepada negara-negara yang mempunyai ekonomi yang berasaskan industri, dalam banyak hal industri berteknologi tinggi. Ini bermakna bahawa negara-negara ini merupakan pengeksport utama barangan perkilangan dan industri. Selain dari itu, ia juga mempunyai sumber kewangan yang tinggi berbanding dengan negara-negara Selatan. Sebahagian besar daripada mereka mempunyai simpanan bahan mentah galian dan pertanian yang tinggi. Mereka mempunyai

bahan-bahan mentah yang penting untuk menggerakkan industri mereka, walaupun ada di antaranya bergantung pada negara-negara Selatan bagi mendapatkan bahan-bahan mentah tertentu. Oleh kerana ekonominya berasaskan industri, sebahagian besar rakyat negara-negara Utara bekerja dalam sektor itu. Boleh dikatakan 95 peratus tenaga kerja negara-negara itu berada dalam perkhidmatan industri. Cuma lima peratus sahaja terlibat dalam bidang pertanian. Tetapi oleh kerana bidang pertanian diusahakan secara perdagangan, maka kegiatan lima peratus rakyat itu boleh menampung keperluan makanan seluruh rakyat negara itu menjadikan mereka tidak bergantung pada import makanan.

Di negara-negara Utara juga, sebahagian besar penduduknya tinggal di kawasan bandar atau di pinggir kota. Mereka mempunyai pendapatan per kapita yang tinggi berbanding dengan negara-negara Selatan. Pada asasnya, kebanyakan negara maju ini terletak di bahagian utara khatulistiwa, terutamanya di Eropah, Amerika dan Jepun. Tetapi ada juga di antaranya terletak di bahagian selatan khatulistiwa seperti New Zealand dan Australia. Tetapi oleh kerana majoriti negara maju ini berada di sebelah utara dunia dari segi geografi, maka secara berkelompok mereka telah dianggap sebagai negara-negara Utara.

Walaupun negara-negara itu mempunyai persamaan dari sudut ekonomi, mereka tidak pula boleh dianggap sebagai homogen. Di antara negara-negara kaya itu, ada antaranya lebih mewah dari yang lain. Misalnya, di kalangan negara-negara industri, terdapat sekumpulan tujuh buah negara yang menganggap dirinya sebagai negara industri paling maju. Negara-negara itu ialah Jepun, Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Perancis, Itali dan Jerman Barat. Negara-negara ini mempunyai kelab eksklusif mereka sendiri yang dikenali sebagai Kumpulan Tujuh. Para pemimpinnya mengadakan mesyuarat setahun sekali secara bergilir-gilir di negara-negara anggota. Di kalangan tujuh negara ini pula, dua darinya, iaitu Jepun dan Amerika Syarikat mempunyai industri berteknologi tinggi yang tidak boleh disaingi oleh rakan-rakan mereka yang lain. Selain dari itu, mereka juga mempunyai sumber kekayaan yang berbeza. Dari segi kewangan, Jepun mungkin

mengatasi yang lain. Tetapi dari sumber bahan mentah, galian dan pertanian, Jepun boleh dikatakan ketinggalan dibandingkan dengan Amerika atau United Kingdom.

Begitu juga dari segi ideologi. Tidak semua negara Utara menganut faham politik yang seragam. Negara-negara utara di Eropah Barat, Amerika Utara dan Jepun menganut faham demokrasi liberal, manakala negara-negara utara yang lain terutama Rusia dan rakan-rakannya di Eropah Timur mempunyai sistem ekonomi yang terancang oleh negara. Tetapi pemisahan ideologi ini tidak menjadi hal yang penting kerana negara-negara itu, baik di Eropah Timur atau Eropah Barat, merupakan negara industri. Atas andaian ini, kesemua negara itu boleh dikelompokkan sebagai Utara kerana mempunyai ciri-ciri persamaan dari segi ekonomi.

Walaupun pada amnya, negara-negara industri dalam blok Utara ini mempunyai pendapatan per kapita yang tinggi berbanding dengan lain-lain negara di luar lingkungan mereka, adalah sesuatu yang silap jika dibuat kesimpulan bahawa penduduk di negara-negara ini semuanya terdiri daripada orang-orang kaya belaka. Sebenarnya di negara-negara ini juga terdapat orang-orang miskin dan susah seperti juga halnya dengan negara-negara membangun yang lain. Di negara-negara maju ini juga terdapat masalah-masalah sosial seperti yang dialami oleh negara-negara Selatan. Terdapat masalah pengangguran yang tidak berjaya diselesaikan. Juga wujud masalah perumahan, masalah kemiskinan dan sebagainya. Di negara-negara ini juga, sebahagian besar rakyat hidup dengan mementingkan semangat keindividuan. Hubungan kekeluargaan tradisional sudah lama berkubur walaupun tidak dalam bentuk yang mutlak.

Tetapi yang membezakan negara-negara Utara dan Selatan ini ialah struktur ekonominya yang secara keseluruhannya bercorak industri dan berteknologi tinggi, mempunyai sumber kewangan dan bahan mentah yang lebih baik. Dengan kedudukan yang ada, mereka berkemampuan untuk menghulurkan bantuan kepada negara-negara lain atau menggunakan sumber kewangan yang berlebihan untuk menanam modal di negara-negara pilihan mereka, tidak kira dalam lingkungan Utara atau di luar. Kedudukan kewangan yang kukuh ini juga membolehkan ne-

gara-negara Utara melakukan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan yang lebih besar bagi menghasilkan barangan dan teknologi baru yang lebih sofistikated coraknya. Malah sejak beberapa tahun kebelakangan ini, para ahli ekonomi mula mengesan bahawa di negara-negara Utara kini sedang berlaku satu perubahan struktur dalam ekonomi mereka. Ekonomi negara-negara berkenaan dikatakan kini memasuki era *post-industrial economy* yang diasaskan kepada mikrochip dan komputer.

Dalam sektor ini serta sektor perkhidmatan yang lain (seperti kewangan, komunikasi, teknologi tinggi, pendidikan, dan lain-lain yang berkaitan) pertumbuhan pesat ekonomi mereka sedang berlaku. Serentak dengan itu, mereka juga menyaksikan penurunan peranan dalam sektor-sektor ekonomi yang telah menjadikan negara-negara Utara ini sebagai negara industri selepas berlakunya revolusi perusahaan yang bermula di England pada pertengahan tahun-tahun 1850-an, kemudian merebak ke negara-negara lain di Eropah serta Amerika. Sektor-sektor lama ini seperti perkapalan, industri berat, tidak lagi menjadi penyumbang besar kepada keluaran kasar negara (*gross national product* = GNP) di negara-negara Utara, terutamanya yang mempunyai teknologi tinggi. Sebaliknya, sektor yang memberi sumbangan besar kepada GNP ialah kegiatan-kegiatan industri yang berasaskan maklumat (*information*) dan perkhidmatan (*services*). Ini termasuklah kegiatan-kegiatan ekonomi yang melibatkan pembuatan komputer, telekomunikasi, percetakan, media, pengiklanan, pendidikan dan sebagainya.

Seorang penulis Amerika, Daniel Bell dalam tulisannya berjudul *The Framework of Information Society*, diterbitkan pada tahun 1980, menyatakan bahawa negara-negara Utara yang ekonominya mula memasuki tahap *post-industrial*, sebahagian besar pertumbuhannya bergantung pada sektor perkhidmatan dan maklumat. Di negara-negara serupa ini, Bell berhujah iaitu yang akan diberi tempat penting dalam masyarakat ialah elit-elit ilmu atau teknikal. Namun begitu beliau tidak melihat kemungkinan elit-elit ilmu ini mengambil alih tempat elit politik sebagai pemerintah yang membuat kata pemutus dalam sesebuah masyarakat. Bagi Bell, 'elit-elit ilmu ini hanya boleh mentakrif masalah, meneroka persoalan-persoalan baru dan memberi ja-

wapan teknikal kepada masalah. Tetapi mereka tidak mempunyai kuasa mengiakan atau menidakkan sesuatu. Kuasa ini tetap terletak pada sebuah kuasa politik. Kerana itu idea bahawa elit ilmu akan menjadi elit pemerintah baru nampaknya agak keterlaluan.'

Jadi jelas bahawa walaupun terdapat perubahan struktur dalam kegiatan ekonomi negara-negara Utara, tidak ada perubahan besar berlaku dalam struktur kuasa di kalangan mereka. Apa yang berlaku ialah ada antara negara-negara Utara itu kini memasuki zaman masyarakat *post-industry* di mana sektor perkhidmatan, komputer, maklumat, ilmu memberi sumbangan besar pada pertumbuhan ekonomi masing-masing.

### *Selatan*

Negara-negara maju secara kolektif dikenali sebagai Utara, manakala negara-negara kurang maju pula dikenali sebagai Selatan. Istilah Selatan digunakan untuk mengkategorikan negara-negara yang tidak tergolong ke dalam Utara kerana sebahagian besar negara-negara kurang maju itu terletak di bahagian selatan hemisfera muka bumi ini. Kebanyakan terletak di Asia, Afrika dan Amerika Latin. Tetapi tidak semua negara di hemisfera selatan termasuk dalam negara Selatan dari sudut kategori ekonomi antarabangsa ini. Australia dan New Zealand, walaupun terletak dalam lingkungan selatan, tetapi dikenal pasti sebagai negara Utara dari segi ekonomi kerana berekonomikan industri. China, Korea Selatan dan Korea Utara yang terletak di hemisfera utara pula digolongkan sebagai negara Selatan.

Apakah ciri-ciri utama negara-negara Selatan? Pada keseluruhannya, apabila dibandingkan dengan Utara, Selatan mempunyai ciri-ciri yang berlawanan. Secara kolektif negara-negara Selatan adalah kurang maju ataupun sedang membangun. Dari segi ekonomi, pertanian merupakan asasnya. Ia boleh dikatakan miskin dalam berbagai sumber—baik kewangan, kemahiran, atau teknologi. Negara-negara Selatan juga merupakan pengeksport utama kebanyakan bahan mentah yang diperlukan oleh dunia maju. Ini termasuklah petroleum, getah, bijih dan kelapa sawit. Pasaran bahan-bahan mentah ini kebanyakannya adalah di

negara maju dan lantaran itu, harganya boleh dimanipulasikan oleh negara-negara pembeli. Ini menjadikan negara-negara Selatan berada pada kedudukan yang lemah dan mudah dipermainkan oleh negara maju.

Sebahagian besar negara Selatan juga merupakan bekas kuasa-kuasa penjajah Eropah Barat satu ketika dulu yang hanya dimerdekakan selepas tahun 1945. Kebanyakan penduduknya bekerja di sektor pertanian yang diurus dengan cara yang tidak ekonomik. Kadar buta huruf tinggi apabila dibandingkan dengan Utara. Pendapatan per kapita penduduknya secara purata adalah rendah. Untuk tukaran asing dan pertumbuhan ekonomi, kebanyakan negara Selatan bergantung pada eksport dan pelaburan asing.

Bagaimanapun ciri-ciri umum Selatan apabila dibandingkan dengan Utara, tidak semestinya seragam dalam lingkungan negara-negara Selatan itu sendiri. Pengagihan kekayaan dan juga kemiskinan di kalangan mereka sebenarnya tidak sama rata. Ada antara negara Selatan itu mempunyai sumber-sumber kekayaan yang lebih. Misalnya tiga buah negara Selatan iaitu Singapura, Taiwan dan Korea Selatan kini sudah diiktiraf sebagai negara-negara baru industri. Pengiktirafan ini diberi kerana ekonomi negara-negara Selatan ini tidak lagi bergantung pada pertanian, tetapi sebaliknya bergantung pada eksport barangan perkilangan atau sektor perkhidmatan. Bagaimanapun mereka tidak boleh diterima sebagai negara maju lagi. Kerana itu, mereka menikmati kedudukan yang agak tinggi dalam negara-negara Selatan. Penduduk ketiga-tiga buah negara ini mempunyai pendapatan per kapita yang lebih tinggi dari yang lain, dan sebahagian besar mereka bekerja dalam sektor industri dan bukan lagi pertanian. Beberapa buah negara Selatan juga hampir-hampir mencapai taraf negara baru industri. Ia termasuklah Malaysia, Negeri Thai dan Mauritius. Negara-negara ini dijangka mencapai taraf itu sebelum abad ke-20 ini berakhir, atau malah ada yang mengatakannya lebih cepat dari itu.

Negara-negara industri baru atau yang hampir mencapai tahap itu, mempunyai sumber kewangan, teknologi yang lebih tinggi dibandingkan dengan negara-negara Selatan yang lain. Malah dalam bidang-bidang tertentu, negara-negara ini kini

menjadi saingan kepada negara-negara maju itu sendiri. Itu sebabnya, keistimewaan yang diberikan kepada Singapura, Taiwan dan Korea Selatan untuk berdagang dengan Amerika di bawah Skim Keutamaan Am (GSP) yang diberikan ketika negara-negara itu berada di tahap membangun, telah ditarik balik. GSP diberikan oleh Amerika kepada banyak negara kurang maju sebagai insentif untuk mereka mengeksport barangan perkilangan mereka ke pasaran Amerika tanpa dikenakan sebarang tarif. Ini bermakna barangan itu tidak perlu bersaing dengan barangan yang sama dari negara-negara maju. Dengan cara ini barangan itu boleh memasuki pasaran Amerika dengan cara yang murah dan berkemungkinan dibeli oleh para pengguna Amerika. Tetapi sebaik sahaja negara Selatan itu mencapai tahap negara industri baru, keistimewaan perdagangan yang diberikan telah ditarik balik. Ini bermakna Singapura, Taiwan dan Korea Selatan, dalam memasarkan barangan perkilangan ke Amerika, terpaksa bersaing dengan Jepun dan negara-negara maju yang lain dan tertakluk kepada tarif tertentu Amerika yang boleh menjadikan barangan itu lebih mahal dari sebelum ini.

Kerap dikatakan bahawa negara-negara Selatan kaya dengan bahan-bahan mentah. Kata-kata ini memang tidak boleh dinafikan. Tetapi kekayaan sumber alam ini tidak merata di kalangan negara-negara Selatan. Misalnya, empat buah negara Selatan menguasai 80 peratus bekalan tembaga dunia; dua buah negara pula memonopoli 70 peratus eksport bijih; empat buah negara menguasai 50 peratus getah asli. Negara-negara membangun juga merupakan sumber utama bekalan petroleum dunia. Mereka juga pembekal utama kayu-kayan, kopi, teh, berbagai bahan logam, galian dan sebagainya. Tetapi tidak semua negara Selatan mempunyai sumber ini. Petroleum misalnya, terdapat di banyak negara Asia Barat, Afrika dan beberapa tempat di Amerika Latin dan Asia Tenggara. Negara-negara yang mempunyai kekayaan sumber alam ini mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih baik dibandingkan dengan negara-negara Selatan yang lain. Misalnya, Kuwait mempunyai pendapatan per kapita yang berkali-kali ganda lebih tinggi berbanding dengan Mesir kerana Kuwait memiliki bekalan petroleum yang besar, sedangkan

Mesir tidak walaupun kedua-dua buah negara berada dalam rantau yang sama dari segi geografi. Begitu juga dengan Arab Saudi, Iraq, Bahrain, Libya, Iran dan beberapa buah negara yang lain. Oleh kerana negara-negara ini merupakan pengeksport utama petroleum, mereka mempunyai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi berbanding dengan kebanyakan negara kulit hitam di Afrika.

Kerana ekonomi sebahagian besar negara-negara Selatan bergantung pada pertanian atau bahan yang pasarannya berada dalam lingkungan Utara, maka kedudukan ekonomi Selatan juga tidak stabil dan mengalami turun naik. Sekiranya ekonomi Utara mengalami pertumbuhan, maka negara Selatan juga merasakan manfaatnya. Begitulah sebaliknya. Jika negara-negara Utara mengalami kemelesetan, maka negara-negara Selatan juga merasa sakitnya seperti yang dialami sepanjang akhir tahun-tahun 1970-an membawalah kepada pertengahan tahun-tahun 1980-an.

Kerana keadaan itu, timbul kesedaran di kalangan negara-negara Selatan untuk meningkatkan kerjasama sesama mereka dan mencari jalan agar tidak lagi terlalu bergantung pada Utara untuk pertumbuhan ekonomi dan pertukaran asing. Kesedaran untuk negara-negara kurang maju meningkatkan kerjasama ini sebenarnya sudah wujud sebaik negara mereka mencapai kemerdekaan. Tetapi ketiadaan keazaman politik (*political will*) di kalangan pemimpin mereka telah menyebabkan apa juga bentuk kerjasama yang dirancang gagal memenuhi matlamatnya. Malah kerjasama ini sukar untuk dijadikan kenyataan kerana kebanyakan negara Selatan boleh dikatakan cuba menjual barangan atau komoditi yang sama ke pasaran negara maju. Kerana ada persaingan itu, demi kepentingan nasional, ada di antara negara-negara Selatan itu sendiri menikam rakan-rakan mereka dari belakang terhadap apa juga usaha yang dibuat untuk menolong diri mereka sendiri. Kerana ada sengketa di kalangan negara-negara Selatan sendiri, negara maju pula mengambil kesempatan melaksanakan dasar pecah dan perintah. Inilah yang telah berlaku yang telah menyebabkan kedudukan negara-negara Selatan berada di tahap yang lemah dan mudah ditindas oleh negara maju.



### *Interaksi Utara Selatan*

Walaupun dari segi ekonomi, negara-negara di dunia boleh dikategorikan kepada Utara dan Selatan, kedua-duanya tidak boleh wujud sendirian tanpa berinteraksi antara satu sama lain. Malah boleh dikatakan negara-negara kaya dalam kelompok Utara dan negara-negara kurang maju dalam kumpulan Selatan saling bergantung dalam beberapa bidang. Mereka memerlukan satu sama lain dan hidup secara bersama (coexist). Soal Utara atau Selatan boleh mengambil jalan sendiri serta memencilkan diri tidak timbul. Sebagai negara yang menjadi sebahagian dari masyarakat antarabangsa, mereka perlu berhubungan antara satu sama lain. Sempadan geografi misalnya, tidak menghalang sebuah negara maju di benua Eropah yang letaknya beribu-ribu kilometer berinteraksi dengan negara mundur di benua Asia atau Afrika. Malah kemajuan teknologi komunikasi dan penerbangan serta pelayaran telah mendekatkan negara-negara yang dipisahkan oleh lautan yang luas terbentang, atau negara yang terpencil.

Interaksi antara Utara dan Selatan tidak dilakukan secara sehalu. Malah kebanyakan interaksi boleh dikatakan dua hala. Pola-polanya bagaimanapun berbeza antara negara dengan negara. Yang jelas, hubungan antara dua blok ekonomi itu tidaklah seragam antara satu blok dengan blok yang lain.

Oleh kerana Utara adalah bahagian dunia yang kaya dengan sumber kewangan, teknologi dan kepakaran, maka ia merupakan sumber utama bagi Selatan untuk mendapatkan modal. Secara khusus, interaksi Selatan dengan Utara dalam soal ini boleh dilihat dari segi bantuan terutamanya kewangan, pelaburan, teknologi dan perdagangan. Negara-negara Selatan yang memang kemiskinan modal, memang kerap mengharapkannya dari negara Utara. Sejak beberapa tahun lamanya, negara Utara memang mempunyai skim-skim khas bantuan kepada negara mundur. Ia boleh jadi berupa bantuan secara langsung (yang tidak perlu dibayar semula) bagi membiayai projek-projek tertentu; atau bantuan berbentuk pinjaman dengan bayaran bunga yang rendah serta boleh dibayar dengan cara yang longgar. Negara Utara juga, dari segi perdagangan, merupakan pasaran

utama bahan-bahan mentah negara Selatan yang sebagai balasan menjual barang siap atau barang perkilangan kepada Selatan.

Dalam perdagangan dengan Selatan ini pihak Utara cuba menawarkan berbagai-bagai kemudahan, terutama kepada negara-negara sedang membangun yang dianggap sebagai sahabat. Amerika misalnya, menawarkan GSP kepada negara-negara Selatan yang ingin menjual barangan siapnya ke pasaran Amerika. Di bawah skim itu, barangan tertentu dari Selatan dibenarkan masuk ke Amerika tanpa dikenakan tarif atau cukai dalam negeri yang biasanya dikenakan pada barangan yang serupa jika ia datang dari negara-negara maju. Dengan adanya galakan itu, barangan negara-negara Selatan boleh menembusi pasaran Amerika dengan harga yang kompetitif dan berkemungkinan besar akan dibeli oleh pengguna di Amerika. Ini adalah cara pihak Utara membantu Selatan menuju ke arah menjadi sebuah kelompok negara industri. Selain dari Amerika, EEC juga menawarkan skim yang sama kepada negara-negara Selatan yang satu waktu dulu pernah dijajah oleh salah sebuah kuasa Eropah dalam EEC, iaitu Perancis. Galakan perdagangan ini diberi melalui Lome Convention. Selain mengharapkan berbagai-bagai insentif perdagangan, Selatan juga bergantung kepada Utara untuk teknologi dan kepakaran. Negara-negara Selatan juga bergantung pada pelaburan negara-negara maju, baik oleh kerajaan atau syarikat-syarikat multinasional untuk menggalakkan pertumbuhan ekonominya.

Tetapi dalam mencari tempat menanam modal di Selatan, pihak Utara tidak berbuat demikian sesuka hati. Bukan semua negara Selatan menjadi tempat pelaburan negara-negara Utara. Ia juga agak selektif. Hanya beberapa buah negara Selatan, terutama yang stabil dari segi politik, menjadi tumpuan. Kestabilan politik ini merupakan satu pertimbangan penting kerana negara-negara Utara tidak mahu kehilangan pelaburan akibat dasar-dasar pemilikan negara yang kerap berlaku apabila terdapat perubahan kuasa di sesebuah negara.

Tetapi dalam mencari tempat melabur ini, negara-negara maju tidak berdepan dengan masalah. Banyak negara sedang membangun kini berebut-rebut menawarkan berbagai-bagai insentif kepada mereka. Ini termasuklah memberi pelabur asing itu taraf

perintis yang akan mengecualikan mereka daripada pembayaran cukai. Selain itu, kewujudan tenaga buruh yang murah dan cekap juga diambil kira. Di Asia misalnya, negara-negara yang menjadi tumpuan termasuklah Singapura, Negeri Thai, Indonesia dan Malaysia.

Walaupun negara-negara Utara selain mempunyai sumber kewangan, juga mempunyai sumber pertanian dan galian, tetapi tidak semua bahan mentah yang diperlukan terdapat dalam perut bumi negara-negara ini. Kerana itu, pihak Utara terpaksa bergantung pada Selatan untuk beberapa jenis bahan mentah, terutamanya minyak mentah, getah, minyak sawit, timah, tembaga, teh, kopi dan lain-lain. Dari segi ini, ada kalangan yang melihat bahawa pihak Utara sebenarnya lebih bergantung pada Selatan bukan sekadar untuk memasarkan barang-barang siapnya, tetapi bagi mendapatkan bekalan yang diperlukan untuk menggerakkan industrinya. Walaupun kenyataan ini benar, tetapi pergantungan negara-negara Utara kepada Selatan bagi bahan mentah ini tidaklah seragam. Jepun misalnya, boleh dikatakan bergantung seratus-peratus pada bahan-bahan mentah yang diperlukan termasuk petroleum. Amerika pula tidak. Ia mempunyai bekalan minyak mentahnya sendiri, tetapi demi kepentingan strategik jangka panjang, ia tidak mengeluarkan keperluan minyak dalam negerinya sendiri. Sebaliknya, ia mengamalkan dasar bergantung pada minyak di luar, terutama dari Asia Barat kerana cara itu lebih menguntungkan. Minyak mentah dalam perut buminya boleh disimpan untuk keperluan masa depan. Bagi memenuhi keperluan semasa, ia membeli minyak yang dikeluarkan oleh negara-negara OPEC itu sendiri. Lagipun dari segi ekonomi, amalan itu menguntungkan mereka kerana kos pengeluaran minyaknya adalah lebih mahal berbanding dengan kos pengeluaran minyak di padang pasir. Dari segi lojik ekonomi, adalah munasabah bagi Amerika membeli minyak yang murah dalam pasaran antarabangsa.

Tetapi dalam berinteraksi dengan Selatan untuk mendapatkan bahan mentah ini, pihak Utara adakalanya cuba menjaga kepentingan dengan mencipta bahan tiruan. Amerika misalnya, kerana tidak mahu terlalu bergantung pada getah yang dihasilkan oleh Selatan, telah menggunakan kemajuan teknologinya untuk mem-

buat getah tiruan. Ini dilakukan sebagai jaminan sekiranya ia gagal mendapatkan getah asli dari Selatan, ia boleh menggunakan getah tiruannya. Tetapi dalam penggunaan, getah tiruan gagal mengatasi mutu getah asli. Banyak negara Utara lebih tertarik untuk terus membeli getah asli dan melanjutkan pergantungan kepada Selatan. Selain itu, negara Utara juga mewujudkan berbagai-bagai stok penimbal bahan mentah dalam usaha untuk mempengaruhi harga bahan mentah atau komoditi. Amerika serta beberapa negara lain memang diketahui mempunyai stok penimbal timah. Apabila harga timah murah, ia membeli bahan itu bukan untuk digunakan serta-merta tetapi disimpan dalam stok. Simpanan itu akan digunakan untuk menurunkan harga timah apabila harga bahan tersebut meningkat ke paras yang boleh menjejaskan kepentingan mereka.

Di samping itu, negara-negara Utara juga diketahui cuba mempengaruhi harga bahan-bahan mentah yang dibeli dari Selatan melalui berbagai-bagai cara. Ini termasuklah melagakan negara-negara pengeluar yang menghasilkan bahan-bahan mentah yang sama dengan membeli daripada pengeluar yang menjual dengan harga yang lebih murah. Dalam keadaan itu, negara-negara Selatan itu sendiri akan cuba memotong harga keluaran mereka untuk menjadikannya lebih menarik untuk dibeli oleh Utara. Jika cara-cara biasa gagal, kempen memburukkan bahan mentah yang cuba dipasarkan oleh negara Selatan dibuat seperti yang pernah dilakukan terhadap minyak sawit yang dijual kepada negara maju. Oleh kerana minyak sawit mendapat saingan minyak kacang soya yang dihasilkan oleh Amerika sendiri dan berdepan dengan kemungkinan hilang pasaran, maka dakwaan disebarkan bahawa minyak sawit boleh menyebabkan berbagai jenis penyakit barah. Kesan kempen itu bukan sahaja dirasakan di Amerika, tetapi mempunyai kesan di pasaran negara-negara Utara lain yang jika tidak dilawan boleh menyebabkan pengguna memulaukan penggunaan minyak itu. Jika itu berjaya dicapai, pengeluar sawit Selatan akan berdepan dengan masalah untuk mencari pasaran dan menyebabkan bukan sahaja pengeluarannya merosot, tetapi harganya di pasaran antarabangsa jatuh.

Pergantungan antara Utara dan Selatan ini menimbulkan satu

soalan: Antara kedua-duanya siapakah yang lebih bergantung antara satu sama lain? Ramai pemerhati antarabangsa nampaknya merumuskan bahawa pihak Selatanlah yang lebih memerlukan Utara. Ini memang benar terutama dalam bidang pelaburan, perdagangan, teknologi serta kewangan. Malah ada yang berpendapat bahawa dalam interaksi Utara-Selatan, negara-negara maju dalam kelompok Utara sedang melakukan penjajahan bentuk baru, atau apa yang disebut sebagai neokolonialisme. Penjajahan bentuk baru oleh Utara ini tidak dilakukan secara fizikal seperti yang pernah terjadi sebelum tahun 1945. Sebaliknya, penjajahan dibuat secara tidak langsung. Negara-negara Selatan dari sudut politik menikmati kebebasan dan kemerdekaan sepenuhnya, tetapi dari segi ekonomi, ia masih dikawal oleh negara asing. Kenyataan ini seolah-olah benar kerana di kalangan negara-negara Selatan memang terdapat desakan bagi keadilan dalam sistem ekonomi antarabangsa yang didakwa sebagai menguntungkan negara-negara maju sahaja. Desakan-desakan itu walaupun diberi perhatian, tidak ada usaha sebenar untuk membetulkan keadaan. Ini menyebabkan pihak Selatan terpaksa terus bergantung pada Utara untuk modal dan teknologi. Ini akan memberi makna bahawa hutangan Selatan secara kolektif yang kini dianggarkan bernilai ribuan bilion ringgit akan meningkat terus. Ini juga bermakna bahawa apa juga yang dihasilkan oleh Selatan akan digunakan semata-mata untuk membayar hutang kepada bank-bank yang berada di Utara. Apabila dilihat dari sudut ini, barulah kita nampak bahawa Selatan sebenarnya adalah hamba kepada Utara!

Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mahu hubungan ekonomi antara Utara dengan Selatan yang merugikan Selatan ini diteruskan. Kerana itu beliau mengesyorkan supaya negara-negara Selatan meningkatkan kerjasama sesama mereka dan bersatu untuk menghadapi penindasan dan pemerasan ekonomi Utara ke atas Selatan itu. Latar belakang inilah yang telah mendorong beliau mengusulkan penubuhan Suruhanjaya Selatan-Selatan. Dr. Mahathir bukan setakat mengusulkan penubuhannya, tetapi Malaysia turut sama memberikan sumbangan besar bagi membiayai perjalanan suruhanjaya tersebut.

## MAHATHIR DAN ISU UTAMA DUNIA

---

DALAM konteks politik antarabangsa, Malaysia ialah sebuah negara kecil. Ia juga bukan sebuah kuasa militer. Di masa lalu, sejak merdeka, peranannya dalam politik dunia diselaraskan dengan kedudukannya yang kecil itu. Ia tidak memainkan peranan yang utama dalam forum-forum antarabangsa. Malah di kalangan negara-negara yang seangkatan dengannya, Malaysia tidak memainkan peranan yang menonjol. Ia tidak menjadi pemimpin kepada dunia ketiga misalnya, seperti yang dimainkan oleh Indonesia pada satu ketika dulu. Walaupun sesekali para pemimpinnya membuat kenyataan yang kontroversial tentang pergolakan antarabangsa, pada umumnya Malaysia ketika itu tidak mencabar kuasa-kuasa besar atau membidas kepura-puraan mereka.

Di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir, keadaannya amat berbeza. Meskipun kecil, Malaysia di bawah pimpinan beliau ingin memainkan peranan yang menonjol dalam agenda antarabangsa. Kuasa-kuasa besar tidak terlepas daripada kritik-kritik pedas Dr. Mahathir. Malah beliau menggunakan kesempatan berucap di forum-forum antarabangsa, terutama di perhimpunan agung Bangsa-bangsa Bersatu yang diadakan setiap tahun untuk menelanjangi kepura-puraan dunia maju dari segi amalan ekonomi dan pendirian politik mereka.

Dr. Mahathir juga dengan lantang menjuarai isu-isu dunia ketiga seperti penindasan yang dilakukan terhadap penduduk kulit hitam di Afrika Selatan, atau penderitaan yang dialami oleh orang-orang pelarian Palestin untuk perhatian kuasa-kuasa besar dengan cara yang berterusterang dan adakalanya menyakitkan telinga siapa yang mendengarnya. Malah isu-isu yang tidak per-

nah disentuh oleh pemimpin-pemimpin Malaysia sebelum ini, seperti soal mentadbirkan benua berais di kutub selatan, iaitu Antartika, yang terletak beribu-ribu kilometer dari negara ini, telah ditimbulkan oleh Dr. Mahathir. Boleh dikatakan setiap kali Dr. Mahathir berucap di perhimpunan agung Bangsa-bangsa Bersatu, soal itu ditimbulkan.

Sejak menjadi perdana menteri pada 16 Julai 1981, Dr. Mahathir telah berucap di perhimpunan agung Bangsa-bangsa Bersatu setiap dua tahun sekali. Kali pertama pada tahun 1982, kemudian tahun 1984, tahun 1986 dan kali terakhir tahun 1988. Malah sewaktu Datuk Musa Hitam menjadi timbalan perdana menteri, Dr. Mahathir dan Datuk Musa boleh dikatakan secara bergilir-gilir mewakili Malaysia sebagai pembahas utama dari Malaysia. Di masa lalu, perdana menteri biasanya menyerahkan tugas itu kepada menteri luar, atau kepada wakil tetap Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu. Tetapi di bawah pimpinan Dr. Mahathir, sesuai dengan keinginannya untuk menjadi pemimpin dan jurucakap kepada dunia ketiga, beliau sendiri atau timbalan beliau, telah menaiki pentas perhimpunan agung Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengemukakan pandangan kritikal mereka terhadap pergolakan dan politik antarabangsa.

Usaha Dr. Mahathir itu tidak sia-sia, kerana beliau berpidato tidak menggunakan bahasa yang berbelit-belit. Mesej yang ingin diketengahkan dapat disampaikan dengan cara yang berkesan. Dunia ketiga mengakui beliau sebagai jurucakap mereka yang berani menyelar negara-negara maju tanpa segan silu atau berseleindung di sebalik kata-kata yang manis atau cuba mengampu pemimpin kuasa-kuasa besar. Bercakap menggunakan kod bahasa diplomasi bukan cara Dr. Mahathir. Beliau tidak pandai berpura-pura menyukai sesuatu yang tidak disukainya. Jika beliau tidak bersetuju, beliau akan berterus terang. Begitulah sebaliknya jika beliau bersetuju, akan sesuatu.

Kelantangan Dr. Mahathir dalam isu-isu antarabangsa memang dapat dikesan sejak pertama kali berucap di perhimpunan agung pada tahun 1982. Dalam ucapan sulung sebagai ketua kerajaan Malaysia, beliau telah menimbulkan soal peranan Bangsa-bangsa Bersatu itu sendiri, soal Kampuchea, Palestin, Afghanistan, apartheid, penyalahgunaan najis dadah, kepura-puraan

dunia maju dan kuasa besar, serta Antartika. Dalam ucapan kedua pada tahun 1984, selain dari membangkitan isu-isu yang sama, beliau mempertahankan kebangkitan Islam yang jelas ditakuti oleh negara-negara Barat berpunca dari salah faham tentang fundamental dan pelampau Islam; menimbulkan kegagalan dunia maju memenuhi komitmen ekonomi antarabangsanya. Dalam ucapan tahun 1986 dan tahun 1988 persoalan yang sama, berkaitan dengan Kampuchea, Afghanistan, apartheid, bahaya nuklear, najis dadah, serta Antartika telah ditimbulkan sekali lagi kerana masih belum diselesaikan seperti yang beliau ingini. Ada baiknya, pendirian Dr. Mahathir tentang isu-isu utama antarabangsa ini kita teropongi satu-persatu untuk melihat betapa konsistennya Dr. Mahathir dalam memperjuangkan kepentingan negara-negara dunia ketiga dalam konteks perebutan kuasa dan pengaruh dalam politik antarabangsa yang sentiasa bergolak.

### *Peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu* \

Perkara pertama yang disentuh oleh Dr. Mahathir dalam ucapan sulungnya di perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan ditimbulkan lagi dalam ucapan-ucapannya di tahun-tahun berikutnya ialah tentang peranan pertubuhan itu sendiri. Beliau tidak segan silu menyatakan bahawa badan dunia itu telah gagal memainkan peranannya dalam menyelesaikan perbalahan antarabangsa seperti yang diinginkan oleh para pengasasnya. Menurut beliau kegagalan ini berpunca dari keengganan kuasa-kuasa besar untuk menerima keputusan dan ketetapan yang dibuat oleh pihak majoriti dalam pertubuhan itu. Dalam ucapan pertama pada tahun 1982, beliau antara lain menyatakan bahawa 'kewibawaan PBB kini berada pada paras yang paling rendah' dan langkah-langkah untuk memulihkan kepercayaan terhadap badan dunia ini hendaklah diambil bukan oleh negara-negara kecil, tetapi oleh kuasa-kuasa besar.

Tema yang sama mengenai PBB beliau ulangi dalam ucapan kedua beliau dua tahun kemudian, iaitu pada tahun 1984. Sekali lagi, tindak-tanduk samseng kuasa-kuasa besar menjadi sasaran kritik-kritik pedas Dr. Mahathir. Beliau berkata: 'Kita melihat kuasa-kuasa besar semakin tidak menghiraukan dan memper-



kecilkan PBB. Mereka telah menjalin serangkaian hubungan di luar sistem PBB untuk menyelesaikan masalah dunia. Mereka telah membentuk kelab-kelab ekonomi mereka sendiri yang kepadanya negara-negara membangun dibenarkan membuat rayuan dari semasa ke semasa. Bagaimanapun kelab-kelab tersebut—seperti kesemua kelab yang eksklusif—hanya mengutamakan kepentingan anggota-anggotanya. Sementara itu di bidang ekonomi dan politik PBB terus disisihkan.'

Selaran Dr. Mahathir terhadap kuasa-kuasa besar tidak tamat di situ sahaja. Beliau mengkritik negara-negara besar yang mengancam untuk menarik diri dari agensi-agensi tertentu PBB. Dr. Mahathir jelas tidak setuju dengan pendirian yang telah diambil itu kerana menurut beliau

Mengkhianati agensi-agensi itu tentunya bukanlah cara untuk menyelesaikan masalah. Oleh itu marilah kita katakan: Hentikanlah pandangan singkat ini. Hentikanlah sindiran. Hentikanlah putar belit dan kepalsuan. Marilah kita terlebih dulu berjanji sekali lagi kepada Bangsa-bangsa Bersatu dan dalam semangat itu berikrar membuat penilaian yang praktikal dan realistik tentang ke mana haluan yang hendak kita tuju selepas ini.

Walaupun Dr. Mahathir kritikal terhadap PBB dan sentiasa sedar akan kegagalan kuasa-kuasa besar memainkan peranan mereka, tidak pula bermakna bahawa beliau tidak lagi mempercayai kepada sistem antarabangsa yang berkisar pada badan dunia itu. Menurut beliau, fungsi PBB akan kekal penting dan peranannya semakin bertambah. Menurutnya lagi, adalah sukar untuk membayangkan wujudnya sebuah dunia tanpa PBB. Malah, kata Dr. Mahathir, dalam ucapannya pada tahun 1986 di perhimpunan agung:

Banyak negara di sini terhutang budi kemerdekaan mereka kepada usaha Jawatankuasa Pembebasan Tanah Jajahan Bangsa-bangsa Bersatu. Bagi kita PBB bukan sekadar lambang semata-mata. Di PBB terletak harapan kita bagi masa depan yang lebih sempurna, bagi keadilan, perdamaian dan kestabilan dan kemakmuran untuk semua umat manusia.

Kerana itu beliau mahu badan dunia itu kembali kepada peranan asalnya kerana jika tidak ia akan mengalami nasib yang sama seperti Liga Negara-negara yang ditubuhkan sebelum penubuhan PBB. Dr. Mahathir tidak mahu melihat PBB menjadi

satu tempat yang tidak bererti yang hanya mengadakan pertemuan setahun sekali. Setiap pemimpin datang ke New York untuk menyampaikan ucapannya dan kemudian pulang lalu melupakan segala-galanya sehinggalah berlangsungnya sesi akan datang. Beliau mahu setiap negara anggota supaya jangan hanya manis di mulut sahaja ketika melahirkan prinsip-prinsip, tetapi membisu apabila ianya memenuhi selera mereka dan melenting apabila prinsip itu dilanggar.

### *Memperjuangkan Harga Komoditi*

Oleh kerana Malaysia serta negara-negara sedang membangun yang lain merupakan pengeluar utama komoditi dunia dengan harga yang boleh dipermainkan oleh negara-negara maju, dalam ucapannya di PBB Dr. Mahathir juga telah menimbulkan soal itu secara konsisten untuk perhatian semua. Dalam hubungan ini beliau meminta kerjasama negara-negara maju untuk menstabilkan harga bahan mentah yang kerap mengalami turun naik melalui perjanjian-perjanjian antarabangsa. Langkah ini disyorkan dengan tujuan untuk memastikan bahawa harga komoditi tidak menjunam ke paras yang rendah akibat permintaan yang menurun. Kalau boleh Dr. Mahathir mahu melihat harga komoditi stabil seperti harga barangan siap yang dihasilkan oleh negara-negara maju, tidak kira pasaran dunia meleset atau sebaliknya. Kepercayaan Dr. Mahathir ialah harga bahan mentah dunia sengaja dipermainkan oleh negara-negara maju kerana mereka memikirkan keuntungan mereka sahaja. Tegas beliau, tatkala barangan perkilangan yang dibeli oleh dunia ketiga ditentukan harganya menurut kos pengeluaran, pemasaran dan keuntungan, harga barangan utama tidak ditentukan oleh kos-kos itu. Sebaliknya, kata Dr. Mahathir, harga-harga komoditi itu ditentukan secara sewenang-wenangnya oleh sekelompok manusia yang tidak ada kena-mengena dengan pengeluarannya. Menurut beliau lagi, negara-negara maju sengaja mempermainkan harga bahan mentah untuk keuntungan mereka. Orang-orang ini meraut keuntungan apabila harganya naik dan juga membuat keuntungan apabila harganya turun.

Beliau juga menyelar Amerika kerana telah menyalahgunakan

penubuhan stok penimbal getah dan timah bagi tujuan-tujuan strategik. Apa yang dikesalkan ialah stok itu dilimpahkan ke pasaran apabila harganya turun dengan tujuan untuk mempengaruhi harga supaya jatuh yang bukan didesak oleh kepentingan strategik. Kerana itu, jelas Dr. Mahathir dalam ucapannya pada tahun 1982:

Malaysia cuba untuk memecahkan lingkaran jahat sistem pasaran komoditi lama. Kita cuba untuk menubuhkan sebuah sistem yang lebih saksama yang akan mengekalkan harga-harga yang munasabah di samping memastikan terdapat bekalan timah dan getah secukupnya di pasaran dunia. Dalam menuju ke arah ini, kita cuba membentuk satu persatuan pengeluar yang berkesan, tanpa berniat untuk mewujudkan keadaan monopolistik.

Beliau juga meminta kerjasama negara-negara pengguna supaya membantu untuk menjayakan skim menstabilkan harga komoditi itu dengan menyertai sebuah perjanjian pengeluar-pengguna - satu seruan yang nampaknya tidak begitu mendapat sambutan di pihak negara-negara maju.

### *Antartika*

Apabila Dr. Mahathir pertama kali menjadikan Antartika sebagai satu isu antarabangsa dalam ucapan sulungnya di perhimpunan agung PBB, ada pihak menganggap perbuatan beliau itu sebagai sesuatu yang tidak siaman. Sekali pandang, pendapat yang telah disuarakan itu memang munasabah. Kerana kedudukannya yang jauh dari benua berais itu, Malaysia tidak mempunyai kepentingan di Antartika. Walaupun Antartika yang diketahui mengandungi banyak sumber hidupan dan bukan hidupan boleh diteroka sekalipun, Malaysia tidak mempunyai kemampuan kewangan dan teknologi untuk berbuat demikian. Pihak ini beranggapan, iaitu tidak ada sebab untuk Malaysia memberi perhatian terhadap Antartika.

Tetapi Dr. Mahathir jelas mempunyai sebabnya yang tersendiri untuk menimbulkan soal Antartika dan mencadangkan benua berais itu dijadikan sebagai warisan bersama manusia sejagat, tidak kira mereka tinggal berdekatan atau berjauhan dengan Antartika. Yang penting bagi Dr. Mahathir ialah benua

yang diselaput oleh air sepanjang tahun itu adalah bukan milik sesiapa. Kerana itu, tidak ada negara atau satu kelompok negara boleh menuntutnya sebagai hak mereka baik bagi tujuan saintifik atau penyelidikan.

Tetapi apa yang terjadi dengan Antartika ialah ada sekumpulan negara-negara yang mengisytiharkan diri mereka sebagai pentadbir benua itu. Mereka tidak membenarkan negara-negara lain berkongsi Antartika. Malah sekumpulan negara itu membahagi-bahagikan Antartika sesama mereka seolah-olah ia adalah hak mutlak mereka. Bagi Dr. Mahathir ini adalah bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

Sesungguhnya pandangan yang telah beliau utarakan itu disokong oleh negara-negara lain yang juga berminat dengan Antartika, tetapi dinafikan. Dari segi sejarah, Antartika memang tidak didiami oleh sesiapa. Kerana itu, tidak ada bangsa boleh menuntut Antartika sebagai hak mereka. Pada mulanya Antartika menjadi rebutan negara-negara yang berdekatan dengannya seperti Argentina, Chile, Australia, Afrika Selatan dan New Zealand. Tetapi kuasa-kuasa besar juga berminat dengannya. Untuk menyelesaikan masalah, negara-negara ini bergabung dengan kuasa-kuasa besar dengan melantik diri mereka sebagai pentadbir benua itu di bawah Treati Antartika yang ditandatangani pada tahun 1959. Selain dari lima negara yang berhampiran dengan Antartika dari segi geografi, tujuh buah negara yang menandatangani treati itu ialah: Belgium, Perancis, Jepun, Norway, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Rusia. Jelas bahawa negara-negara ini semuanya berada di utara hemisfera dan seperti Malaysia, letaknya beribu-ribu kilometer dari benua seluas 14 juta kilometer persegi dan ditimbus oleh ais sedalam dua kilometer sepanjang tahun itu.

Pada prinsipnya, keanggotaan Treati Antartika itu terbuka kepada setiap anggota PBB. Malah sejak treati itu diwujudkan, 16 buah negara telah dibenarkan menyertai treati tersebut. Pada tahun 1961, Bulgaria, Brazil, China, Czechoslovakia, Denmark, Jerman Barat, Jerman Timur, India, Itali, Belanda, Papua New Guinea, Peru, Poland, Romania, Sepanyol dan Uruguay telah diterima sebagai anggota Treati Antartika itu. Jelas bahawa pemilihan negara-negara ini diasaskan kepada dua faktor. Per-

tama, kehampiran negara itu dengan benua yang menyimpan 90 peratus bekalan air di dunia; atau kerana mereka sahabat baik dengan kuasa-kuasa besar. Dengan kata lain, pemilihan adalah secara selektif. Tidak semua negara, sekalipun ingin menyertai Treati Antartika, akan dibenarkan berbuat demikian. Dalam hal ini, Dr. Mahathir sebenarnya telah membuat satu seruan yang lojik apabila mengusulkan supaya Antartika dijadikan warisan milik semua.

Dalam ucapan pertama pada tahun 1982 itu beliau berhujah:

Seperti perut laut dan laut, Antartika sebagai bumi yang tidak dihuni adalah milik masyarakat antarabangsa. Negara-negara yang dewasa ini mentadbirkannya hendaklah melepaskannya untuk diserahkan sama ada kepada PBB bagi ditadbirkan atau penghuni-penghuni sekarang bertindak sebagai pemegang amanah kepada semua bangsa di dunia.

Dr. Mahathir nampak bahawa Antartika mempunyai potensi untuk diterokai sumber-sumber buminya kerana menurutnya buat masa ini penerokaan sumber-sumber di Antartika adalah terlalu mahal dan tidak ada teknologi yang boleh digunakan. Tetapi tidak syak lagi satu hari nanti akan tiba waktunya apabila Antartika boleh menyediakan dunia dengan makanan dan sumber-sumber lain bagi pembangunannya. Adalah tepat bahawa penerokaan serupa itu hendaklah memberi faedah kepada negara-negara miskin dan juga kaya.

Dr. Mahathir juga berhujah bahawa setelah kita mencapai persetujuan tentang Undang-undang Laut, PBB hendaklah mengadakan satu mesyuarat bagi mendefinisikan masalah tanah-tanah yang tidak berpenghuni, sama ada dituntut atau tidak, dan untuk menentukan hak setiap bangsa bagi tanah-tanah itu. Menurut beliau Malaysia memang sedar tentang Treati Antartika yang dipersetujui oleh sebilangan kecil negara yang menyediakan kerjasama bagi penyelidikan saintifik dan melarang kegiatan-kegiatan yang mengganggu keamanan. Tatkala ada merit bagi sebuah treati serupa itu, tetapi perjanjian antara satu kumpulan negara-negara terpilih tidak mencerminkan hasrat sebenar anggota-anggota PBB. Satu perjanjian baru antarabangsa diperlukan supaya dengan itu episod-episod bersejarah tidak dijadikan sebagai fakta untuk menyokong tuntutan.

Setelah usul beliau itu dikemukakan pada tahun 1982, terdapat reaksi yang tidak menyenangkan tentangnya. Dr. Mahathir telah menggunakan kesempatan untuk berucap pada platform yang sama dua tahun kemudian (1984) untuk menjawab kritik-kritik yang mengatakan bahawa beliau telah mengambil pendirian yang destruktif mengenai Antartika. Secara terus terang beliau berkata:

Kami tidak menyangkal kebaikan yang didapati dari sistem Treati Antartika sekarang. Bagaimanapun apa yang kami mahu bina ialah satu asas yang lebih luas dan asas yang lebih teguh bagi kerjasama antarabangsa di Antartika yang boleh diterima oleh dan demi kepentingan masyarakat antarabangsa keseluruhannya, dan yang dengan ini menjamin kestabilan jangka panjang dan kekesan sistem ini. Dalam hal Antartika khususnya, sebuah daratan yang seluas kira-kira 1/10 permukaan daratan dunia, terletak di bahagian strategik dunia, dengan sistem ekologi yang lemah dan kaya dengan sumber laut dan mungkin pula sumber-sumber galian, sebahagian dari dunia yang tidak berpenghuni dan di mana, tidak syak lagi, tidak terdapat pengiktirafan kepada tuntutan kedaulatan, kecuali antara tujuh pihak yang menuntut, kami percaya sekurang-kurangnya terdapat satu kes yang kuat bagi Antartika menjadi satu warisan bersama umat manusia....

Dalam ucapan di perhimpunan agung PBB pada tahun 1986, Dr. Mahathir sekali lagi mendesak supaya cadangannya itu dipertimbangkan oleh PBB. Cadangan itu dibuat di tengah-tengah adanya bantahan kuat dari negara-negara yang mentadbir Antartika di bawah treati yang sedia ada. Kumpulan negara ini juga dikenali sebagai Consultative Parties (CP) jelas tidak setuju dengan apa yang diminta oleh Dr. Mahathir yang mereka dakwa cuba mencari konfrontasi berkait dengan soal Antartika. Tetapi tentangan yang dihadapi tidak mematahkan semangat Dr. Mahathir untuk menjadikan Antartika sebagai warisan bersama manusia sejagat. Negara-negara kecil yang lain mula membuka mata dan memberi sokongan pada inisiatif Dr. Mahathir. Tetapi tanpa kerjasama negara-negara CP dan juga kuasa-kuasa besar, Dr. Mahathir tahu bahawa cadangannya itu tidak akan sampai ke mana. Dan jika tidak ada pemimpin lain yang menyertai beliau dalam perjuangan itu, soal Antartika akan lenyap begitu sahaja.

### *Membela Bangsa yang Ditindas dan Dijajah*

Sebagai mewakili bangsa dan negara yang pernah dijajah dan ditindas, Dr. Mahathir sudah pasti menghargai kebebasan dan kemerdekaan. Tetapi dalam dunia ini masih ada bangsa yang masih belum bebas dan merdeka. Dr. Mahathir melihat bahawa adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan beliau sebagai pemimpin untuk memperjuangkan bangsa-bangsa yang masih dibelenggu penindasan dan penjajahan itu. Kesempatan berucap di perhimpunan agung PBB juga telah digunakan untuk tujuan itu. Secara khusus dalam empat ucapan di badan dunia itu Dr. Mahathir telah memberi perhatian terhadap penderitaan yang masih dialami oleh bangsa Palestin di Asia Barat yang telah kehilangan tanahair mereka kepada Israel sejak tahun 1948. Kesengsaraan yang dialami oleh penduduk majoriti kulit hitam Afrika Selatan yang didiskriminasikan oleh minoriti kulit putih yang memerintah negara ini di bawah dasar aparteid. Nasib dua bangsa—Khmer (Kampuchea) dan Afghanistan—yang pernah merdeka dan bebas, tetapi telah dijajah oleh negara-negara jiran mereka—juga diperjuangkan oleh Dr. Mahathir.

Simpati Malaysia terhadap Palestin sebenarnya tidak bermula dengan Dr. Mahathir. Perdana menteri-perdana menteri sebelum ini juga pernah memperjuangkan nasib bangsa Palestin di forum-forum antarabangsa. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa menerusi Dr. Mahathir, perjuangan Malaysia membela Palestin adalah lebih lantang. Sebahagian besar ucapan beliau di PBB digunakan untuk menarik perhatian masyarakat antarabangsa terhadap Palestin.

Dalam ucapan pertama pada tahun 1982, Dr. Mahathir berterus terang menuduh Israel sebagai sebuah negara yang telah membuli Palestin dengan restu kuasa-kuasa besar Barat, terutamanya Amerika. Beliau menimbulkan kekejaman yang dilakukan terhadap Palestin oleh Yahudi yang telah mengambil alih negara Palestin dengan persetujuan PBB pada tahun 1948. Beliau menyamakan kekejaman Israel terhadap Palestin dengan kezaliman yang dilakukan oleh Nazi Hitler terhadap bangsa Israel. Tetapi malangnya, kuasa-kuasa besar tidak berbuat apa-apa untuk menghalang perbuatan kejam Israel itu. Dalam ucapannya

itu, Dr. Mahathir memuji kegigihan para pejuang Palestin untuk mendapatkan semula haknya. Menurut beliau, Malaysia akan terus menyokong Palestin.

Cakap-cakap beliau itu ternyata bukan omong kosong. Selepas ucapan pertama pada tahun 1982, tiga ucapan pada tahun 1984, 1986 dan 1988, beliau menimbulkan lagi soal Palestin itu. Dalam ucapan tahun 1986 misalnya, pendirian yang beliau ambil adalah lebih kritikal dan lantang. Beliau bukan sekadar menyalahkan kuasa-kuasa besar, tetapi seluruh PBB kerana gagal menyelesaikan kesengsaraan yang menimpa Palestin.

Menurut beliau: 'Soal Palestin adalah satu isu yang telah gagal diselesaikan oleh PBB, walaupun perkara ini sentiasa wujud di agenda hampir sejak terasasnya PBB. Ketidakupayaan menyelesaikan isu asas ini telah menyebabkan seluruh rantau Asia Barat kekal bergelora. Masalah Palestin bermula dengan wujudnya Israel, setelah terusirnya rakyat Palestin. Kerajaan Israel wujud hasil keputusan PBB pada tahun 1948 dan bahawa keputusan itu telah dihormati oleh kuasa-kuasa besar, maka wajiblah kuasa-kuasa besar itu, jika tidak pun Israel, menghormati dan memegang ketetapan-ketetapan PBB mengenai isu tersebut.'

Dr. Mahathir tidak ketinggalan mengkritik kuasa-kuasa besar kerana pendirian yang tidak saksama antara Israel dengan Palestin. Tegas beliau:

...tanpa satu dasar yang saksama oleh kuasa-kuasa besar, PBB tidak mungkin dapat bertindak. Sempadan Israel pasti akan bertambah luas, menduduki bumi Arab sesuka hatinya dan sebarang tindakan yang dilakukan oleh Israel, biar betapa kejamnya akan dianggap sebagai melindungi keselamatan negaranya. Rakyat Palestin pula sebaliknya tidak akan dapat bertindak seperti Israel kerana sumber kekuatan mereka yang terhad. Dalam pada itu, mereka terpaksa berhadapan dengan media yang dikuasai oleh Zionis dan tentunya memusuhi mereka. Dalam proses ini rakyat Palestin sentiasa dikutuk oleh dunia yang tidak menghiraukan hakikat bahawa Israel sendiri adalah hasil daripada keganasan, bahawa serangan dan gangguannya terhadap orang-orang Arab di wilayahnya adalah dasar yang berasaskan kekejaman.

Malaysia tidak sahaja menyokong Palestin di PBB, tetapi juga menyalurkan bantuan kebendaan dan kewangan pada perjuangannya. Dan apabila parlimen Palestin dalam buangan meng-



isyiharkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan bebas di bumi yang kini diduduki oleh Israel pada November 1988, Malaysia adalah antara negara yang awal-awal sekali memberi pengiktirafan kepada negara Palestin itu.

Dr. Mahathir juga secara lantang memperjuangkan nasib kulit hitam Afrika Selatan yang hidup dalam sistem apartheid di mana mereka dinafikan hak asasi manusia oleh penduduk kulit putih. Dalam ucapan pertama beliau di PBB, Dr. Mahathir secara terus terang menyatakan bahawa, 'kerajaan saya memandangkan dengan penuh jijik akan dasar-dasar apartheid Afrika Selatan yang tidak berperikemanusiaan itu. Ini adalah satu pencabulan terhadap keadilan dan satu perkara yang keji terhadap martabat manusia. Malaysia akan terus menyokong sepenuhnya perjuangan rakyat Afrika Selatan yang tertindas untuk mendapatkan keadilan, kesamaan dan maruah dari apartheid.'

Dalam ucapan empat tahun kemudian di PBB, Dr. Mahathir meneruskan kempenya memerangi apartheid dengan mengatakan bahawa pendekatan negara-negara Barat gagal sama sekali mempengaruhi rejim kulit putih Pretoria supaya meninggalkan apartheid. Dr. Mahathir mengesyorkan supaya tindakan yang lebih keras diambil. Menurut beliau, jalan yang ada sekarang ialah untuk mengenakan sekatan ekonomi dengan bersungguh-sungguh. Beliau menolak hujah yang mengatakan bahawa sekatan ekonomi tidak berkesan dan hanya akan memaksa tekanan ekonomi ke atas negara-negara barisan hadapan dan memburukkan lagi nasib orang-orang kulit hitam di Afrika Selatan. Menurut beliau lagi, memang diakui bahawa sekatan ekonomi akan membawa padah kepada negara-negara Afrika yang berjiran dan penduduk kulit hitam di Afrika Selatan. Bagaimanapun penghinaan yang telah mereka tanggung sekian lama di bawah apartheid adalah jauh lebih menyakitkan. Tambahan pula, sekiranya dunia benar-benar berazam, banyak yang dapat dilakukan untuk mengatasi penderitaan ini dan mendapatkan penyelesaian yang segera. Tetapi seperti diduga, cadangan sekatan ekonomi total terhadap Afrika Selatan tidak mendapat sambutan. Kuasa-kuasa Barat tidak sanggup berbuat demikian kerana tindakan memulaukan bukan sahaja menyakiti Afrika Selatan tetapi diri mereka sendiri.

Nasib yang dialami oleh Kampuchea dan Afghanistan juga tidak terlepas daripada diteropong oleh Dr. Mahathir di PBB. Setiap kali beliau berucap, penjajahan yang dilakukan oleh Rusia terhadap Afghanistan dan juga oleh Vietnam ke atas Kampuchea (pada tahun yang lebih kurang sama, iaitu 1978/1979) tetap dikecam oleh Dr. Mahathir. Beliau mendesak supaya kuasa-kuasa penjajah itu meninggalkan negara-negara jiran yang telah dijajah dan mengembalikan kedua-dua buah negara kepada pentadbiran penduduk tempatan. Kerana adanya tekanan yang berterusan oleh Dr. Mahathir dan pemimpin dunia yang lain, Rusia sudah pun mengundurkan sepenuhnya askar-askar dari Afghanistan sejak 15 Februari 1989. Vietnam juga menghadapi tekanan dari setiap pihak termasuk dari pendukung kuatnya Rusia supaya meninggalkan Kampuchea yang dijajahnya sejak akhir 1978.

### *Mempertahan Kebangkitan Islam*

Dr. Mahathir menjadi perdana menteri tatkala kebangkitan semula Islam di seluruh dunia sedang memuncak. Di kalangan negara-negara maju terdapat kebimbangan bahawa kebangkitan Islam itu sebagai sesuatu yang mengancam mereka. Lalu mereka membuat berbagai-bagai tohmah dan bidaah terhadap Islam. Islam dikaitkan dengan kegiatan golongan pelampau yang menakutkan. Golongan fundamentalis dikatakan mengancam dunia bukan Islam. Pemimpin lain mungkin mengambil sikap yang defensif untuk menghadapi tekanan kuasa-kuasa Barat yang lebih kuat pengaruh dan kedudukan dalam melawan arus kebangkitan semula Islam itu. Dr. Mahathir tidak. Sebaliknya, beliau mengambil sikap yang ofensif. Ucapan kedua beliau di perhimpunan agung PBB telah diuntukkan sebahagian besarnya bagi mempertahankan kebangkitan Islam dan menjelaskan kekeliruan yang timbul mengenai fenomena itu. Beliau menjelaskan bahawa, 'janganlah mudah terpengaruh hingga bimbangkan kebangkitan semula Islam atau malah oleh perkataan "fundamentalis" yang telah mencetuskan pelbagai syak wasangka.' Tambah Dr. Mahathir, 'benar kami adalah fundamentalis Islam kerana kami berpegang kuat pada ajaran-ajaran Islam—pada

keamanan, tolak ansur dan keadilan—dan benar memang ada para pelampau dalam Islam seperti halnya terdapat para pelampau di setiap agama dan di setiap peringkat sejarah.

Menurut beliau tidak siapa pun dapat menyangkal bahawa sepanjang perjalanan sejarah terdapat berbagai-bagai bidaah di dalam semua agama dan tentunya tidak adil membiarkan segala bidaah itu menentukan tanggapan dan pengadilan kita. Beliau menyoal: 'Adilkah nilai ajaran Kristian pada amalan pelampauannya di Sepanyol atau oleh kekejian aparteid dan Nazi? Adilkah dinilai Judaisme pada kepincangan yang diwakili oleh politik Zionisme?'

'Jawapannya sudah cukup nyata. Revolusi Islam sekarang wajar dinilai secara adil dan objektif. Saya tidak nafikan bahawa keganasan dan ketidakadilan dan segala-galanya yang bertentangan dengan nilai murni yang sejagat telah pun dipersalahkan atas nama Islam. Bagaimanapun penumpuan aspek-aspek ini adalah satu bidaah yang biasa dalam sebarang titik sejarah. Ia membawa salah faham, mengapi-apikan rasa curiga dan memburukkan lagi prasangka yang merugikan kita semua.'

Dr. Mahathir mahu negara-negara maju supaya memahami Islam sebagai satu pergerakan yang berusaha meneguhkan kebebasan politik, keadilan ekonomi dan identiti kebudayaan. Yang demikian, menurut beliau, 'janganlah kita harus membiarkan salah satu pergerakan penting di zaman kita—kebangkitan semula Islam—disalah tafsir dan disalahfahamkan. Marilah kita mencari kebajikan di hati kita, marilah umat Kristian dan Yahudi serta lain-lain mencari kebajikan di hati mereka—menyedari apa yang berlaku di dunia Islam dengan sebenarnya; mencari keheningan rohani di dunia, yang penuh dengan kekeliruan dan kekacauan. Marilah kita hapuskan rasa benci, propaganda hasad dengki dan prasangka anti-Islam yang terus diapi-apikan oleh puak Zionis.'

### *Memerangi Penyalahgunaan Dadah*

Soal penyalahgunaan dadah adalah satu lagi isu antarabangsa yang telah ditonjolkan oleh Dr. Mahathir dalam ucapan-ucapannya di perhimpunan agung PBB. Penyalahgunaan dadah adalah

sesuatu yang membimbangkan Malaysia kerana ia merupakan satu fenomena yang berleluasa. Tetapi masalah dadah di negara ini ada hubungannya dengan penyalahgunaannya dalam konteks dunia yang memerlukan setiap negara di dunia turut sama berganding bahu memerangnya. Dalam ucapannya di perhimpunan agung PBB pada tahun 1984 beliau mengatakan, 'Masalah dadah adalah bersifat sejagat dan tidak mengenali batasan negara. Oleh itu, tiada negara yang dapat mengatasi masalah ini. Ia memerlukan usaha yang serius dan bersungguh-sungguh di peringkat antarabangsa oleh semua negara dan agensi antarabangsa yang berkenaan....' Bagaimanapun beliau nampaknya kecewa kerana kerjasama di peringkat antarabangsa berkait dengan penyalahgunaan dadah ini masih di tahap rendah. Kurangnya kerjasama ini sebahagiannya adalah kerana terdapat sengketa kepentingan yang bersifat ekonomi dan perdagangan. Dapat juga diperhatikan bahawa beberapa buah negara kebertan untuk melaksanakan keputusan-keputusan PBB berkait dengan pencegahan dan kawalan dadah kerana berbagai-bagai faktor termasuk kurangnya kesungguhan politik. Ini mungkin juga kerana banyak negara tidak memandang serius masalah dadah mereka, sebahagiannya kerana nilai pandangan mereka dan sebahagian lagi kerana masalah mereka agak kecil. Tetapi Dr. Mahathir menerangkan bahawa tidak ada negara boleh mengambil sikap tolak ansur atau berkompromi dalam memerangi penyalahgunaan dadah, kerana ia mempunyai implikasi terhadap keselamatan sesebuah negara. Menurut beliau: 'wajar diambil perhatian bahawa masalah dadah bukan hanya turut membawa implikasi jenayah, tetapi jika tidak dibendung boleh melemah dan akhirnya melumpuhkan susunan sosial dan kebudayaan masyarakat kita. Ia juga membabitkan keselamatan yang boleh mengancam keteguhan sesebuah negara. Inilah sebabnya Malaysia telah meluluskan undang-undang yang ketat bagi membendung penyalahgunaan dadah.'

### *Menelanjangi Kepura-puraan Negara Maju*

Dr. Mahathir adalah seorang pemimpin yang kritikal terhadap kepura-puraan negara maju, khususnya berkait dengan soal

ekonomi. Perkara ini telah beliau sentuh dalam ucapan pertama beliau di PBB dan seterusnya dalam ucapan-ucapan yang lain selepas itu. Menurut beliau, negara-negara maju menganjurkan amalan ekonomi dan perdagangan bebas di bawah doktrin kapitalismenya. Tetapi menurut beliau juga, itu cuma pada mulutnya sahaja. Dalam amalan, negara-negara seperti Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah serta Jepun mengamalkan berbagai-bagai bentuk halangan untuk menyekat kemasukan barangan dan perkhidmatan dari negara-negara sedang membangun seperti Malaysia. Dr. Mahathir merungut kerana mendapati bahawa barang-barang siap dan perkilangan dari negara-negara dunia ketiga telah cuba dihalang menembusi pasaran negara maju.

Kekecewaan beliau terhadap sikap negara maju tentang amalan perdagangan bebas ini jelas terbayang dalam ucapannya di perhimpunan agung PBB pada tahun 1986. Menurut beliau: 'Sudah sekian lama, semangat perdagangan bebas telah dipertahankan dan tanah-tanah jajahan kuasa-kuasa besar tekun diajar nilai-nilai baik tentang perdagangan bebas. Pada waktu itu, dan selama bertahun-tahun selepas kemerdekaan kami, kami tidak dapat mengeksport segala-galanya kecuali barangan-barangan utama kami, dan pasaran kami seperti yang diajarkan kepada kami adalah terbuka luas kepada import barangan siap dari negara-negara perindustrian. Bagaimanapun, sekarang setelah kami mempelajari selok-belok pengilangan dan mengeksport sejumlah besar pengeluaran, apakah yang telah terjadi pada semangat perdagangan bebas yang dibanggakan itu? Ia kini telah pudar di negara-negara perindustrian. Kita melihat wujudnya kuota dan sekatan-sekatan lain, apa yang dikatakan sekatan sukarela dan berbagai ancaman serta tekanan lainnya.'

Dr. Mahathir juga merasa jelik dengan sikap kesatuan-kesatuan sekerja negara industri yang sewaktu negara-negara dunia ketiga dijajah tidak berbuat apa-apa untuk memperbaiki taraf hidup pekerja, tetapi kini ingin menjuarai perjuangan dunia pekerja di negara-negara itu dengan menggalakkan mereka menuntut gaji yang mahal. Bagi Dr. Mahathir, tindakan kesatuan sekerja di negara maju itu lebih bertujuan untuk melindungi kepentingan mereka sendiri dari benar-benar ingin membela

pekerja di dunia ketiga. Dengan menggalakkan kesatuan sekerja di dunia membangun berkonflik dengan majikan, akan berlakulah tindakan perusahaan yang boleh menyebabkan pengeluaran terhenti. Jika itu berlaku, kesatuan sekerja di dunia maju akan mendapat manfaatnya kerana kilang mereka tidak menghadapi saingan dari barangan atau perkhidmatan yang terhenti pengeluarannya di negara-negara sedang membangun.

## MALAYSIA MEMIMPIN DUNIA

---

**K**ELANTANGAN Datuk Seri Dr. Mahathir menyuarakan pandangan mengenai berbagai-bagai isu semasa antarabangsa tidak dapat dinafikan telah menonjolkan Malaysia sebagai sebuah negara yang ingin memainkan peranan aktif dalam menentukan halacara pergolakan dunia. Dalam politik antarabangsa, Malaysia diakui tidak lagi sekadar menjadi pemerhati atau hanya bertindak balas kepada perkembangan-perkembangan yang terjadi. Peranannya tidak lagi sekadar mendengar atau mengikut pandangan yang disuarakan oleh negara-negara lain. Sebaliknya Malaysia, melalui Dr. Mahathir, mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah secara aktif dan mahu pandangannya diambil kira oleh orang lain.

Sesuai dengan peranan baru itu, Malaysia menghulurkan bantuan kepada PBB dalam menjaga keamanan dan menyelesaikan perbalahan antara dua unit politik dalam politik dunia. Apabila diminta mengirim askar-askarnya untuk menyertai pasukan pengawasan PBB menyelia gencatan senjata antara Iran dan Iraq pada tahun 1988 Malaysia tidak membantah. Askar-askar Malaysia juga dihantar ke Namibia untuk menjaga keamanan di negara Afrika yang diberi taraf kemerdekaan setelah bergelora untuk beberapa ketika.

Penghormatan ini diberikan kepada Malaysia oleh masyarakat antarabangsa sebagai pengiktirafan terhadap keinginan Dr. Mahathir untuk menjadi pemimpin dunia atau setidaknya pemimpin bagi dunia ketiga dalam arena antarabangsa. Kerana itu, dalam persidangan antarabangsa, perwakilan Malaysia tidak lagi sekadar menjadi peserta, tetapi diberi peluang untuk duduk di barisan depan mengemudikan persidangan.

Ini terbukti dengan pemilihan Dr. Mahathir Mohamad sebagai presiden bagi Persidangan Penyalahgunaan dan Pengedaran Haram Dadah Antarabangsa (ICDAIT) dalam mesyuarat yang berlangsung di Geneva, Switzerland pada tahun 1987. Pemilihan Malaysia sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu bagi penggal dua tahun 1989/1990; pemilihan Malaysia sebagai pengerusi Kumpulan 77 di Bangsa-bangsa Bersatu bagi tahun 1989 serta pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah bagi Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada tahun 1989.

Kejayaan memimpin pertubuhan-pertubuhan penting antarabangsa ini adalah pengesahan yang diberikan kepada keinginannya untuk menjadi jurucakap negara yang sedang membangun dalam forum-forum penting dunia. Ia juga dicapai di bawah pimpinan Dr. Mahathir dan menjadi bukti bahawa kelantangan Dr. Mahathir menyuarakan pandangan, walaupun tidak disenangi oleh negara-negara yang dikecam, tetapi telah membolehkan Malaysia memainkan peranan baru dalam perkembangan dunia melebihi peranan diplomasi biasa di bawah perdana menteri-perdana menteri sebelum ini.

### *Presiden Persidangan Dadah Antarabangsa*

Apabila Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, Perez de Cuellar mencadangkan supaya diadakan satu persidangan antarabangsa mengenai penyalahgunaan dan pengedaran haram dadah bagi membincangkan masalah najis dadah secara komprehensif, beberapa buah negara berebut-rebut untuk menawarkan diri bagi mengemudi persidangan itu. Ini kerana itulah pertama kali satu persidangan serupa itu akan diadakan setelah begitu hebat diperkatakan tentang masalah najis dadah. Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri telah mengambil bahagian yang aktif dalam perbincangan yang diadakan secara *ad hoc* itu. Malah ucapan-ucapan beliau di Bangsa-bangsa Bersatu sebahagian besarnya telah diperuntukkan bagi memperkatakan soal najis dadah dan penyalahgunaannya dengan seruan supaya masyarakat antarabangsa bergabung tenaga untuk menghadapinya.

Dr. Mahathir berbuat demikian sebagai mencerminkan dilema



dan masalah serius yang dihadapi oleh Malaysia dalam memerangi najis dadah itu. Bagi beliau, Malaysia sendirian tidak dapat berbuat apa-apa kerana penyalahgunaan najis dadah mempunyai dimensi antarabangsa. Kerana itu penglibatan seluruh masyarakat antarabangsa diperlukan untuk mengatasi soal itu. Tambahan pula najis dadah yang mengalir masuk ke Malaysia datang dari luar negeri termasuk dari negara-negara jiran. Dr. Mahathir tahu bahawa walaupun Malaysia menggubal undang-undang keras terhadap kesalahan-kesalahan tertentu najis dadah, termasuk mengadakan hukuman mati, usaha itu tidak akan berkesan jika penglibatan negara-negara lain tidak ada. Malah hukuman mati yang Malaysia kenakan telah memperkenalkannya dengan cara yang lain di kaca mata antarabangsa. Ini kerana di bawah hukuman keras Malaysia itu, sudah ada warganegara asing yang mati di tali gantung kerana kesalahan dadah. Misalnya, dua orang rakyat Australia telah menjalani hukuman tersebut, walaupun ada rayuan dari negara luar supaya hukuman ke atas mereka diringkaskan kepada hukuman penjara seumur hidup. Tetapi kerana Malaysia tidak tunduk pada tekanan antarabangsa itu, gambaran yang negatif telah dibuat di luar negeri. Tetapi Malaysia tidak mengendahkan itu semua. Akhirnya, pendirian yang diambil itu dihormati dan diterima sebagai lambang ketegasan Malaysia memerangi penyalahgunaan najis dadah. Sejak itu, beberapa negara lain juga telah mengikut jejak Malaysia dengan mengenakan hukuman mati bagi kesalahan-kesalahan najis dadah.

Dengan rekod yang ada, tidaklah memmeranjatkan apabila Dr. Mahathir menawarkan dirinya sebagai Presiden Persidangan Penyalahgunaan dan Pengedaran Haram Najis Dadah Antarabangsa (ICDAIT) itu setelah Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu mencadangkannya pada tahun 1985. Apabila negara-negara lain mendengar hasrat pemimpin Malaysia itu, secara tidak rasmi mereka menyatakan sokongan. Setelah menyedari bahawa prospek untuk Dr. Mahathir menjadi presiden ICDAIT itu memang ada, maka Malaysia mula melobi bagi jawatan itu. Para diplomat Malaysia bekerja keras bagi mendapatkan sokongan di negara-negara di mana mereka di tempatkan. Menteri luar ketika itu, Datuk Rais Yatim menjelajah ke

seluruh dunia meminta sokongan bagi pencalonan Dr. Mahathir bagi menjadi presiden ICDAIT yang dijadualkan bersidang selama 10 hari dari 17 hingga 27 Jun 1987 di Geneva.

Usaha melobi dan mencari sokongan untuk Dr. Mahathir ini sebenarnya dibuat hingga ke saat-saat akhir menjelang persidangan diadakan. Sewaktu Dr. Mahathir berlepas untuk menghadiri persidangan tersebut sama ada beliau berjaya menjadi presiden ICDAIT masih samar-samar lagi. Tetapi menjelang waktu itu, sokongan yang diberikan agak jelas. Kuasa-kuasa besar, termasuk Amerika, Kanada, Australia, negara-negara EEC telah menyatakan sokongan kepada Dr. Mahathir. Negara-negara ASEAN dan Asia serta Pergerakan Berkecuali dan Komanwel juga menyatakan sokongan kepada Dr. Mahathir sekiranya berlaku pemilihan.

Pertandingan diramalkan berlaku kerana Bolivia, sebuah negara Latin Amerika, yang juga berdepan dengan masalah penyalahgunaan dadah yang serius, juga menawarkan diri bagi menjadi presiden ICDAIT. Negara itu mendapat sokongan dari negara-negara benua itu serta sebilangan negara lain di Afrika. Kerana adanya pertandingan, maka keputusan muktamad akan dibuat oleh 136 buah negara yang akan mengambil bahagian dalam sidang najis dadah Geneva itu.

Tetapi Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, juga seorang pemimpin Amerika Latin, jika boleh, tidak mahu melihat pertandingan berlaku. Beberapa jam sebelum persidangan ICDAIT dimulakan, selepas ia dirasmikan oleh Setiausaha Agung badan dunia itu sendiri, kompromi di belakang tabir diusahakan. Perez de Cuellar sendiri nampaknya menyokong pencalonan Dr. Mahathir. Beliau berusaha untuk memujuk Menteri Luar Bolivia menarik diri untuk memberi kesempatan kepada Dr. Mahathir menjadi presiden ICDAIT. Tetapi beliau tidak mahu. Akhirnya formula kompromi dicapai apabila Venezuela, sebuah lagi negara Latin Amerika, yang merupakan calon tunggal bagi pengerusi persidangan, bersedia mengosongkan kedudukannya. Jawatan itu kemudian diberi kepada Bolivia. Perez de Cuellar mengumumkan kepada persidangan bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir telah dipilih sebagai presiden ICDAIT tanpa bertanding.

Ada kalangan di dalam negeri cuba memperkecilkan pemilihan Dr. Mahathir sebagai presiden ICDAIT dengan mengatakan ia sebagai bertindak bagi mengurus perjalanan satu persidangan yang keputusannya belum tentu dilaksanakan. Tambah pula lawan beliau untuk jawatan itu hanya seorang yang bertaraf menteri luar, maka komen serupa itu tidaklah menghairankan. Tetapi dari segi lain, kejayaan Dr. Mahathir itu tidak akan dicapai sekiranya Malaysia tidak dikenali sebagai sebuah negara yang tegas memerangi penyalahgunaan najis dadah. Kerana Dr. Mahathir berjaya memperkenalkan Malaysia secara lebih agresif, maka ia boleh mendapat sokongan bagi jawatan itu. Kerana itu, kemenangan Dr. Mahathir menjadi presiden ICDAIT itu besar maknanya bagi negara ini. Ia adalah satu penghormatan bukan sahaja untuk negara dan Dr. Mahathir, tetapi ketegasan memerangi penyalahgunaan najis dadah bagi seluruh dunia. Dengan menjadi presiden persidangan, Dr. Mahathir dapat menonjolkan keseriusan masalah penyalahgunaan najis dadah yang tidak dianggap begitu serius oleh beberapa negara. Beliau juga dapat menjelaskan mengapa kerjasama antarabangsa amat perlu dalam kempen itu dan mengapa hukuman keras diperlukan untuk membendung masalah penyalahgunaan najis dadah daripada menjadi satu wabak yang tidak boleh dikawal. Malah Dr. Mahathir telah mempertahankan hukuman mati yang dikenakan oleh Akta Dadah Berbahaya Malaysia. Dengan kata lain, sebagai ICDAIT walaupun sekadar 10 hari, Datuk Seri Dr. Mahathir telah membuka mata dunia betapa perlunya mereka memandang serius terhadap penyalahgunaan najis dadah. Dari segi ini, Malaysia telah berjaya menonjolkan dirinya sebagai pemimpin dalam kempen memerangi najis dadah yang disokong oleh negara-negara lain.

### *Menganggotai Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu*

Pada 26 Oktober 1988, Malaysia telah terpilih untuk menganggotai Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang beribu pejabat di New York, Amerika Syarikat. Dalam merebut kerusi Majlis Keselamatan sebagai wakil benua Asia dalam badan ter-

penting pertubuhan dunia itu, Malaysia telah menewaskan Bangladesh. Dalam pengundian pusingan pertama, kita gagal mendapat majoriti dua pertiga (106) yang diperlukan. Kita cuma berjaya mendapat 104 undi manakala Bangladesh 55. (Kesemua 159 buah negara dunia yang menganggotai PBB telah mengundi dalam pusingan pertama ini.)

Kerana tidak ada pemenang muktamad, maka pengundian kali kedua telah dijalankan. Bangladesh, setelah menyedari bahawa ia tidak berpeluang untuk menang, menarik diri di saat-saat akhir. Tetapi kerana penarikan dirinya terlalu lewat, maka pengundian terpaksa juga diteruskan. Dalam pengundian kali kedua ini, Malaysia berjaya mendapat sokongan 143 buah negara, manakala Bangladesh cuma 5. Dengan kemenangan itu, bermakna Malaysia buat kali kedua dalam sejarahnya berjaya menganggotai Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu untuk tempoh selama dua tahun mulai Januari 1989 hingga Disember 1990. Kali pertama kita menjadi anggota Majlis Keselamatan ialah pada 1965. Tetapi waktu itu tempoh dua tahun itu kita kongsi bersama Yugoslavia setahun setiap satu negara. Bagaimanapun kejayaan kali kedua ini memberi pengertian yang lebih besar kerana kita tidak berkongsi dengan sesiapa. Kita akan menjadi wakil Asia (menggantikan tempat yang dikosongkan oleh Jepun) dalam Majlis Keselamatan untuk tempoh dua tahun sepenuhnya.

Apa pentingnya Malaysia berada dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu? Untuk memahaminya kita perlu memahami fungsi Majlis Keselamatan itu sendiri dan peranan yang ia mainkan bukan sekadar dalam PBB, tetapi juga dalam perancangan dan pergolakan politik antarabangsa sejak ia diwujudkan oleh Deklarasi San Francisco selepas Perang Dunia Kedua pada pertengahan abad ini.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa Majlis Keselamatan adalah organ terpenting PBB. Jika pertubuhan dunia itu boleh diibaratkan sebagai sebuah negara, maka Majlis Keselamatan adalah kabinetnya. Ini bermakna ia adalah simbol kuasa dalam badan dunia itu. Keanggotaan ke majlis tersebut adalah terbatas. Tidak semua negara anggota Bangsa-bangsa Bersatu boleh menduduki kerusi Majlis Keselamatan. Ini kerana Bangsa-bangsa Bersatu

mempunyai 15 buah negara. Majlis Keselamatan cuma dianggotai oleh 15 buah negara anggota pada satu-satu ketika. Lima dari 15 anggota Majlis Keselamatan itu pula terdiri dari anggota-anggota tetap. Mereka terdiri daripada kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Rusia, Great Britain, Perancis dan China (antara 1945 kerusi China ini diduduki oleh Taiwan, tetapi sejak 1972 China komunis mengambil alih kerusi tersebut).

Selain lima anggota tetap ini, terdapat 10 anggota lain yang tidak tetap, kerana mereka menduduki kerusi tersebut secara bergilir-gilir untuk tempoh dua tahun bagi setiap giliran. Kedudukan 10 buah negara tidak tetap ini ditentukan oleh pemilihan melalui perhimpunan agung Bangsa-bangsa Bersatu yang mengadakan pertemuan setahun sekali untuk beberapa bulan. Untuk memastikan bahawa setiap benua di dunia ini diwakili dalam Majlis Keselamatan, maka pembahagian kerusi dibuat berdasarkan kedudukan geografi. Asia, Afrika, Amerika Selatan dan Eropah Barat diperuntukkan dua kerusi setiap satu, satu untuk Eropah Timur, manakala satu lagi kerusi biasanya menjadi rebutan antara Asia dan Afrika.

Untuk tempoh dua tahun 1989-90, selain dari Malaysia, anggota tidak tetap Majlis Keselamatan itu terdiri daripada Sri Lanka, Columbia, Brazil (mewakili Amerika Selatan), Ethiopia, Algeria, Senegal (mewakili Afrika), Kanada (Amerika Utara) serta Finland, dan Yugoslavia (Eropah).

Fungsi utama Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu ialah memelihara dan mengekalkan keselamatan dan keamanan antarabangsa. Tugas ini telah dipertanggungjawabkan kepada majlis itu oleh anggota-anggota PBB untuk memastikan bahawa sebarang pertelingkahan yang timbul antara negara-negara diselesaikan segera. Inilah peranan yang dimainkan oleh badan dunia itu sejak tahun 1945 setelah ia diakui sebagai orang tengah bagi apa juga pertikaian yang melibatkan negara-negara anggota. Dalam berbuat demikian, Majlis Keselamatan sebenarnya bertindak bagi PBB itu sendiri. Dalam menghadapi krisis, konflik atau perang yang terhad, Majlis Keselamatan berkuasa untuk mengarahkan supaya diadakan gencatan senjata di antara puak-puak yang bergaduh. Ia juga berkuasa untuk mengerahkan pasukan keselamatan badan dunia itu untuk menyelia puak-

puak yang berbalah mengundurkan pasukan masing-masing seperti yang pernah dilakukan di Kongo dalam tahun-tahun 1960-an dulu atau dalam perang Iran-Iraq yang berakhir tahun lalu (1988). Ia juga boleh mengirim pasukan keamanan seperti yang dibuat di Lebanon atau kawasan-kawasan lain jika ada permintaan.

Selain dari itu, menjadi tugas Majlis Keselamatan juga membincangkan konflik, krisis yang berlaku dari semasa ke semasa dan meluluskan sebarang ketetapan yang difikirkan perlu untuk meredakan ketegangan dan meminta pihak-pihak yang terlibat supaya mematuhi. Misalnya, dalam sidang-sidang Majlis Keselamatan (baik yang diadakan mengikut jadual atau secara tergepar kerana permintaan) antara Jun 1987 hingga Jun 1988, antara perkara penting yang telah dibahaskan termasuklah kes tanah Palestin di Tebing Barat dan Gaza yang telah diduduki oleh Israel (16 kali), persoalan kekejaman rejim aparteid di Afrika Selatan (8 kali), masalah Asia Barat dan keadaan di Namibia.

Jelas bahawa tugas utama Majlis Keselamatan ialah mengendalikan pertikaian yang timbul di kalangan bangsa-bangsa di dunia. Ia merupakan jentera yang diamanahkan oleh PBB untuk merancang tindakan yang sesuai untuk mengelakkan konflik, krisis atau perang berlarutan atau menjadi semakin buruk. Dalam membuat keputusan atau ketetapan, Majlis Keselamatan perlu mencapai kata muktamad secara konsensus. Tugas ini tidak mudah dan setiap ketetapan mesti mendapat persetujuan lima kuasa besar yang menjadi anggota tetap. Jika keputusan yang dirangka tidak disetujui, ia boleh *diveto* oleh kuasa-kuasa besar itu. Hanya lima kuasa besar itu saja yang mempunyai kuasa *veto*. Sepuluh buah anggota tidak tetap tidak mempunyai kuasa. Dari segi ini, dapat dirumuskan bahawa Majlis Keselamatan adalah medan bagi kuasa-kuasa besar menyatakan kedudukan mereka mengenai sebarang pergolakan antarabangsa berkaitan dengan soal keselamatan dan keamanan. Jika mereka tidak bersetuju tentang perkara-perkara yang melibatkan kepentingan mereka atau negara-negara lain yang bersahabat dengan mereka, kuasa-kuasa besar itu tidak teragak-agak akan menggunakan kuasa pembatal untuk menolak rancangan yang dikemukakan oleh 10 anggota yang lain.

Pembatalan ini pernah berlaku sebelumnya. Amerika pernah menggunakan kuasa *vetonya* beberapa kali untuk menolak ketetapan yang dikemukakan oleh anggota Majlis Keselamatan yang lain untuk mengutuk sahabatnya, Israel. Rusia pernah menggunakannya untuk satu ketetapan Majlis Keselamatan yang mengecam Indonesia kerana melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia pada tahun 1963.

Oleh kerana Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu adalah satu organ yang penting, maka mana-mana negara yang menganggotainya boleh menggunakan kedudukan yang diperolehi untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam sebarang pergolakan antarabangsa. Tidak syak lagi bagi Malaysia, inilah pengertian utama di sebalik kejayaannya menganggotai Majlis Keselamatan itu. Dengan kedudukan yang ada, ia boleh menyuarakan pandangan dan mengambil pendirian tentang isu-isu penting politik antarabangsa. Ia boleh mengambil daya usaha mengemukakan sebarang ketetapan; menentukan halacara isu-isu yang hendak dibahaskan berkait dengan soal-soal yang ia perjuangkan. Ini termasuklah soal Antartika, peranan kuasa-kuasa besar dan sebagainya.

Selain dari itu, Malaysia juga mendapat prestij baru. Namanya akan lebih dikenali oleh masyarakat antarabangsa. Pendiannya terhadap soal-soal penting dunia akan lebih diketahui. Dengan kata lain, Malaysia boleh bertindak sebagai jurucakap bukan sahaja untuk negara-negara Asia, tetapi juga untuk negara-negara sedang membangun yang lain untuk menyatakan hak mereka. Tetapi serentak dengan *glamour* yang diperolehi, menjadi anggota Majlis Keselamatan juga ada risiko yang membolehkan negara ini menjadi tidak popular. Ini kerana Majlis Keselamatan selalu membuat keputusan untuk mendamaikan dua negara yang berbalah. Dalam mengemukakan penyelesaian, satu pihak mungkin berpuas hati, sementara pihak yang satu lagi mungkin tidak. Pihak yang tidak berpuas hati dengan pendirian Malaysia berkemungkinan akan menjadi musuh Malaysia atau tidak disenangi. Tetapi bagi Malaysia, inilah peluang untuknya membuktikan bahawa ia boleh mengemukakan pandangan-pandangan yang bernas bagaimana untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa yang semakin aktif

disuarakan sejak Dr. Mahathir Mohamad menjadi perdana menteri. Selama ini, suara-suara itu diketengahkan melalui forum-forum (seperti perhimpunan agung Bangsa-bangsa Bersatu) yang diadakan dari semasa ke semasa. Tetapi untuk tempoh dua tahun 1989-90 Malaysia mempunyai forum yang tetap untuk menyatakan pandangannya secara konsisten dan berterus terang melalui platform Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Sesungguhnya dari segi dasar luar dan dalam dunia diplomatik, kejayaan Malaysia menganggotai Majlis Keselamatan ini adalah satu kejayaan gemilang dan besar maknanya kepada maruah bangsa. Ia adalah petanda bahawa walaupun kita negara kecil, namun kita sudah bersedia memainkan peranan dalam percaturan politik antarabangsa yang selama ini seolah-olah menjadi hak kuasa-kuasa besar sahaja. Tetapi sekarang Malaysia bersama dengan kuasa-kuasa besar itu boleh menetapkan halacara politik antarabangsa.

### *Pengerusi Kumpulan 77*

Kumpulan 77 ialah sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh negara-negara dunia ketiga untuk memperjuangkan hak ekonomi yang lebih adil dalam sistem ekonomi antarabangsa. Nama itu digunakan sempena jumlah negara yang menghadiri pembentukannya, iaitu 77 buah negara. Tetapi sejak itu, anggota Kumpulan 77 sudah bertambah menjadi 127 buah negara yang juga terdiri daripada anggota PBB.

Malaysia sebenarnya tidak meminta supaya ia dicalonkan bagi jawatan pengerusi kumpulan tersebut. Pencalonan Malaysia adalah secara kebetulan. Ia dibuat oleh Pakistan yang bertindak sebagai pengerusi kumpulan tersebut ketika itu. Sewaktu hendak melepaskan kedudukan itu, wakil Pakistan di PBB mencadangkan supaya Malaysia dilantik sebagai pengerusi. Cadangan Pakistan itu tidak mendapat bantahan. Juga tidak ada nama negara lain dicalonkan bagi kedudukan itu. Malah, negara-negara Kumpulan 77 yang lain secara konsensus memberikan persetujuan supaya Malaysia menjadi pengerusi kumpulan itu bagi tahun 1989.

Walaupun pemilihan Malaysia adalah kebetulan, rekod Ma-



laysia dalam usaha mengeratkan kerjasama ekonomi di kalangan dunia sedang membangun yang dikenali sebagai Selatan dalam pola ekonomi antarabangsa, sudah pasti memainkan peranan penting. Sekali lagi, ketokohan Dr. Mahathir dalam perjuangannya bagi meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan telah diambil kira dalam pencalonan Malaysia ini. Ini kerana Dr. Mahathir tidak sahaja membuat gesaan atau laungan kosong, tetapi menyusul seruan-seruan yang dibuat dengan program yang konkrit. Suruhanjaya Selatan-Selatan yang dibentuk khusus untuk mencari cara-cara meningkatkan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara membangun adalah atas usaha Dr. Mahathir. Dr. Mahathir telah mencadangkan penubuhan suruhanjaya itu dalam sidang Selatan-Selatan kedua yang berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 1985. Gagasan itu mendapat sokongan banyak negara sedang membangun yang lain. Tetapi Dr. Mahathir tahu bahawa sekiranya merealisasikan gagasan itu diserahkan kepada mana-mana pertubuhan dunia ketiga, ia tidak dapat dijadikan kenyataan segera.

Di kalangan dunia ketiga terlalu banyak *politiking* di antara mereka. Lantaran itu beliau mengambil daya usaha sendirian dengan kerjasama Yayasan Selatan yang beribu pejabat di London untuk menubuhkan Suruhanjaya Selatan-Selatan itu. Dr. Mahathir mengumumkan penubuhannya di sidang puncak negara-negara berkecuali di Harare, Zimbabwe pada tahun 1986. Penubuhan itu tidak dibincangkan oleh persidangan itu. Beliau hanya meminta sokongan mereka. Sokongan diperolehi dan Malaysia menjadi penyumbang pertama bagi membiayai penubuhan suruhanjaya itu. Malah Dr. Mahathir sendiri yang menentukan siapa yang hendak menjadi pengerusinya. Tokoh pilihan beliau ialah bekas presiden Tanzania, Julius Nyerere. Dr. Mahathir sendiri pergi ke Tanzania sewaktu berada di Harare, untuk menyampaikan undangan kepada Nyerere menjadi pengerusi. Beliau bersetuju dan Suruhanjaya Selatan-Selatan menjadi kenyataan. Negara-negara lain juga kemudian turut mengikrarkan sumbangan bagi membiayai kos suruhanjaya itu.

Tidak syak lagi, rekod inilah yang telah membolehkan Malaysia dicalonkan sebagai pengerusi Kumpulan 77 pada 10 Januari 1989 untuk tempoh setahun.

### *Tuan Rumah Ketua-ketua Kerajaan Komanwel*

Malaysia adalah antara negara yang paling awal menyertai Komanwel. Tetapi sebagai sebuah negara anggota, ia masih belum lagi pernah menjadi tuan rumah kepada persidangan ketua-ketua kerajaan Komanwel yang diadakan setiap dua tahun sekali itu. Tetapi di bawah pimpinan Dr. Mahathir, Malaysia dapat berbuat demikian. Walaupun setelah dipilih sebagai tuan rumah pada sidang Komanwel pada tahun 1987 di Kanada, ada lobi supaya sidang itu dipindahkan ke negara Komanwel lain, tetapi usaha itu tidak berjaya.

Dalam politik antarabangsa, Komanwel bukanlah lagi sebuah pertubuhan yang berpengaruh. Tetapi apa yang berlaku dalam pertubuhan itu masih dianggap penting. Ini kerana Komanwel dianggotai oleh hampir separuh negara di dunia ini, semuanya bekas tanah jajahan British yang telah dimerdekakan. Kerana itu, serba sedikit pengaruhnya masih ada.

Dr. Mahathir sendiri apabila mengambil alih pimpinan negara pada mulanya menganggap Komanwel sebagai sebuah pertubuhan yang remeh. Beliau enggan menghadiri sidang ketua-ketua kerajaan Komanwel yang berlangsung di India. Tetapi, dua tiga tahun selepas itu, beliau mengambil pendirian yang berbeza. Selepas itu, beliau menghadiri sidang ketua-ketua kerajaan yang diadakan di Bahamas pada tahun 1985 dan seterusnya sidang dua tahun kemudian di Kanada. Di sidang itu, Dr. Mahathir menawarkan Malaysia menjadi tuan rumah bagi persidangan tahun 1989 dan negara-negara anggota bersetuju. Maka buat pertama kalinya dalam sejarahnya, Malaysia menjadi tuan rumah kepada persidangan negara-negara Komanwel. Ketua-ketua kerajaan Komanwel, termasuk Ratu England, Queen Elizabeth, menghadirinya. Dalam diplomasi antarabangsa, Malaysia mencatatkan satu lagi kejayaan.

## KESIMPULAN

---

SEBAGAI perdana menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi perhatian yang teliti terhadap dasar luar Malaysia. Ini adalah selari dengan amalan perdana menteri-perdana menteri sebelum beliau. Malah semasa Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak, di samping menjadi perdana menteri, mereka juga bertindak sebagai menteri luar pada waktu yang sama. Bagaimanapun Dr. Mahathir telah tidak berbuat demikian. Beliau mempunyai menteri luarnya sendiri untuk menguruskan hal-ehwal luar Malaysia. Tan Sri Ghazali Shafie merupakan menteri luar yang pertama di bawah Dr. Mahathir; diikuti oleh Tengku Ahmad Rithauddeen, Datuk Rais Yatim dan Datuk Abu Hassan Omar.

Walaupun kementerian luar mempunyai menteri luar, dalam membuat keputusan-keputusan penting, Dr. Mahathir mengenakan kawalan yang ketat. Malah pemerhati-pemerhati mengatakan bahawa beliau sendiri yang membuat keputusan-keputusan mengenai dasar luar itu. Dr. Zakaria Ahmad misalnya, dalam buku *Government and Politics of Malaysia* menyatakan bahawa di bawah Dr. Mahathir, pembuatan dasar luar telah dipindahkan dari Wisma Putra ke Jabatan Perdana Menteri. Kata-kata ini membayangkan bahawa Dr. Mahathir mempunyai kawalan mutlak untuk menentukan dasar luar negeri dengan ruang yang sedikit bagi menteri luar atau pegawai-pegawai di Wisma Putra mengambil inisiatif mereka sendiri kecuali barangkali dari segi pelaksanaan. Malah seorang menteri yang sekejap pernah menjadi menteri luar mengakui bahawa di bawah Dr. Mahathir, tugas seorang menteri luar seolah-olah seperti seorang 'posmen' yang membawa mesej perdana menteri untuk disampaikan secara peribadi kepada pemimpin-pemimpin dunia yang lain.

Ada pula yang mengatakan bahawa di bawah Dr. Mahathir, menjadi menteri luar telah kehilangan *glamour*nya. Tetapi pandangan ini tidak tepat dan banyak bergantung pada personaliti orang yang ditempatkan sebagai menteri di Wisma Putra. Tan Sri Ghazali Shafie yang menjadi menteri luar antara Julai 1981 hingga perletakan jawatannya pada tahun 1984 telah berjaya menjadikan tugasnya di Wisma Putra sebagai suatu yang penting kerana personalitinya yang *versatile*. Yang lain tidak begitu berupaya bukan sahaja di kementerian luar, tetapi di kementerian-kementerian lain juga. Malah tokoh seperti ini pun kalau diletakkan di sebuah kementerian penting sekalipun akan menjadikan kementerian itu tidak dianggap penting kerana pembawaannya.

Sebelum mengambil alih tugas perdana menteri, Dr. Mahathir memang tidak pernah mengendalikan hal-ehwal luar negeri. Beliau tidak pernah bertugas di kementerian luar sebelum itu. Tanpa latar belakang tersebut tidak pula bermakna beliau kekok menguruskan hal-ehwal luar Malaysia. Malah dalam masa yang singkat, Dr. Mahathir memperlihatkan penguasaan yang cukup baik, memuaskan malah ada yang mengatakan cemerlang dalam pengendalian dasar luarnya.

Perhatian teliti yang diberikan oleh beliau terhadap dasar luar bagaimanapun, tidak pula bermakna berlaku perubahan dalam tujuan dan matlamat dasar luar. Yang berubah cuma stail. Tujuan dan matlamat asal dasar luar Malaysia yang asal setelah ia mencapai kemerdekaan tetap kekal di bawah Dr. Mahathir. Matlamat itu ialah untuk menjaga kepentingan negara dalam forum-forum antarabangsa. Kepentingan nasional, atau nilai minimum asas itu, senarainya cukup panjang, tetapi yang penting antaranya termasuklah; memelihara keselamatan nasional, iaitu menjaga keutuhan wilayah dan kebebasan politik serta kepentingan ekonomi (mendapatkan pasaran dan mencari pelaburan). Dengan kata lain, di bawah pimpinan Dr. Mahathir, dasar luar juga telah digerakkan untuk menjaga kepentingan dalam negeri dalam arena antarabangsa.

Sejak mula lagi, beliau sudah menjelaskan bahawa dasar luar Malaysia akan dikendalikan dengan tujuan untuk mengurangkan musuh Malaysia pada jumlah yang kecil. Dengan kata lain,

Dr. Mahathir ingin memperbanyakkan kawan dan mengurangkan lawan. Malah beliau sendiri melihat bahawa di luar, tidak ada negara yang boleh dianggap sebagai musuh yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah Malaysia. Indonesia dan Filipina yang sewaktu pembentukan Malaysia pernah mengancam keselamatan negara, tidak lagi dianggap sebagai musuh. Vietnam, yang disifatkan sebagai musuh yang berpotensi oleh banyak kalangan, terutamanya selepas ia melanggar Kampuchea dan menegakkan rejim sokongannya, tidak dianggap sebagai musuh oleh Dr. Mahathir. Singapura yang mempunyai sejarah pahit sewaktu berada dalam Malaysia juga tidak mengancam keselamatan Malaysia. Benar terdapat kebimbangan di sesetengah kalangan dalam angkatan bersenjata mengenai dasar pertahanan Singapura yang melengkapkan negara itu dengan senjata-senjata termoden, tetapi Dr. Mahathir secara terbuka tidak menganggap Singapura sebagai musuh Malaysia. Bagi beliau, pembinaan angkatan bersenjata Singapura adalah untuk memenuhi keperluannya, sama seperti yang telah dilakukan oleh Malaysia sendiri atau negara-negara lain. Dengan kata lain, jelas bahawa sewaktu Dr. Mahathir menjadi perdana menteri, musuh yang ketara boleh mengancam keutuhan wilayahnya boleh dikatakan tidak ada. Kalaupun ada pergeseran berkait dengan sempadan yang belum diselesaikan dengan negara-negara jiran ekornya pewujudan Zon Eksklusif Ekonomi. Ia tidak meletup menjadi satu ancaman. Sebaliknya, usaha dibuat untuk menyelesaikannya melalui saluran diplomatik biasa. Kerana itu, dasar luar Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir adalah bertujuan untuk keamanan dan tidak untuk mengancam sesiapa.

Tetapi sejak mula lagi jelas bahawa Dr. Mahathir tidak akan mengambil pendekatan yang pasif dalam menyuarakan kepentingan-kepentingan Malaysia (dan juga dunia ketiga yang lain) dalam forum-forum antarabangsa. Sesuai dengan hasratnya untuk menjadikan Malaysia sebagai bangsa yang bermaruah di dalam dan di luar negeri, beliau telah mengambil sikap yang agresif dalam menghadapi negara-negara maju. Beliau menyatakan pandangannya secara terus terang; adakalanya dengan cara yang kritikal dan tidak disenangi. Tindakan beliau itu telah memberi kesan yang bertentangan. Di kalangan negara-negara

sedang membangun, Dr. Mahathir telah berjaya menjadikan dirinya (dan juga Malaysia) lebih popular daripada dahulunya. Di kalangan dunia maju pada mulanya terdapat salah faham terhadap dasar Dr. Mahathir menyebabkan beliau tidak begitu disenangi. Akhbar-akhbar Barat menjadikan beliau sebagai bahan laporan negatif. Tetapi lama-kelamaan, beliau mendapat penghormatan. Ini terbukti apabila Dr. Mahathir atau Malaysia menawarkan dirinya bagi jawatan dalam institusi antarabangsa dan kuasa-kuasa besar turut memberikan sokongan. Mereka tidak membantah pemilihan Dr. Mahathir sebagai presiden persidangan dadah antarabangsa; tidak ada kuasa besar yang mengveto Malaysia sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dengan kata lain, kelantangan Dr. Mahathir telah membantu memperkenalkan Malaysia di kaca mata antarabangsa dengan kadar yang tidak pernah dicapai sebelum ini. Malaysia bukan sahaja lebih dikenali oleh negara-negara maju, tetapi juga oleh negara-negara kecil yang mendapat faedah daripada program kerjasama teknik yang diwujudkan oleh Malaysia untuk membantu mereka. Harapannya di sini bukan sekadar untuk menjalin hubungan, tetapi juga untuk mencari pasaran bagi barangan dan perkhidmatan Malaysia di negara-negara yang tidak dipandang oleh pemimpin sebelum Mahathir.

Apabila Dr. Mahathir menjalin hubungan erat dengan kepulauan Mauritius di Lautan Hindi, tujuan utamanya ialah untuk menjadikan pulau itu sebagai batu loncatan bagi pasaran Malaysia ke benua Afrika yang belum diterokai sepenuhnya selama ini. Selain itu, Mauritius juga menawarkan Malaysia akses kepada pasaran Eropah Barat melalui kemudahan Lome Convention yang terjalin antara negara pulau itu dengan EEC. Di bawah perjanjian Lome itu, barangan Mauritius mendapat layanan istimewa di EEC, tetapi kemudahan tersebut tidak pernah digunakan sepenuhnya. Malaysia boleh membuka kilang secara usahasama dengan Mauritius dan barangan siapnya boleh diekspor ke EEC mengguna tanda *Made in Mauritius*. Inilah peluang perniagaan yang cuba diterokai oleh Dr. Mahathir apabila beliau mendekati Malaysia dengan negara-negara kecil di Afrika dan Pasifik.

Meluaskan pasaran Malaysia ini adalah penting bagi ekonomi Malaysia dari segi jangka panjang. Malaysia kini dalam proses untuk menjadikan dirinya sebagai negara perindustrian baru, iaitu satu status yang kini dimiliki oleh Singapura, Taiwan, Korea Selatan dan Hong Kong. Malaysia tahu bahawa pasaran negara-negara maju adalah penuh saingan, dan kerana itu ia perlu meneroka pasaran baru yang tidak begitu diberikan perhatian oleh negara-negara lain. Pasaran negara-negara kecil itu tidaklah besar, tetapi perhitungan Dr. Mahathir ialah sekiranya pasaran-pasaran kecil itu boleh ditawan, secara kolektif ia adalah besar.

Untuk memenuhi matlamat ini, dasar luar Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir telah memberi penekanan yang lebih besar kepada diplomasi ekonomi. Di bawah pegangan ini, asas hubungan Malaysia dengan negara asing tidak lagi diasaskan pada ideologi atau politik seperti sebelum itu. Malaysia sedia menjalin hubungan dengan mana-mana negara yang mempunyai ideologi dan sistem politik yang bertentangan dengannya sekiranya hubungan itu boleh memberi manfaat ekonomi kepadanya. Tetapi itu tidak pula bermakna Malaysia memberi cek kosong kepada negara yang ingin disahabatinya itu untuk campur tangan dalam urusan dalam negerinya. Malaysia tetap meminta negara-negara itu supaya menghormati prinsip tidak campur tangan dalam urusan dalam negeri satu sama lain.

Sudah pasti tidak semua pihak berpendapat bahawa cara dan gaya Dr. Mahathir mengendalikan hubungan Malaysia dengan negara-negara asing telah memberi manfaat kepada Malaysia. Di dalam negeri, ada pihak yang berpendapat bahawa kelantangan Dr. Mahathir mengkritik negara-negara maju telah membawa kesan buruk kepada kepentingan ekonomi Malaysia. Ada yang berkata bahawa kerana Dr. Mahathir mengambil pendirian yang bermusuhan dengan negara-negara maju telah menyebabkan komoditi Malaysia tidak mendapat pasaran yang baik di negara-negara maju. Menurut dakwaan golongan ini, negara-negara itu, telah mengurangkan pembelian bahan-bahan mentah Malaysia yang telah menyebabkan ekonomi Malaysia sengsara kerananya satu dua tahun selepas Dr. Mahathir mengambil alih kepimpinan. Pandangan ini seolah-olah benar kerana antara tahun

1983 hingga 1986, Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang rendah dari biasa. Malah pada tahun 1986, Malaysia telah mencatat pertumbuhan ekonomi yang negatif, katanya, berpunca dari kritik-kritik Dr. Mahathir terhadap negara maju.

Pandangan ini sebenarnya tidak berapa tepat. Ia tidak ada kena-mengena dengan dasar luar Malaysia, atau gaya Dr. Mahathir mengendalikan dasar luar. Ia ada kaitan dengan kemelesetan ekonomi yang menyeluruh. Terbukti apabila ekonomi pulih semula selepas tahun 1986, barangan mentah Malaysia tetap dibeli oleh pengguna-pengguna negara maju. Angka eksport komoditi bagi tahun 1988, yang diumumkan oleh Menteri Perusahaan Utama mencatatkan bahawa Malaysia telah memperolehi tukaran asing bernilai 28.3 bilion ringgit. Dari jumlah ini, getah dan minyak sawit menyumbangkan 10 bilion ringgit mengatasi pendapatan petroleum yang bernilai hanya 8.8 bilion ringgit. Ini bermakna petroleum mentah dan gas asli, satu ketika pendapatan utama negara dari segi nilai memberi sumbangan yang lebih rendah. Perkembangan ini tidak ada kena mengena dengan kelantangan Dr. Mahathir menyuarakan pendapat, tetapi lebih merupakan satu fenomena ekonomi yang Dr. Mahathir sendiri tidak berupaya mengawalinya.



## BIBLIOGRAFI

- 
- Abdullah Ahmad, *Tunku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy*, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1987.
- Alagappa Muthiah (ed.), *In Search of Peace. Confidence Building and Conflict Reduction*, Institute of International and Strategic Studies, Kuala Lumpur, 1988.
- \_\_\_\_\_, *The National Security of Developing States*, Auburn House Publishing Company, Massachusetts, 1987.
- Anam, Jaitly, *International Politics, Major Contemporary Trends and Issues*, Sterling Publishers Private Limited, New Delhi, 1984.
- Bandyopadhyaya, Jayantanuja, *North Over South*, Harvester Press, Sussex, 1982.
- Bethen, S. dan Volgyes, I. (eds.), *Europe and the Superpowers, Political, Economic and Military Policies in the 1980s*: Westview Press, Colorado, 1985.
- Chamil Wariya, *Leadership Change and Security in Malaysia: The UMNO Experience*, kertas kerja yang dibentangkan di bengkel mengenai 'Leadership and Security in Southeast Asia, Problems of Leadership Succession and Regeneration', anjuran Institute of Southeast Asian Studies, Bangkok, 1989.
- \_\_\_\_\_, *UMNO Era Mahathir*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1988.
- \_\_\_\_\_, *UMNO Baru: Kelahiran dan Perkembangan Awal*, K. Publishing & Distributors, Kuala Lumpur, 1988.
- Cheng Kek Yoong, 'Mahathir Administrations: Leadership and Change', dalam *A Multi-Racial Society*, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1987.
- Chomsky, N. dan Steele, J., *Super Powers Collision, The New Cold War*, Penguin Books, New York, 1982.
- David, B. dan Andrew, L., *Qaddafi and the Libyan Revolution*,

Gorgi Books, London, 1988.

Diane, K.M. (ed.), *Politics in the Asean States*, Marican and Sons, Kuala Lumpur, 1987.

Frankel, J., *Hubungan Antarabangsa dalam Dunia yang Semakin Bergolak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987.

Ghazali Shafie, *Malaysia International Relations*, Creative Enterprise, Kuala Lumpur, 1982.

\_\_\_\_\_, 'Security Concerns in the Asia Pacific Region and Prospects for Regional Cooperation', kertas kerja yang dibentangkan di seminar antarabangsa mengenai keamanan dan keselamatan anjuran Institute of International Asian Studies, Tokyo, 1986.

\_\_\_\_\_, 'Asean and Security', kertas kerja yang dibentangkan di Pine Tree Club, Singapura, 1985.

\_\_\_\_\_, 'Towards a Pacific Basin Community, A Malaysian Perception', ucapan di persidangan mengenai asas-asas baru bagi keselamatan Asia dan Pasific, Pattaya, Thailand, 1979.

Gill, G., *The Soviet Union and Southeast Asia: A New Beginning Contemporary South East Asia*, Jil. 10, Bil. 1, Institute of Southeast Asian Studies, Singapura, 1988.

Gorbachev, Mikhail, dan Perestroika, *New Thinking For Our Country and the World*, Williams Collin and Sons Ltd., London, 1988.

Granville, J., *A World History of the 20th Century*, Jil. 1, 1900-1945, Western Dominance, Fontana, 1980.

Hamzah, B.A., *Asean Relations with Dialogue Partners*, Pelanduk Publications, (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1989.

Holsti, K.J., *International Politics: A Framework for Analysis*, Prentice-Hall, Inc., Englewood Cliffs, New Jersey, 1967.

Lawrence, Z., *The Middle East Political Dictionary*, ABC-CLIO Information Services, Santa Barbara, California, 1986.

Institut Tadbiran Awam Malaysia (INTAN), *Dasar-dasar Utama Kerajaan*, Penerbitan Intan, Kuala Lumpur, 1988.

John Saravanamuthu, *The Dilemma of Independence, Two Decades of Malaysia's Foreign Policy 1957-1977*, Penerbitan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1983.

Jomo, K.S., (ed.), *Dasar-dasar Ekonomi Mahathir*, edisi ke-3, Institut Analisa Social (INSAN), Kuala Lumpur, 1987.

- Mahathir Mohamad, teks ucapan di perhimpunan agung Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1982, 1984, 1986.
- Noraini Abdullah, 'Leadership in Malaysia: Security Perceptions and Policies', dalam *Leadership Perceptions and National Security*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapura, 1989.
- Zakaria Haji Ahmad (ed.), *Government and Politics of Malaysia*, Oxford University Press, Petaling Jaya, 1987.

# INDEKS

- 
- Abdul Razak, Tun, 31, 32  
Abu Hassan Omar, 123  
Adolf Hitler, 4  
Afghanistan, 106  
Afrika Selatan, 27  
AMDA, 23-9, 30, 31, 37  
Amerika Syarikat, 4, 5  
Antartika, 99-102  
antikomunis, 21  
aparteid, 105  
ASA (Persatuan Negara-negara Asia Tenggara), 27, 31, 37  
ASAS, 27  
ASEAN (lihat juga Persatuan Negara-negara Asia Tenggara), 19, 27, 31, 37, 39  
Asia Tenggara, 36  
Asri Haji Muda, Datuk, 43
- Bangsa-bangsa Bersatu, Majlis Keselamatan, 115-20  
Barat, 69-70  
Benard Baruch, 21  
berkecuali, 16  
B.G. Lee, 40  
blok, 23  
Britain, 26  
Brunei Darussalam, 36, 39, 40, 48  
*Buy British Last*, 53
- China, 5  
Comintern, 5
- dadah, memerangi penyalahgunaan, 107-8  
Persidangan Antarabangsa, 112-15
- dasar luar, definisi, 2  
gubal, 8-11  
matlamat, 2  
objektif, 3-8  
orientasi, 11-19
- Dasar Pandang ke Timur, kritik-kritik, 76-8  
penjelasan Mahathir, 65-6
- Datu Mustapha Datu Harun, Tun, 43  
*dawn raid*, 58  
DEB, 57  
Deklarasi Bangkok, 31, 37  
Deklarasi Kuala Lumpur, 33, 39  
*detente*, 27, 28, 34  
diplomasi ekonomi, 50  
Dr. Ismail, Tun, 31  
Dunia Ketiga, 36
- ekonomi antarabangsa, struktur, 81  
ekonomi pasaran bebas, 22  
European Economic Community (EEC), 6, 19, 41, 57, 126
- Filipina, 29, 39  
Five Power Defence Arrangement (PFDA), 23, 40
- Ghazali Shafie, Tan Sri, 36, 80, 123, 124  
*glasnost*, 4
- Hussein Onn, Tun, 33

- ICDAIT, 113-15  
 Indonesia, 29  
 Islam, 41  
 Islam Moro, 43
- Jepun, kejayaan, 66-9  
 Julius Nyerere, 80
- kad perakam waktu, 72  
 Kampuchea, 106  
 Karl Marx, 5  
 kebangkitan Islam, 106-7  
 kebebasan wilayah, 3  
 kepentingan ekonomi, 70  
 kerjasama ekonomi, 70  
 kerjasama teknik Malaysia, 49  
 keutuhan politik, 3  
 Komanwel, 27, 46-7  
   ketua-ketua kerajaan, 122  
 komoditi, 51, 98-9  
 komunisme / sosialisme, 4  
 konfrontasi, kesan, 29  
 kuasa-kuasa besar, 47  
 kumpulan, 77, 80  
   pengerusi, 120-1
- Laut China Selatan, 38  
 liberal demokratik, 22  
 Limbang, 39  
*Lome Convention*, 126  
 London, 1, 30
- Mahathir Mohamad, 3, 5, 44, 56  
   isu utama dunia, 94-110  
   memimpin dunia, 111-12, 123  
 Malaya, 26  
*Malay Dilemma*, 56  
 Malaysia, pembentukan, 27  
 MAPHILINDO, 27, 31, 37  
 Margaret Thatcher, 61  
 Melayu Patani, 43  
 Mujahiddin Afghanistan, 42, 43  
 Musa Ahmad, 25
- Nagasaki, 22
- Nato, 18, 19  
 Nazi, 4  
 negara-negara kecil, 48  
 negara maju, keperluan, 108-10  
 negara perindustrian baru  
 (NIC), 127  
 neo imperialisme, 15
- Organisation of Islamic Conference (OIC), 41
- Pakatan Warsaw, 19  
 Palestin, 42, 103-5  
 Parti Komunis Indonesia (PKI), 29  
 Parti Komunis Malaya (PKM), 5  
 pasaran bebas, 4  
 pelajar, 60  
 pemencilan, 11  
 peranan aktif, 17  
 perang dingin, 21, 27  
*perestroika*, 4  
 Pergerakan Berkecuali, 44-6  
 perikatan militer, 18  
 Perjanjian Pangkor, 47  
 perluasan, 13  
 Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Lihat ASEAN), 19  
 Persatuan Negara-negara Pengeluar dan Pengeksport Minyak (OPEC), 19  
 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), 7  
   peranan, 96-8  
 PLO, 42  
 pro-Barat, 15, 21
- QCC, 73, 74
- Rais Yatim, 123  
 Rashid Mydin, 25  
 Revolusi Bolshevik, 5  
 Rusia, 4, 5
- Sabah, 29

- Sarawak, 29  
SEAFET, 36  
Selatan, 79  
    negara, 85  
    suruhanjaya, 80  
Selat Melaka, 38  
senjata nuklear, perlumbaan dan  
    penyebaran, 22  
Shamsiah Fakeh, 25  
Singapura, 29, 40  
Spratly, 40  
Suharto, 30  
Sukarno, 5, 29  
Tengku Ahmad Rithauddeen,  
    123  
Timur Suez, 30  
Tunku Abdul Rahman, 23, 25, 36  
UNCTAD, 79  
Utara, negara-negara, 81  
Utara-Selatan, interaksi, 89  
Wisma Putra, 1  
Yayasan Selatan, 80  
yen, 74  
Zon eksklusif ekonomi, 125  
ZOPFAN, 38